



# **SYED SYEIKH AL-HADI**

**Cendekia dan Sasterawan Ulung**

03 NOV 2003

APB      NASKAH PEMELIHARAAN  
          PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
          01121064



**SYED SYEIKH AL-HADI**

*Sumber: Arkib Negara Malaysia*

SIRI KEFAHAMAN BUDAYA (1)  
CENDEKIA MELAYU DI PULAU PINANG

# SYED SYEIKH AL-HADI

Cendekia dan Sasterawan Ulung

Editor

**SOHAIMI ABDUL AZIZ**



Penerbit Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang  
2003

Pengedar:

Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Bhd.,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM Pulau Pinang,  
Malaysia.

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2003

*Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan*

Syed Syeikh al-Hadi : cendekia dan sasterawan ulung / editor  
Sohaimi Abdul Aziz.

(Siri kefahaman budaya cendekia Melayu di Pulau Pinang ; 1)

ISBN 983-861-250-2

1. Syed Syeikh Ahmad al-Hadi, 1867-1934 – Contributions in Malay literature. 2. Malay literature – History and criticism.

3. Malay language – History and criticism.

1. Sohaimi Abdul Aziz. H. Siri

899.23092 P1.5136.7.H1465

b7  
Penerbit Universiti Sains Malaysia  
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

899.23092

212

Penyunting naskhah: A'watif Ahmad  
Reka bentuk kalit buku: Mohd Murad Shahran  
Penilbaca prof: Rosni Habib  
Taip/susun atur komputer: Rosni Habib

Dicetak oleh Sinaran Bros. Sdn. Bhd.

## Kandungan

---

Tinta Pengantar	vii
Pengenalan	1
Syed Syeikh al-Hadi: Penggerak Kebangkitan Melayu Abad ke-20 <i>Abdul Rahman Haji Jamil</i>	9
Syed Syeikh al-Hadi: Pemikirannya Terhadap Islam dan Perubahan <i>Fadhlullah Jamil</i>	37
Jaringan Pengaruh Luar Terhadap Pemikiran dan Sikap Syed Syeikh al-Hadi: Pemerhatian Awal <i>Sathiarom TM Sudarmo</i>	58
Syed Syeikh al-Hadi: Kehidupan dan Pandangan Hidupnya yang Terpancar dalam Karya Sastera <i>Talib Samat</i>	73
Emansipasi Wanita Islam dalam <i>Faridah Hanom</i> : Penilaian Semula <i>Suzi Kasim</i>	99
Strategi Retorik dalam <i>Faridah Hanom</i> <i>Abdul Rahman Yusuf</i>	118
Syed Syeikh al-Hadi: Peranannya dalam Perkembangan Bahasa Melayu (Era Kolonial 1867–1934) <i>Kamal Shukri Abdulrahman Yani</i>	134
Petyumbang	153
Indeks	155



## **Tinta Pengantar**

---

Siri Seminar Kefabaman Budaya adalah satu siri seminar intelektual yang memugar dan mengetengahkan pandangan alam dan budaya fikir cendekia, sasterawan, budayawan dan peranan institusi-institusi keilmuan yang pernah bertapak dan berakar atau yang masih menyumbang di Pulau Pinang. Pulau Pinang yang mempunyai kedudukan geografi yang strategik dan kosmopolitan sifatnya telah menjadi satu daya tarikan untuk bereambah bibit-bibit budaya fikir kepada mereka yang lahir atau yang singgah di pulau ini. Maka siri seminar ini merakamkan satu kembala masa dan budaya fikir yang besar impaknya bukan sahaja kepada intelektualisme di Pulau Pinang tetapi juga di Malaysia.

Siri seminar ini menjadi wadah untuk generasi masa kini dan masa depan mendekatkan diri mereka kepada sumbangan tokoh-tokoh dan institusi-institusi yang dibincangkan dan seterusnya menjadikannya sumber inspirasi bagi melanjutkan lagi kegemilangan dunia intelektual itu. Generasi masa kini dan masa depan sewajarnya mengambil kesempatan ini untuk menggali dan menggilap mutiara ilmu yang tersurat dan tersirat dalam baris-baris ayat yang diabadikan dalam kertas-kertas kerja yang dibukukan ini supaya mereka tidak menjadi manusia yang terkapar-kapar di tengah-tengah

askan samudera budaya fikir asing yang menerjah melalui sendi dan nadi globalisasi dan melumpuhkan daya fikir yang berlapikkan hamparan akal budi. Sebaliknya mereka mesti menjadi manusia yang dapat berbangga dengan kekuatan dan keutuhan pandangan alam dan budaya fikir yang tinggi nilainya yang telah terbina dalam tradisi masyarakatnya.

Siri Seminar Kefahaman Budaya ini telah digerakkan oleh mahasiswa daripada Kelab Sastera Universiti Sains Malaysia dan disokong oleh agensi-agensi kerajaan yang prihatin kepada penyelidikan, pemeliharaan dan pengembangan tradisi keilmuan yang pernah atau sedang berpusat di Pulau Pinang seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang, Yayasan Bumiputera Pulau Pinang dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara. Perkembangan ini menjadi kebanggaan Universiti Sains Malaysia dan kami terpanggil untuk melaksanakan satu tanggungjawab intelektual bagi menerbitkan kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam siri seminar ini.

Semoga buku-buku yang lahir daripada siri seminar ini akan menjadi satu koleksi dan dokumentasi yang penting kepada mereka yang menghargai dan mencintai santapan intelektual daripada satu khazanah yang gilang-gemilang.

Di sana padi di sini padi,  
Padi huma dari seberang;  
Di sana budi di sini budi,  
Barulah nama disebut orang.

PROFESSOR DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK  
Naib Canselor  
Universiti Sains Malaysia  
21 Mac 2003  
18 Muharam 1424

## **Pengenalan**

*Sobaimi Abdul Aziz*

---

Kampung Hulu di Melaka adalah tanah tumpah darahnya. Kemudian beliau berhijrah pula ke Pulau Penyengat, Sumatera bersama keluarga, berulang-alik ke Timur Tengah menemani kerabat diraja, berkampung dan kemudian bersemadi di Pulau Pinang. Begitulah jejak-jejak Syed Syeikh al-Hadi (1867–1934), selama 67 tahun melakukan ziarah ilmu ke sana ke mari dan Pulau Pinang menjadi bumi terakhir untuk berbakri kepada agama dan bangsanya. Sungguhpun Pulau Pinang menjadi destinasi terakhirnya, namun di pulau ini perjuangannya menjadi lebih penting dan berkesan. Pulau Pinang telah memberi ruang yang diharapkan oleh Syed Syeikh al-Hadi untuk bergerak dengan lebih luas. Pelbagai prasarana telah wujud untuk memungkinkan perkembangan ini seperti adanya institusi pendidikan seumpama madrasah, syarikat percetakan, majalah dan akhbar dan secara tidak langsung sistem politik yang wujud ketika itu. Kedudukan Pulau Pinang sebagai salah satu negeri dalam kelompok Negeri-Negeri Selat yang di bawah

pentadbiran Inggeris telah memberi ruang kepadanya untuk bergerak lebih cergas kerana tidak ada kekangan daripada raja-raja Melayu atau Majlis Agama Islam Negeri seperti di Negeri-Negeri Melayu yang lain.

Syed Syeikh al Hadi adalah cendekia Melayu pada awal abad ke-20 yang diterima sebagai tokoh tersohor yang memberi sumbangan besar kepada pergerakan reformasi Islam sebelum merdeka. Beliau terkenal melalui tulisan-tulisan yang membawa obor pembaharuan Islam dan pandangan progresifnya terhadap peranan wanita dalam masyarakat pada ketika itu.

Syed Syeikh al-Hadi dilahirkan di Kampung Hulu, Melaka pada tahun 1867 bersamaan dengan 1281 Hijrah. Beliau berketurunan Melayu-Arab. Melalui jurai keturunan bapanya, iaitu Syed Ahmad Hassan al-Hadi yang mempunyai pertalian dengan keluarga Raja Ali Haji dan Yang di-Pertuan Besar Riau, Syed Syeikh al-Hadi telah mendapat beberapa kelebihan. Setelah berpindah ke Pulau Penyengat (Riau) mengikut keluarganya, beliau telah dijadikan anak angkat oleh Yang di-Pertuan Besar Riau-Lingga. Bermula di Melaka dan kemudian ke Kuala Terengganu dan kembali semula ke Pulau Penyengat, Syed Syeikh al-Hadi mula mengasah fikirannya. Di Melaka, Syed Syeikh al-Hadi mendapat pendidikan awal sekolah agama. Di Pulau Penyengat beliau mendapat pendidikan sekolah Melayu. Seterusnya beliau dibantarkan ke Kuala Terengganu yang terkenal dengan sekolah-sekolah pondoknya pada ketika itu untuk mempelajari agama Islam. Menyedari sistem sekolah pondok pada ketika itu yang tidak menggalakkan pelajar berfikir, Syed Syeikh al-Hadi kembali ke Pulau Penyengat untuk mendalami ilmu agama, kebudayaan dan bahasa Arab. Pada ketika itu Riau menjadi pusat kegiatan kesusasteraan Melayu yang tersohor. Kemudian Syed Syeikh al-Hadi ke Timur Tengah kerana mengiringi atau melawat keluarga diraja Riau yang menuntut di sana. Kesempatan ini mendorong beliau mendalam lagi pengetahuan agama Islam dan bahasa Arabnya.

Semasa di Kaherah, Syed Syeikh al-Hadi dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran progresif tentang Islam melalui pergerakan pembaharuan Islam yang dikemudikan oleh tokoh-tokoh terkenal seperti Syeikh Muhammad Abdurrahman (1849–1905). Bermula dari saat itu, pemikiran Syed Syeikh al-Hadi terus diwarnai gerakan pembaharuan Islam.

Bersama-sama dengan beberapa kawannya, Syed Syeikh al-Hadi telah meniup angin perubahan pemikiran progresif ke dalam masyarakat Melayu pada waktu itu melalui sebuah majalah bertajuk *Al-Imam* (1906) yang diterbitkan di Singapura, kemudian *Al-Ikbaran* (1926) dan akhbar *Saudara* (1928) di Pulau Pinang. Syed Syeikh al-Hadi melibat bidang penulisan, sama ada melalui bidang kewartawanan ataupun kesusastraan, boleh membawa gelombang pembaharuan Islam dengan lebih berkesan. Maka banyak tulisan yang membawa semangat pembaharuan Islam telah dihasilkan melalui pelbagai media penerbitan seperti majalah, akhbar dan karya kreatif. Bidang penulisan menjadi lebih rancak apabila Syed Syeikh al-Hadi mempunyai syarikat percetakannya sendiri, iaitu Jelutong Press yang didirikan di Pulau Pinang. Selain bidang penulisan, Syed Syeikh al-Hadi juga terlibat dalam bidang pendidikan melalui pembinaan beberapa institusi pendidikan seperti madrasah. Antara madrasah-madrasah itu ialah Madrasah al-Hadi (1917) di Melaka dan Madrasah al-Mashoor (1919) di Pulau Pinang.

Sungguhpun Pulau Pinang menjadi tempat terakhir Syed Syeikh al-Hadi bergiat dalam bidang penulisan dan pendidikan pembaharuan Islam, namun kesan dan sumbangannya pada waktu itu kepada masyarakat Melayu tidak boleh dinafikan. Tidak dinafikan pemikiran beliau mendapat tentangan daripada golongan ulama yang mentadbir dan menguasai institusi agama (Kaum Tua), namun Syed Syeikh al-Hadi tetap dikenang sebagai reformis Islam tahun 1920-an di Malaysia. Menyedari sumbangan besar beliau ini, maka pada tahun 1997, Siri Seminar Kefahaman Budaya yang pertama telah

berlangsung di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Kelab Sastera Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang dan Yayasan Bumiputera Pulau Pinang telah mengorak langkah mengadakan satu seminar khas untuk memperkatakan ketokohan dan sumbangan Syed Syeikh al-Hadi yang pernah bergiat di Pulau Pinang dan berjasa kepada bangsa dan negara.

Dalam seminar ini, tujuh kertas kerja telah dibentangkan oleh mereka yang terlibat dengan kajian tentang Syed Syeikh al-Hadi. Kertas-kertas kerja ini membincangkan pelbagai perspektif tentang ketokohan dan sumbangan Syed Syeikh al-Hadi. Kertas kerja yang pertama dikemukakan oleh Abdul Rahman Haji Ismail yang bertajuk "Syed Syeikh al-Hadi: Penggerak Kebangkitan Melayu Abad ke-20". Dalam kertas kerja ini, Abdul Rahman Haji Ismail telah menyatakan bahawa Syed Syeikh al-Hadi adalah seorang tokoh yang melihat masa depan orang Melayu bergantung kepada keupayaan orang Melayu menguasai ilmu pengetahuan, khususnya ilmu yang berlandaskan ajaran agama Islam yang sebenar. Kertas kerja ini juga membincangkan bagaimana Syed Syeikh al-Hadi melihat kepimpinan politik dan agama orang Melayu. Syed Syeikh al-Hadi berpendapat bahawa punca orang Melayu menjadi mundur adalah disebabkan oleh pemimpin Melayu sendiri. Raja-raja Melayu lebih menjaga kepentingan diri daripada membela rakyat. Pemimpin agama pula dilihat oleh Syed Syeikh al-Hadi tidak melakukan sesuatu yang wajar untuk membawa orang Melayu keluar dari jaringan sikap yang negatif. Abdul Rahman Haji Ismail juga membincangkan tentang sikap Syed Syeikh al-Hadi terhadap bangsa asing seperti Cina dan Inggeris. Syed Syeikh al-Hadi tidak memandang serong kepada orang Cina. Sebaliknya beliau mahu orang Melayu mencontohi kesungguhan orang Cina bekerja. Kehadiran orang Inggeris pula dilihat membawa kebaikan, seperti sistem pelajaran yang lebih maju dan menyelamatkan Tanah Melayu daripada diganggu oleh kuasa-kuasa asing.

Namun Syed Syeikh al-Hadi bimbang Inggeris akan mengongkong kemajuan orang Melayu.

Kertas kerja kedua yang bertajuk "Syed Syeikh al-Hadi: Pemikirannya Terhadap Islam dan Perubahan" ditulis oleh Fadhlullah Jamil. Kertas kerja ini membawa perhatian pembaca kepada pandangan Syed Syeikh al-Hadi tentang Islam dan reformasi. Antara perkara perkara yang dibincangkan ialah pandangan Syed Syeikh al-Hadi tentang amalan khurasat, bidaah dan pegangan yang salah yang diamalkan oleh orang Melayu yang menyebabkan mereka menjadi mundur. Syed Syeikh al-Hadi menegaskan perlunya penggunaan akal yang baik bagi mengatasi masalah orang Melayu. Selain itu, kertas kerja ini juga mendedahkan saranan Syed Syeikh al-Hadi tentang pentingnya orang Melayu memahami bacaan dalam solat mereka bagi mencegah kemungkaran. Beliau juga mengkritik tentang bentuk dan corak penyampaian khutbah yang dilihatnya tidak menggalakkan budaya berfikir. Syed Syeikh al-Hadi juga memberi perhatian kepada fungsi zakat untuk kesejahteraan orang Melayu seperti membantu pembinaan kolej, universiti dan kilang. Kertas kerja ini juga menjelaskan bahawa pemikiran Syed Syeikh al-Hadi juga menimbulkan kontroversi apabila membincangkan kebebasan wanita, khusus dalam konteks pergaulan wanita dan lelaki. Dalam konteks ini, kelihatan Syed Syeikh al-Hadi mempunyai pemikiran yang lebih liberal.

Shaharom TM Sulaiman pula mengetengahkan kertas kerja yang ketiga yang bertajuk "Jaringan Pengaruh Luar Terhadap Pemikiran dan Sikap Syed Syeikh al-Hadi". Beliau membincangkan tentang pengaruh tokoh reformis seperti Syeikh Muhammad Abdurrahman dan sasterawan progresif Muhammad Iqbal dan persekitarannya seperti kehadiran Inggeris dan Riau tempat beliau membesar bersama keluarganya. Melalui pengaruh Syeikh Muhammad Abdurrahman, Syed Syeikh al-Hadi menggesa orang Melayu supaya menghayati ajaran

Islam yang sebenar. Melalui akal fikiran, orang Melayu dapat menghindarkan diri daripada amalan khurasat dan bidaah. Kehadiran puisi-puisi Muhammad Iqbal dalam majalah *Al-Imam* menandakan bahawa Syed Syeikh al-Hadi juga dipengaruhi oleh sasterawan tersohor ini, khususnya dalam konteks berfikir secara akaliah. Syed Syeikh al-Hadi melihat Inggeris secara positif. Pemerintahan Inggeris lebih baik berbanding pemerintah raja-raja Melayu yang hanya mementingkan diri. Pengaruh Riau kepada Syed Syeikh al-Hadi berlaku apabila beliau selalu mendapat peluang berdampingan dengan keluarga diraja Riau. Di sini, Syed Syeikh al-Hadi terdedah dengan kebudayaan, kesusastraan dan bahasa Melayu. Namun persekitaran ini tidak menghalangnya daripada mendalaminya pengetahuannya tentang agama Islam dan bahasa Arab.

Pemikiran Syed Syeikh al-Hadi yang terpancar melalui karya sastera dibincangkan oleh Talib Samat. Beliau telah menghasilkan kertas kerja yang bertajuk "Syed Syeikh al-Hadi: Kehidupan dan Pandangan Hidupnya yang Terpancar dalam Karya Sastera". Kertas kerja keempat ini memperkatakan beberapa buah novel Syed Syeikh al-Hadi seperti *Hikayat Faridah Hanum* atau *Hikayat Setia Atbek kapada Maushak-nya* (1925-26) dan *Taman Chinta Berabi* atau *Mahir Ifandi dengan Iqbal Hanum* (1928). Kedua-dua buah novel ini memancarkan pandangan Syed Syeikh al-Hadi tentang wanita pada kerika itu. Melalui dua buah novel ini, Syed Syeikh al-Hadi mahu wanita diberi kedudukan yang lebih baik dalam masyarakat seperti mendapat taraf pendidikan yang sama dengan lelaki, bercita-cita tinggi dan berani mengeluarkan pendapat yang berasas. Melalui novel-novel ini juga Syed Syeikh al-Hadi mengecam golongan ulama lama atau Kaum Tua yang telah menyebabkan orang Melayu menjadi mundur.

Kertas kerja kelima pula ditulis oleh Sarji Kasim. Kertas kerja beliau bertajuk "Emansipasi Wanita Islam dalam Novel *Faridah Hanum*". Kertas kerja ini membincangkan tentang persoalan sejauh

mana emansipasi wanita yang diperjuangkan oleh Syed Syeikh al-Hadi mengikut landasan yang betul seperti yang terpancar dalam novel *Faridah Hanom*. Perwatakan Faridah Hanom menjadi fokus kertas kerja ini. Unsur-unsur emansipasi wanita yang diketengahkan melalui perwatakan Faridah Hanom berhubung dengan hal-hal seperti hak wanita Islam memilih jodoh, pendidikan untuk wanita, hak wanita bergiat dalam bidang politik dan hak wanita berpakaian dan bergaul dengan lelaki. Sarji Kasim mendapati hanya perkara yang berhubungan dengan hak wanita bergaul dengan lelaki yang bukan muhrimnya yang menimbulkan kontroversi dalam novel ini. Sarji Kasim berpendapat bahawa sikap Syed Syeikh al-Hadi berpunca daripada pengaruh pemikiran liberalisasi Barat yang bertentangan dengan keadaan masyarakat Melayu ketika itu yang masih terikat dengan nilai-nilai tradisional yang konservatif sifatnya.

Kertas kerja keenam dalam seminar ini juga ada hubungannya dengan novel *Faridah Hanom*. Abdul Rahman Yusof telah mengemukakan kertas kerjanya yang bertajuk "Strategi Retorik dalam *Faridah Hanom*". Kertas kerja ini berusaha memperlihatkan kelainan dalam novel *Faridah Hanom* melalui pendekatan retorik. Dalam kertas kerja ini beliau telah menjelaskan bahawa pembaca yang tersirat yang disasarkan oleh Syed Syeikh al-Hadi ialah golongan muda yang lebih liberal yang dapat menerima bahan-bahan bacaan yang mengandungi unsur-unsur seks seperti yang terpancar melalui sebuah syair yang mengisahkan adegan berahi suami isteri secara berseni. Golongan tua yang konservatif tidak dapat menerimanya. Tambahan pula adegan mengueup dahi dan berpakaian ketat untuk menguji kekasih yang dilakukan pula oleh Faridah Hanom terhadap Shafik Afandi sudah pasti akan dicemuh oleh golongan tua yang konservatif sebagai pemaparan yang tidak bermoral.

Tujuh kertas kerja yang dikemukakan dalam buku ini telah melalui proses pembentangan dan menerima pelbagai reaksi dan cadangan

yang membina daripada khalayak. Maka ada antara kertas kerja ini telah dikemaskini lagi oleh penulisnya untuk menghasilkan tulisan yang baik. Diharap tulisan-tulisan dalam buku ini dapat memberi sumbangan bagi menjelaskan lagi ketokohan dan sumbangan Syed Syeikh al-Hadi. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa beliau adalah cendekia atau intelektual Melayu pada awal abad ke-20 yang disegani, dan pemikirannya yang progresif itu masih relevan lagi sehingga ke hari ini dan juga untuk masa depan.

# **Syed Syeikh al-Hadi: Penggerak Kebangkitan Melayu Abad ke-20**

*Abdul Rahman Haji Ismail*

---

Janganlah tertipu daya kamu dengan pandang kemakmuran negeri-negeri kamu dengan bermacam-macam bangunan dan tanam-tanaman yang berhasil kerana sekaliannya itu telah dipunyai oleh bangsa yang lain daripada bangsa kamu; maka tiada bagi kamu itu melainkan bagi keadaan sekalian dagang yang baharu datang yang akan terpaksa sedikit hari lagi kamu membeli air yang kamu hendak minum daripada mereka itu dan membayar sewa jalan yang kau jalani itu.

(*Makahim*, 16 Oktober 1926)

Tiada syak lagi sekalian penjaja-penjaja agama atau penjual-penjual azimat atau penjinjit tasbih atau pemusing akal perempuan dan segala pengikutnya akan mengatakan saya dengan sebab karangan saya ini seberapa daya upayanya daripada segala perkataan yang jahat-jahat, tetapi tiada saya endah akan perkataan mereka itu selama saya menyeru dengan seruan Quran. Kepada Allah juga saya bergantung.

(*Kandara*, 27 Oktober 1928)

Wahai saudara! – Apa suakah tuan-tuan menjadi ahli-ahli kubur sebelum mati? Ataupun menjadikan watan kita ini umpama padang-padang yang sunyi sama sekali isinya daripada ahli-ahli iman yang kasih akan watannya?

(Sandara, 10 April 1932)

## Pendahuluan

Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi adalah suatu nama yang pasti ditemui apabila orang membicarakan sejarah kesedaran dan kebangkitan bangsa Melayu pada abad ke-20. Bersama-sama tokoh-tokoh seperti Syeikh Tahir Jalaluddin al-Azhari, Haji Abbas Mohd. Taha, Mohd. Yunos Abdul Hamid, Muhammad Yunus Abdullah, Abdul Rahim Kajai dan Za'ba, Syed Syeikh al-Hadi telah memberi sumbangan yang tidak sedikit, secara langsung dan tidak langsung, menggerakkan perubahan dan membangunkan semula semangat, tatacara hidup dan kedudukan orang Melayu yang sedang terancam akibat kelemahan diri dan tekanan gejala-gejala di luar kawalan mereka.

Beliau yang kuar berpegang kepada lunas hidup Islam berlandaskan al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w. tidak hanya berteori atau berekab kosong tentang perubahan dan perlunya perubahan tetapi melibatkan diri secara langsung di hadapan sebagai penggerak, penggiat, dan pembawa obor perubahan. Dengan latar belakang pendidikan dunia dan agama yang kukuh serta pengalaman hidup yang rencam, Syed Syeikh al-Hadi dengan penuh iltizam menempuh liku-liku perjuangan dengan usaha, keyakinan dan kebijaksanaan.

Kegiatan Syed Syeikh al-Hadi adalah pelbagai—sebagai wartawan, peneraju akhbar dan majalah, pengarang buku pengetahuan dan cerita, penerbit, peniaga, pengusaha, pendidik, pembahas, dan yang

paling utama, pejuang. Sumbangan dan ketekunan Syed Syeikh al-Hadi sebagai pelopor *ishab* Islamiah dan sasterawan telah diketahui umum. Berasaskan tulisan-tulisan beliau di dalam akhbar dan majalah yang beliau terbitkan, kertas kerja ini akan cuba membincarkan pemikiran Syed Syeikh al-Hadi berkaitan politik dan sosial masyarakat Melayu dalam dasawarsa-dasawarsa awal abad ke-20.

## **Latar Kehidupan**

Dilahirkan di Kampung Hulu, Melaka pada 24 Rejab 1281 Hijrah bersamaan 25 Disember 1864,<sup>1</sup> Syed Syeikh al-Hadi yang ayahnya berdarah campuran Arab telah terdedah kepada pelbagai pengalaman hidup di beberapa tempat, yang menjadikannya berfikiran matang, sabar dalam perjuangan dan giat berusaha. Pengalaman hidupnya di Melaka diperkayakan lagi oleh kehidupannya di Riau, Terengganu, Singapura, Mekah, Mesir, dan beberapa bahagian lain Semenanjung dan Sumatera. Di Pulau Penyengat, Riau, beliau telah diambil sebagai anak angkat oleh Raja Ali Haji Kelana bin Yang Dipertuan Muda Muhammad Yusuf al-Ahmadi<sup>2</sup> yang mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga ayahnya.

Pengalaman bergaul dan hidup dalam kalangan keluarga diraja dan bangsawan Riau ini banyak membantu meluaskan ilmu dan keupayaan beliau, lebih-lebih lagi Riau-Lingga (terutama Pulau Penyengat) pada waktu itu adalah pusat ilmu dan persuratan Melayu yang amat penting manakala kaum bangsawannya pula terkenal sebagai pencinta kitab dan penggalak ilmu pengetahuan. Mereka telah menubuhkan Kelab Rasyidiyyah pada tahun 1890-an untuk berbicara dan berkarya dalam bidang ilmu pengetahuan, bergerak dalam kegiatan kemasyarakatan, dan secara berselindung-selindung bermuzakarah tentang politik. Syed Syeikh al-Hadi adalah anggota

*Syed Syeikh Al-Hadi: pengaruhnya terhadap Mekanik dan kerjanya*



### **SYED SYEIKH AL-HADI**

*Sumber:* Talib Sutan, *Syed Syeikh al-Hadi: Seorang Pionir Mekanik*, 1992.

kelab tersebut.<sup>1</sup> Anak-anak raja dan bangsawan Riau ini juga menerbitkan pelbagai bahan bacaan melalui beberapa percetakan termasuk percetakan al-Ahmadiyah yang pada awal abad ke 20 didirikan juga di Singapura.<sup>2</sup>

Sesungguhnya pengalaman hidup di suatu rantau yang sedang bergolak seperti kawasan selatan Selat Melaka waktu itu banyak meneorakkkan sikap dan kehidupan Syed Syeikh al-Hadi. Hampir sama seperti Abdullah Munsyi sebelum beliau, Syed Syeikh al Hadi berada di tengah-tengah medan yang sedang menyaksikan perubahan-perubahan besar akibat pertembungan budaya Timur dan Barat, penjajahan berleluasa Inggeris dan Belanda, kebanjiran orang dan budaya asing, dan amat penting, keruntuhannya sistem politik dan sosial peribumi yang sedia ada. Abdullah Munsyi hidup pada permulaan zaman itu manakala Syed Syeikh al Hadi (kedua-duanya lahir di Melaka dan berdarah campuran) berada di tengah-tengah pergolakan yang sedang rancak.

Kehidupan di Tanah Arab sebagai pelajar serta pembantu dan pemandu anak-anak raja dan para pembesar Riau telah memperluaskan ufuk kefahaman Syed Syeikh al Hadi tentang suasana dan masalah yang sedang dihadapi, bukan sahaja oleh orang Melayu tetapi juga oleh masyarakat Islam dan masyarakat timur seluruh dunia. Perspektif yang luas yang telah ditempuhlinya itu juga menyemarakkan daya cendekia dan gerak karya beliau. Sama seperti yang dialami Syeikh Tahir Jalaluddin yang menjadi sahabat karib seperjuangannya sepanjang hayat, Syed Syeikh al-Hadi sewaktu di Mesir sekitar tahun 1894–1895, selain dapat menyaksikan dunia yang lebih rencam, telah sempat menemui dan berguru kepada Syeikh Muhammad Abdurrahman, pelopor kebangkitan baru Islam, dan beberapa ulama lain yang sealiran yang kian mendapat sambutan masyarakat Islam waktu itu.<sup>3</sup> Besar kemungkinan pada waktu inilah terjalin perhubungan rapat di antara beliau dengan Syeikh Tahir Jalaluddin, anak Minangkabau yang

barangkali telah pernah dikenalinya di Mekah sewaktu ke sana beberapa kali sebelum itu. Syeikh Tahir Jalaluddin yang telah berada beberapa lama di Mekah menuntut di Universiti al-Azhar antara tahun 1893–1897.<sup>1</sup> Barangkali sewaktu di Mekah itulah juga, selain di Singapura, Syed Syeikh al-Hadi berkenalan dengan Haji Abbas Mohd. Taha yang dua dasawarsa lebih muda daripadanya. Haji Abbas Mohd. Taha ialah penggerak utama akhbar *Nurulhaq* (1911–1915) yang meneruskan perjuangan *Al-Imam* yang terhenti penerbitannya selepas 1908.

Satu perbezaan yang jarang disebut tetapi penting di antara Syed Syeikh al-Hadi dengan ramai tokoh lain ialah beliau tidak suka berkhidmat dengan kerajaan, baik kerajaan Melayu mahupun kerajaan British. Syeikh Tahir Jalaluddin pernah berkhidmat sebagai mufti kerajaan Perak dan Haji Abbas Mohd. Taha kemudiannya menjadi mufti di Pahang, tetapi Syed Syeikh al-Hadi yang tidak menyenangi kepemimpinan peribumi tidak pernah mahu bertolak ansur dengan mereka kecuali sewaktu berada di tengah-tengah kaum bangsawan Riau pada zaman mudanya dan semasa berkhidmat sebagai peguam sear'i di Johor antara 1909–1915 sebelum campur tangan British dalam sistem kehakiman di sana. Demikianlab juga, berbeza daripada Abdullah Munsyi dan kemudiannya Za'ba, walaupun beliau bergiat di Melaka, Singapura dan Pulau Pinang serni mengambil manfaat daripada kehadiran dan naungan British, beliau tidak pernah berkhidmat secara langsung atau bergiat di bawah telunjuk atau biaya British. Syed Syeikh al-Hadi lebih suka berdikari menggunakan kebebasan yang dinikmatinya di tanah jajahan British itu untuk mendidik dan menyeru orang Melayu ke arah pembangunan rohani dan jasmani berlandaskan Islam seperti yang difahaminya. Namun, seperti Abdullah Munsyi dan pada banyak ketika Za'ba, walaupun kurang berekakap ehwal bahasa, Syed Syeikh al-Hadi yakin keupayaan bahasa Melayu dan berkarya serta menyampaikan buah fikirannya sepenuhnya dalam bahasa itu, walaupun dengan gaya yang kearaban

sedikit. Tetapi seperti kedua-dua tokoh tersebut beliau juga menggesa orang Melayu mempelajari bahasa asing, khususnya bahasa Arab dan Inggeris demi meningkatkan ilmu dan keupayaan mereka bersaing di dunia yang lebih mencabar.

Dilihat daripada inti patti tulisan dan kegiatannya sejak zaman *Al-Imam* (1906–1908), Syed Syeikh al-Hadi nyata seorang yang amat mengambil berat tentang keadaan daif dan masalah-masalah yang sedang dihadapi orang Melayu. Baginya kelalaian orang Melayu berpunca daripada tiga perkara pokok, iaitu kejabilan yang berleluasa dalam kalangan mereka, kegagilan orang Melayu hidup berlandaskan agama Islam yang suci angkara amalan bidaah dan karut serta kegiatan songsang para "penjaja agama", dan kepemimpinan yang lemah dan tidak bertanggungjawab.

## Pendidik dan Pelopor Perubahan

Untuk mengatasi masalah kelemahan dan kekolotan orang Melayu ini, Syed Syeikh al-Hadi bersama-sama rakan-rakan yang selarasi fikiran dengannya telah menggembung tenaga mendidik masyarakat melalui pelbagai cara. Beliau, contohnya, terlibat secara langsung mendirikan sekolah-sekolah Arab-agama cara moden seperti Madrasah al-Iqbal di Singapura pada tahun 1907, Madrasah al-Hadi di Melaka pada tahun 1915, dan Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang pada tahun 1919. Walaupun Madrasah al-Iqbal dan Madrasah al-Hadi terpaksa ditutup setelah kira-kira dua tahun kerana masyarakat belum bersedia menerima unsur-unsur baru yang diperkenalkannya, Madrasah al-Mashoor kekal dan terus berperanan hingga ke hari ini. Syed Syeikh al-Hadi berkhidmat membina dan membimbangi al-Mashoor hingga 1926 sebelum beliau sekali lagi menumpukan perhatian penuh pada penerbitan dan penulisan.

Sumbangan Syed Syeikh al-Hadi mendidik masyarakat melalui akbar dan majalah adalah besar. Bermula dengan keterlibatannya dalam majalah *islah* Islamiah *Al-Imam*, Syed Syeikh al-Hadi yang kurang menyumbang antara 1909–1925 kerana kesibukannya menguruskan madrasah-madrasah di atas, menceburkan dirinya semula secara lebih giat dalam bidang itu pada zaman tuanya. Pada 8 Rabiulawal 1345 (16 September 1926), sewaktu berusia 62 tahun, Syed Syeikh al-Hadi memulakan bulanan *Al-Hikayat* yang meneruskan nada perjuangan *Al-Imam*, dan pada 15 Rabiulakhir 1347 (29 Oktober 1928) sewaktu berusia 66 tahun meneroka penerbitan akbar *Saudara* yang terus berpengaruh sehingga menjelang perperangan dunia kedua.

Keterlibatan Syed Syeikh al-Hadi dalam bidang penulisan telah diketahui umum. Selain menghasilkan buku-buku berunsur agama seperti *Al-Tarikh al-Islami* (1922), *Alam Perempuan* (1930), *Ugama Islam dan 'Akal* (1931), *Tafsir Juz' 'Imma* (1927) dan *Tafsir al-'Uathibah* (1928), Syed Syeikh al-Hadi amat terkenal sebagai penulis karya-karya saduran, terutama yang berlatarbelakangkan Mesir moden. Karyanya yang paling terkenal, *Hikayat Faridah Hanum*, yang diterbitkan dalam dua jilid, pada 1925 dan 1926, mendapat sambutan meluas dan ini menggalakkan Syed Syeikh al-Hadi terus berkarya dalam genre tersebut. Keuntungan daripada penjualan novel pertama dalam bahasa Melayu itu membolehkan Syed Syeikh al-Hadi memulakan percetakan Jelutong Press yang memudahkan lagi rancangan penerbitan beliau selepas itu. Hal yang penting disentuh di sini ialah walaupun *Hikayat Faridah Hanum* itu ialah kisah hubungan telaki-perempuan dan mengandungi adegan-adegan dan kata-kata yang dianggap berlebihan dari segi adat dan agama, ia pada asasnya tidak lari daripada matlamat perjuangan Syed Syeikh al-Hadi selama ini. Inti patinya ialah tentang cinta suci, kebebasan memilih pasangan hidup, keperluan menuntut ilmu dan membuat perubahan sesuai dengan keadaan, kesungguhan mempertahankan lunas agama di tengah-tengah pelbagai cabaran, dan keekalan dalam perjuangan.

Unsur hubungan lelaki wanita yang agak berlebihan itu barangkali disengajakan untuk menarik perhatian masyarakat kepada isu-isu yang lebih besar yang mahu beliau ketengahkan. Ulasan ulasan yang menganggap penulisan kitab itu bermatlamat keuntungan kewangan semata-mata tidaklah tepat. Jelas, dalam keadaan tersebut pun, Syed Syeikh al-Hadi terus berusaha untuk membawa perubahan dalam pemikiran masyarakat Melayu zamannya. Pendidikan terus disampaikannya, termasuk melalui novel.

Keterbukaan sikap Syed Syeikh al-Hadi dalam pendidikan jelas apabila beliau juga menyarankan supaya dibina "Anglo Malay School" yang menggunakan kedua-dua bahasa, Inggeris dan Melayu di samping sekolah-sekolah Arab yang kian mendapat sambutan masyarakat pada akhir 1920-an.<sup>27</sup> Beliau berpendapat Anglo-Malay School itu patut didirikan sementara menyediakan kemudahan yang cukup termasuk guru yang terlatih sebelum membina lebih banyak sekolah Arab. Beliau yakin saranannya boleh menjadi kenyataan andainya masyarakat berusaha ke arah itu. Dengan penuh semangat beliau berseru, "Buangkan perkataan mustabil itu, kerana lafaz mustabil itu telah musnah sama sekali daripada kamus perjalanan kemajuan kaum yang hendak hidup merdeka dan kehormatan di dalam wataninya."<sup>28</sup>

Menyedari bahawa masalah utama yang dihadapi oleh orang Melayu pada zamannya ialah kejihilan, kurang kesedaran dan tiada perancangan masa depan, Syed Syeikh al-Hadi dan orang-orang yang sependapat dengannya sejak awal abad ke 20 sering berusaha mengejutkan orang Melayu daripada "tidur nyenyak" yang terlalu panjang. Suara beliau yang lantang itu ketara sekali setelah beliau berpindah menetap dan bergerak lebih giat di Pulau Pinang bermula tahun 1918. Pulau Pinang, negeri pertama di Tanah Melayu yang mendirikan rumah percetakan, menjadi tapak terakhir, terpenting dan paling berkesan dalam perjuangan Syed Syeikh al-Hadi. Beliau paling

berjaya di Pulau Pinang, meninggal dunia di Pulau Pinang dan disemadikan di Pulau Pinang. Tulisan-tulisan Syed Syeikh al-Hadi di dalam *Al-Ikhwan*, terutama dalam jilid 1 dan 2 jelas mempamerkan kesungguhan beliau mahu membangunkan kembali pemikiran dan semangat juang orang Melayu. Dengan "suara yang terbit daripada seorang ikhwani yang berteriak akan sekalian ikhwannya"<sup>12</sup> Syed Syeikh al-Hadi dalam pendahuluannya memperkenalkan *Al-Ikhwan*, menyeru:

Wahai sekalian ikhwani timur yang sedang lenyak di dalam tidurnya. Wahai sekalian saudara kami yang sedang lina bersedap-sedap di dalam keelokan mimpiinya. Memadalah. Memadalah. Memadalah tidurmuh itu kerana telah melampaui sangatlah sudah daripada sempadan mengambil kesenangan badan dan hampir-hampirlah pula masuk kamu kepada bilangan pingsan atau orang mati yang bernafas. Bangunlah segera. Sapulah mata daripada bekas tidur yang membunuh itu!...

**Memadalah. Memadalah. Bangunlah segera daripada tidur kamu wahai sekalian ikhwani.** Sedarlah daripada jalai kamu wahai sekalian saudara. Sanya relah kelentah tipu daya kebodohan dan terbi cahaya pengetahuan. Tengok. Lihat. Dan perhatikan. Apakah yang telah diperbuat oleh kaum bangsa yang juga itu? Meruntuhkan bukit yang besar-besar, membangunkan bangunan di padang yang rata, menjadikan lautari itu daratan, dan daratan ini lautan...

Janganlah terkejut wahai sekalian ikhwani pada permulaan memandang akan segala perkara ini kerana memang masa ini masa pengetahuan dan masa bekerja. Maka mana-mana bangsa yang berpengetahuan serta bekerja ianya nescaya menjadi penghululah ianya. Dan mana-mana kaum yang bodoh dan pemalas nescaya fan'lah ituva...

Pelajaran. Pelajaran. Pengetahuan. Pengetahuan. Leburkan diri kamu ke dalam kawah pengetahuan dan bantingkan tulang kamu ke atas landasan pekerjaan; kennidian pelihardah olehmu akan anak-anak kamu atas gemarkan keduanya daripada kecilnya.<sup>13</sup>

Ilizam Syed Syeikh al-Hadi membangunkan orang Melayu daripada "tidur yang membunuh" ini menjadi bertambah jelas daripada *Al-Iklaran*, Jilid 2, bertarikh 16 Oktober 1926. Dengan nada yang lebih lantang beliau menambah:

Wahai sekalian ikhwam. Bagaimanakah sedap kita tidur di dalam paluan gelombang yang berpecah ini? Di dalam ribut taufan petir halintar yang membelah akan bukit ini? Tidakkah menjagakam kamu bunyi taufan yang berdengung ini? Dan tidakkah membangunkan kamu goncang segala pohon kayu dan bangunan bangunan yang dipatah oleh tiupan ini? Ataupun **telah pekak dan tuli sama sekali pendengaran kita** dan telah kebas habis kulit di seluruh anggota tubuh badan kita sehingga putus asalah sama sekali hati orang yang mengharapi akan juga kita yang hendak memberi peringatan akan kita?

Kiranya pada masa ini kita juga dan sadar nescaya wajiblah kita menjerit seumpama jerit orang yang memikul akan pikulan yang terlebih berat daripada kudrat kuasanya. **Dan patut sangatlah kita mengerang dan meraung ganti tertawa dan bertepuk tangan itu.** Apa hilangkah sama sekali perasan kemarustaan itu daripada kita. Ataupun kita belum ada fikiran lagi kerana kita sekalian ini lagi budak kecil sangat? Atau akal kita ini telah terkena penyakit sebar tidak terasa dan tidak memberi bekas kepadanya apa-apa pandangan dan pendengaran?

Dengan rentak yang berlainan sedikit tetapi dengan kata-kata yang mengandungi makna yang cukup dalam tentang kedudukan politik orang Melayu dalam hubungan mereka dengan kerajaan British, Syed Syeikh al-Hadi menyambung:

Jikalau kiranya kita sadar dan juga ada mempunyai akal yang sempurna **berapakah boleh ridha kita bangsa yang lain daripada bangsa kita sendiri menjadi wasi kuasa atas kehidupan kita?** Atau menjadi penjaga (*guardian*) atas kita di dalam tanah air watan kita sehingga jika mereka tidak menyediakan makanan, pakaian, perkakas, tempat kediaman, dan menyediakan alatan perkakas yang boleh membampaikan kita kepadanya nescaya matilah kita latar dan berterlanjang. **Pada hal mereka itu tidak sekali-kali menyediakan segala mata benda itu bagi kita melainkan kerana hendak menggemukkan kita sedikit supaya**

dapat mereka itu menggunakan kita bagaimana mereka itu menggunakan injin dan kilang.<sup>13</sup>

Syed Syeikh al-Hadi seterusnya mengingatkan orang Melayu tentang kedudukan sebenar mereka yang tertipu, bukan sahaja oleh British tetapi juga oleh para pendatang asing dan para pembesar mereka sendiri:

Janganlah tuan-tuan tertipu daya dengan melihatkan tanda-tanda yang menunjukkan alamat kekayaan kemakmuran di dalam negeri-negeri tuan-tuan sebab kejadian yang demikian itu hanyalah semata-mata kerana keelokan pemerintah kerajaan Inggeris yang menarik akan wang bangsa Eropah...maka digunakan oleh mereka sekalian bangsa-bangsa yang lain daripada bangsa tuan-tuan pada membeli pelana menaruh ke atas belakang-belakang bangsa dan saudara tuan-tuan dibawa oleh mereka itu bekerja membajak, menenggala, mencangkul, mengorek, menggali akan tanah dan bumi hak punya tuan-tuan. Maka apakah lemahlah tuan-tuan sekalian daripada mengerjakan kehendak-kehendak mereka itu ditolongnya akan tuan-tuan kemudian daripada dimilikinya tanah, bumi, kebun dan kampung halaman tuan-tuan dengan keridhaan tuan-tuan dan dengan harga yang sangat murah.

**Janganlah tertipu daya kamu dengan pandangan kemakmuran negeri-negeri kamu dengan bermacam-macam bangunan dan tanam-tanaman yang berhasil kerana sekaliannya itu telah dipunyai oleh bangsa yang lain daripada bangsa kamu maka tiada bagi kamu itu melainkan bagi keadaan sekalian dagang yang babaru datang yang akan terpaksa sedikit hari lagi kamu membeli air yang kamu hendak minum daripada mereka itu dan membayar sewa jalan yang kamu jalani itu.**

**Janganlah tertipu daya kamu dengan angkatan dan pangkat kebesaran gelaran pembesar-pembesar kamu kerana mereka ialah asal segala bala yang telah menimpa ke atas kamu itu dan mereka ialah sehingga masa ini sebesar-besarnya penolong segala bangsa-bangsa yang telah menindih dan hendak menindih akan kamu.<sup>14</sup>**


## **Sikap Terhadap Kepemimpinan Melayu**

Walaupun pernah bergaul rapat dengan para pemimpin tradisional Melayu khususnya di Riau, Syed Syeikh al-Hadi amat tidak menyenangi mereka dan mempertangungjawabkan mereka sebagai punca segala kedaifan umat Melayu. Hal ini telah ketara sejak zaman *Al-Imam*. Sebuah rencana pengarang yang ditulis oleh Syeikh Tahir Jalaluddin yang isinya sealiran dengan pandangan Syed Syeikh al-Hadi antara lain mengatakan:

...wajib atas raja-raja menyampaikan tiap tiap kebaikan kepada rakyatnya akan meninggikan akan pangkat mereka itu pada pekerjaan akhirat dan dunia dan menyampaikan kepada akhirat dan wajib pula atas mereka itu memeliharaikan rakyat pada diri mereka itu dan harta mereka itu dan pada donia mereka itu...<sup>11</sup>

Di samping keselamatan dan keperluan asas lain, rencana pengarang itu menekankan betapa perlunya raja-raja mempelopori pengembangan ilmu pengetahuan dalam kalangan rakyatnya agar berlaku seperti di Jepun—bangsa Melayu berupaya menghadapi semua cabaran, termasuk daripada kuasa-kuasa Barat yang telah maju. Melihatkan kedudukan orang Melayu yang terus menerus merosot, Syed Syeikh al-Hadi mengulangi hal ini dengan gaya yang lebih tegas di tapak barunya di Pulau Pinang dalam tahun dua puluhan dan tiga puluhan. Dalam satu siri surat terbukanya di dalam akhbar *Sandara*, di bawah tajuk "Seruan Anak Bumi Kepada Orang Besar-Besar dan Ketua-Ketua Agama Islam", Syed Syeikh al-Hadi menulis:

Mereka itulah benih segala sebab nusibah. Mereka itulah pengajaran segala kesusahan, mereka itulah ahli penipu dan segala bala. Mereka itulah sebab segala kelodohan dan asal segala penyakit.



**AL-IMAM**

Sumber: Talib Samat, *Med'atul-Malik al-Hadi: Kaderurut Progresif Melayu*, 1992.

Bahkan mereka itulah yang menjadikan kita ringgit sekarang di dalam kehinaan di tanah air kita sendiri oleh tamak mereka itu akan pangkat kebesaran dan haloba akan harta dan kekayaan, tiada mengambil endah sekali-kali mereka itu akan cewal kita melainkan waktunya berkehendakkan wang ringgit yang boleh memenuhi poket atau perniagaan atau waktu berhajat hendak menzahirkan dirinya di hadapan orang-orang yang dianya itu orang besar Islam.<sup>17</sup>

Serangan beliau tidak terhad kepada kepimpinan politik sahaja tetapi merangkumi juga kepimpinan agama. Dengan penulih perasaan beliau menulis:

Wahai sekalian ketua-ketua agama dan orang kaya-kaya dan orang besar besar. Daripada apakah kejadian hari tuan-tuan sekalian? Apa daripada jolok apikah atau daripada besi khursanikah atau memang tuan tuan sekalian tidak beriman dengan hari kiamat? Maka tiada perasaan dan tiada peringatan kepada agama dan bangsa dan kaum dan tanah air yang akan lebur sama sekali ini di dalam hati tuan? Ima lillahi wainna ilahi raa'iuun... Tiadakah tuan tuan sekalian mengetahui ubat bagi penyakit ini melainkan mengompak mengata sahaja orang-orang Islam ini bodoh dan lahai menurut perkataan sekalian bangsa bangsa yang lain. Bulankah tuan tuan itu perkutian yang paru bersiara dan mengadakan ikhwan bagi membela hal sekalian mereka itu yang bodoh dan lahai itu; kerana tuan tuanlah koron orang besar besar Islam... Apakah makna orang besar besar itu? Apa untuk hendak menduda di dalam majlis sahajakah? Atau hendak mintak orang mencium tangan yang harus itu sahajakah?<sup>18</sup>

Syed Syeikh al-Hadi seterusnya menegaskati:

Bahkan tuan-tuanlah yang dituntut pada ikhtiar dan berusaha mencari jalan pada menuntut akan mereka itu kepada jalan yang kesempurnaan supaya teringgal daripada mereka itu malas dan segan, tiada beributu dan amal, suka bergantung kepada angat angan yang karut karut, meninggal kan sebab-sebab yang sebenar omnipama berkehendakkan sembuh daripada penyakit atau berkehendakkan harta bagi memintak ke kubur atau kepada segala daja-daja penjaja agama dan seumpamanya...<sup>19</sup>

Kesungguhan Syed Syeikh al-Hadi mengingatkan anak bangsanya tentang gejala buruk yang sedang mereka hadapi serta perlunya mereka berubah itu berterusan hingga ke akhir hayat. Menjelang usia 70 tahun, Syed Syeikh al-Hadi dalam tulisan-tulisannya terus-menerus menegaskan:

Sebenar benarnya taat setia serta kepercayaan mereka Jonang Melayu itu kepada raja-raja dan ketua-ketua mereka ialah telah menjadikan kehidupan perhimpunan kaum dari watan mereka itu demikian hal! Maka raja-raja dan ketua-ketua ialah yang menanggung dosa kesalahan pecah harapan beberapa lama sudah!<sup>24</sup>

Namun, dengan nada kesal beliau menyalahkan juga orang Melayu kerana terlalu bergantung kepada kepimpinan sedia ada dan tidak berusaha mengubah nasib sendiri:

Bolehlah kita dapat mengetahui dan menghukum kesalahan kita kaum Melayu selama ini bergantung semata mata kepada raja-raja kita dan ketua-ketua kita sahaja dan mendapatkan kemajuan dan kemenangan perhimpunan kaum kita ini.<sup>25</sup>

Akhirnya, di dalam kebuntuan melihat keadaan orang Melayu terus merosot Syed Syeikh al-Hadi, berlandaskan hujah-hujah agama, dan dengan memetik hadis, menyeru orang Melayu berdikari sebagai suatu tubuh yang anggota-anggotanya bermuafakat bekerja membela nasib mereka sendiri. "Jikalau tidak," tulis Syed Syeikh al-Hadi, "neseaya segeralah fana dan binasa tubuh itu".<sup>26</sup> Laungan-laungan Tanah Melayu sebagai milik dan hak orang Melayu sesungguhnya tiada sebarang makna meskipun diakui bangsa lain andainya orang Melayu "sentiasa undur ke belakang di dalam medan perjuangan kemajuan".<sup>27</sup> "Yang perlu bagi orang Melayu," kata Syed Syeikh al-Hadi, "ialah bertindak, bukan hanya bercakap".

## Sikap Terhadap Orang Asing

Syed Syeikh al-Hadi mempunyai pandangan yang jelas terhadap kehadiran orang-orang asing di Tanah Melayu pada zamannya itu. Beliau tidak memandang serong terhadap para pendatang tetapi beliau amat khawatir kehadiran mereka menjadi ancaman kepada orang Melayu di tanah air mereka sendiri. Kepada para pemimpin Melayu beliau menyatakan:

Tiadakah tuan-tuan perhatikan di dalam negeri yang tuan-tuan diam ini bahawa tiap-tiap tempat yang relah jadi limarah (ramai dan penuh orang) telah keluar semuanya atau kebanyakannya daripada milik saudara-saudara tuan-tuan muslimin anak negeri masuk ke dalam tangan Cina kebanyakannya? Maka jika lau limarah dan ramai ini melerat hingga ke darat ke manakah akan lari sekalian muslimin saudara tuan-tuan ini?<sup>15</sup>

Namun demikian, beliau kagum dengan usaha dan kesungguhan para pendatang itu mengejar kejayaan. Beliau juga memuji tabap kepemimpinan yang ada pada ketua-ketua mereka dan menyatakan kehairanan mengapa orang Melayu yang beragama Islam yang sepatutnya kuat bekerja sesuai dengan ajaran agama tidak berusaha sekutu orang Cina. Kata Syed Syeikh al Hadi lagi:

Ambil Tribar Cina, perhatikan wabai sekalian saudaraku. Bahawa kebanyakan bangsa Cina keluar mereka itu dampak negerinya datang kemari dengan segulung tikar dan sehelai seluar serta berkar perutnya. Kemudian bekerjalah mereka itu dengan usaha dan pertolongan sekalian orang besar-besar dan orang kaya kavanya hingga jadilah kebanyakannya mereka itu tuan tanah, mempunyai rumah dan kebumi, memiliki segala harta, mempunyai gedung dan kampung dan menjalankan kebanyakannya tempat-tempat pembiayaan dan bank. Maka adakah patut kita sekalian muslimin ini kurang daripada mereka itu usaha, cerdik, alim, amal, maruah, bertolong tolongan dan berkasih kasihan setengah dengan setengahnya pada hal kita mengaku diri kita muslimin, percaya konon akan Quran yang menyuruh kepada tiap-tiap kelahiran. Bahawa sungguhnya tiadalah memuda sekalian Cina-Cina itu dengan penolahan yang telah

dimilikinya di dalam negeri kita ini, maka berusaha pula sekalian orang besar-besar dari orang kaya-kayanya menjadikan beberapa perhimpunan dan persekutuan yang menjaga segala kegunaan dan faedah faedah bangsanya serta membangunkan beberapa sekolah tempat pelajaran anak bangsanya yang miskin. (Seelok-celok pekerjaanlah kerja mereka itu.)<sup>29</sup>

Beliau lalu menegaskan bahawa ada perkara baik yang perlu dicontohi orang Melayu daripada orang Cina:

Adapun kita sekalian muslimin kiranya telah luput kita awal pertama daripada suruhan agama kita yang mulia pada menaburkan ilmu dan pelajaran; kedua, tertinggal kita daripada meniru peratusan bangsa Eropah; ketiga, terlalai kita daripada menurut perjalanan bangsa Jepun. Maka adakah sampaikan masanya sekarang patut kita sekureng kurangnya menurut perbuatan Cina ini pada memberi pelajaran dan pemeliharaan anak-anak bangsanya?

## Sikap Terhadap British

Tersepit di antara kebenciannya terhadap penjajahan, ketidakyakinannya terhadap kepemimpinan para pembesar Melayu dan pengharapannya terhadap kemajuan yang datang bersama-sama kehadiran Barat, Syed Syeikh al Hadi yang pernah tinggal di tanah Arab dan mempunyai pengetahuan agama yang agak mendalam seolah-olah berada dalam keaduan serba salah apabila berhadapan dengan kehadiran kerajaan Inggeris. Seperti Abdullah Munsyi, beliau bergiat di tanah jajahan Inggeris dan jelik terhadap kepemimpinan Melayu. Namun tidak seperti Abdullah Munsyi, tetapi sama seperti Za'ba, beliau juga nampak masalah di sebalik unsur-unsur positif yang datang bersama-sama Inggeris itu. Beliau memuji Inggeris kerana menaungi negeri dan orang Melayu daripada asakan berleluasa orang asing dan memperkenalkan pendidikan cara baru yang membuka peluang bagi orang Melayu untuk maju. Namun beliau sentiasa bimbang naungan itu bertukar menjadi kongkongan yang

membantutkan keupayaan dan kebebasan orang Melayu pada masa hadapan. Keadaan terperangkap di antara harapan dengan kebimbangan kerana kehadiran Inggeris ini ketara, misalnya, di dalam *Al-Ikhwan* yang sebahagian daripadanya telah dipetik di atas.

Setelah menggerakkan orang Melayu daripada tidur seperti "orang mati yang bernafas" dan menegaskan bahawa mereka sebenarnya sedang dijahat dan diambil kesempatan oleh Inggeris dan bangsa asing yang lain, Syed Syeikh al-Hadi anchnya menulis:

**Tinggalkan olehmu akan segala leter dan sungut orang yang gemar dan suka mencampur dan membahaskan perkara siasat (politik) kerajaan** kerana sekalian kamu ini bukan laki-laki di dalam medan ini. Hanyalah yang patut bagi kamu pada masau mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Inggeris yang maha besar sebab dengan kurnianyalah terlepas kamu daripada perhambaran sekalian pembesar-pembesar kamu serta mendapat kamu kebebasan di bawah undang undang yang tidak sekali-kali menjadik sekatan atau larangan di antara kamu dengan perjalanan kemajuan ... Hanya sanya yang wajib di atas kamu pada masa ini memperbaiki mati hati kamu kepada bangsa dan watan kamu serta berfikir apa-apa yang wajib dikerjakan.<sup>5</sup>

Di akhir makalah beliau, setelah menyeru orang Melayu bersatu padu menuntut ilmu dan segera mencebur diri dalam semua bidang kegiatan yang membina agar "terlepas kamu daripada perhambaran di dalam kehidupan", Syed Syeikh al-Hadi sekali lagi mengulangi:

Adapun mengeluarkan buah menunjukkan bijak mencampuri akan politik kerajaan serta menegur atau mengumpat akan dia adalah pekerjaan yang menghabiskan umur di dalam sia-sia kerana pelajaran masa yang telah lalu itu cukup menjadi teladan bagi kita.<sup>6</sup>

Dilihat sekali lalu, sama seperti pernyataan-pernyataan sekali-sekala di dalam akhbar-akhbar Melayu sezaman bahawa mereka tidak bertujuan mencampuri politik, nampak seakan-akan benar pandangan

sesetengah pengkaji bahawa masyarakat Melayu waktu itu sukaan pemerintahan Inggeris dan tidak mengambil tabu tentang politik. Namun, dilihat di sebaliknya, dapat dibujahkan bahawa sebahagian orang Melayu pada 1920-an, terutama daripada kalangan cerdik pandainya memang menyedari chwal politik tetapi pengalaman buruk masa lampau mengajar mereka menahan diri daripada membicarakannya. Syed Syeikh al-Hadi yang telah terlanjur menyentuh hal politik terpaksa mengulang ketidakgemarannya membicarakan politik demi meyakinkan pihak berkuasa bahawa beliau sebenarnya tidak bercakap tentang politik. Penegasan yang berulang-ulang itu juga membuktikan pada waktu itu memang ada pihak tertentu dalam kalangan orang Melayu yang "mengeluarkan bual" tentang politik.

Hal ini sesungguhnya lebih jelas apabila diteliti teguran Za'ba terhadap "teriakan" Syed Syeikh al-Hadi itu.<sup>58</sup> Za'ba di dalam *Al-Ikhwan* bulan berikutnya, bertarikh 16 November 1926, mengingatkan supaya jangan diungkit tentang "kita diperhambakan oleh bangsa lain itu... kerana kelak menumbuhkan perasaan sakit hati sahaja kepada pihak yang memperhambakan itu".<sup>59</sup> Za'ba yang pernah mengalami tekanan pihak berkuasa kerana kritikan kritikannya yang tajam terhadap pemerintahan Inggeris mengingatkan,

Jangan sekali kali disentuh bangsa pemerintah dan kekayaannya dan kekuatannya di atas kita kerana itu semata mata boleh memarakkan api daripada bara yang sememangnya ada di dalam hati tiap tiap bangsa yang kena perintah oleh bukan sebangsanya itu. Dan tiada faedahnya.<sup>60</sup>

Kemudian, setelah mengingatkan orang Melayu supaya memperbaiki diri dalam segenap segi agar mereka berupaya berdikari, Za'ba mengulangi:

Teriak itu jika disampuk-sampukkan di dalamnya perkataan yang membayangkan kita tiada suka jadi hamba orang pada masa ini nesaya jadilah racun bukan penawar, walaupun disamaraskan di celah celahnya

dengan kalimah memuji muji dan menerima kasih kepada tuan penghulu [British] itu. Atau dengan kalimah-kalimah yang mengatakan "tidak patut mencampuri politik kerajaan" ... semua itu seolah-olah menanam rebu di bibir mulut sahaja, dan pemerintah sangat mengerti akan tujuannya sebenar.<sup>12</sup>

Jawapan balas Syed Syeikh al-Hadi terhadap teguran Za'ba itu agak menakjubkan. Setelah menerangkan bahawa yang dimaksudkan dengan bangsa yang memperhambakan Melayu itu bukanlah kerajaan Inggeris beliau menambah:

Hanya sanya bangsa Inggeris ini tentera daripada tuhan Rabbulazlam disuruhnya kemari supaya mengeluarkan kita daripada gelap gelita penjara kebodohan, kezaliman, kejahatan dan kebengisan pemerintah pemerintah bangsa kita yang asal. Kerana bangsa Inggeris ini kaum yang pandai dan mengerti peraturan pemerintahan dan peraturan keamanan dan memakmurkan dunia... Adapun berfikir apa lagi berkata atau bekerja berkehendakkan kerajaan Inggeris melepaskan tangannya daripada negeri kita masa ini taitulah pada fikiran kita suatu dosa yang maha besar di atas watan dan perhiupuan kaum bangsa kita. Kerana semata-mata lepas naungan bangsa Inggeris daripada kini nescaya datanglah serta menyerta pada masa itu bangsa yang lain pula. Sebab pertama tamanya kita belum layak memerintah negeri. Yang kedua kita tiada boleh mendapat kekuatan bagi menegahkati seteru yang datang itu. Jika sekarang kita di bawah perintah kerajaan Inggeris yang bangsanya makan daging maka sekurang kurangnya jika tiada dapat kita makan daging sama bolehlah juga kita menghisap tulangnya.<sup>13</sup>

Sama ada jawapannya itu ikhlas atau diada-adakan demi menghilangkan syak wasangka pihak berkuasa, yang jelas ialah Syed Syeikh al-Hadi, Za'ba dan beberapa orang lain seperti mereka terperangkap di dalam suatu suasana yang amat sulit. Dengan penuh berhati-hati mereka bermain kata-kata demi kepentingan jangka panjang orang Melayu yang pada pandangan mereka lenih tetapi sedang berhadapan dengan pelbagai "musuh" yang tidak mungkin ditangani sekali gus. Maka dengan keupayaan mereka yang amat

الأخوان  
الأخوان  
فِي الْكَفَافِ الْكَافِيِّ مِنْ مُنْبَهِيِّ

الأخوان

فِي الْكَفَافِ الْكَافِيِّ مِنْ مُنْبَهِيِّ

دُخُولُوكِ سَوْنِ سَكَانِ لَوْهِ يَقْتُلُونَ السَّبِيلَ شَيْعَ بْنَ أَحَدِ الْمَلَوِيِّ فَرَوَيْ فِيْ

المرسدة	المرشح	المرشح	المرشح	المرشح
١٠١	مُجْمَعُوكِنْ فَرْسَلَانْ	فَرْزِقُوكِنْ كَامِبِرْ	مُرْسَكِيْ كَافَانْ	مُرْسَكِيْ كَافَانْ
١٠٢	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا			
١٠٣	أَخْطَاسَانْ هَارِرْ	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا		
١٠٤	فَالْفِلْ عَلَمِيْنْ إِنْكَارِسْ	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا		
١٠٥	كُونْ كِيكَانْ	أَخْبَارْ دَاهِمِيْنْ بَلَدَا	٥ روبي	
١٠٦	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٦ روبي	
١٠٧	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٨ روبي	
١٠٨	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٩ روبي	
١٠٩	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	١٠ روبي	
١١٠	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	١٢ روبي	
١١١	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	١٣ روبي	
١١٢	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	١٤ روبي	
١١٣	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	١٥ روبي	
١١٤	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	١٦ روبي	
١١٥	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	١٧ روبي	
١١٦	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	١٨ روبي	
١١٧	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	١٩ روبي	
١١٨	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٢٠ روبي	
١١٩	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٢١ روبي	
١٢٠	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٢٢ روبي	
١٢١	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٢٣ روبي	
١٢٢	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٢٤ روبي	
١٢٣	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٢٥ روبي	
١٢٤	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٢٦ روبي	
١٢٥	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٢٧ روبي	
١٢٦	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٢٨ روبي	
١٢٧	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٢٩ روبي	
١٢٨	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٣٠ روبي	
١٢٩	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٣١ روبي	
١٣٠	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٣٢ روبي	
١٣١	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٣٣ روبي	
١٣٢	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٣٤ روبي	
١٣٣	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	دَاهِمْ فِيْ عَلَمِيْنْ بَلَدَا	٣٥ روبي	

پُشْ - سُورَتْ كَهْدَانْ هَدَهْ دَهْلَهْ كَهْدَانْ كَهْدَانْ - "الْمَدِيمْ عَبْدَالْغَادِرْ"

مُرْسَكِيْ سَانُوْ مُكْشَلْ ٣٥ سَنِّ.

### AL-IKHWAN

Aanbont: Talib Samat, Syed Syekh ul-Hadi: *Naskah-nama Progress Melati*, 1992.

terbatas itu mereka memilih, sekurang-kurangnya sementara memperkuatkan diri, untuk bekerjasama dengan kerajaan Inggeris bagi menghadapi musuh-musuh yang lain.

Syed Syeikh al-Hadi di dalam tulisan tulisannya yang bernada politik, di samping menekankan tentang keadilan Islam sering mengingatkan tentang adanya bahaya politik daripada kehadiran orang-orang asing yang kian menguasai tanah air orang Melayu dalam segenap segi. Bagi orang-orang seperti beliau penjajahan Inggeris itu setidak-tidaknya lebih baik daripada penjajahan Siam, Belanda, Perancis dan Jepun<sup>11</sup> dan kehadiran Inggeris itu sekurang-kurangnya buat sementara waktu menyelamatkan orang Melayu daripada dikuasai bangsa lain dan ditindas oleh raja-raja dan orang-orang besar mereka sendiri.

## **Tentang Tarikh Lahir dan Umur Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi**

Di dalam tulisan para sarjana terdapat kekecohahan sedikit tentang tarikh kelahiran Syed Syeikh al-Hadi. W. R. Roff menggagakkan Syed Syeikh al-Hadi lahir pada 1862.<sup>12</sup> Sarjana sarjana lain umumnya mencatatkan beliau lahir dalam tahun 1867.<sup>13</sup> Ini bermakna pada waktu kematiannya pada 20 Februari 1934 Syed Syeikh al-Hadi berumur sama ada 72 atau 67 tahun mengikut kiraan tahun syamsiyah. Untuk mengatasi kekeliruan ini saya telah merujuk sumber bertulis yang paling hampir dengan kerjaya terakhir Syed Syeikh al-Hadi, iaitu akhbar *Sandara* yang tidak beberapa lama setelah kematiannya dikemudikan pula oleh anaknya Syed Alwi al-Hadi. Mengumumkan kewafatan Syed Syeikh al-Hadi, Mohd. Yunos Abdul Hamid, sahabat lama dan pemangku pengarang *Sandara* menulis di

muka hadapan akhbar tersebut bertarikh 10 Zulkaedah 1352 (24 Februari 1934) bahawa:

Adalah wafatnya [Syed Syeikh al-Hadi] pada jam pukul 10:10 malam Arba' 6 haribulan Zulqaidah tahun 1352 berbercakat malam 20 Februari 1934, kemudian telah sempurna baginya **umur 71 tahun**.<sup>4</sup>

Ini belum dapat menyelesaikan masalah kerana umur 71 itu tidak disebut sama ada menurut kiraan syamsiyah atau qamariah. Walau bagaimanapun, dalam rencana pengarang naskhah yang sama, Mohd. Yunos Abdul Hamid menceritakan pengalamannya bekerja dengan Syed Syeikh al-Hadi dan mencatatkan betapa sewaktu Syed Syeikh al-Hadi masih hidup ramai orang kagum melihat "seorang yang telah berumur tua **70 tahun lebih** sebagai almarhum itu masih dapat mengorbankan masa, tenaga dan fikirannya di atas pekerjaan karang mengarang bagi umum...".<sup>5</sup> Pencarian kita hampir terjawab apabila di dalam *Saudara* (28 Februari 1934) dicatatkan bahawa Syed Syeikh al-Hadi lahir "**pada tahun 1281 Hijrah**".<sup>6</sup> Tahun Hijrah 1281 adalah bersamaan sama ada tahun Masih 1864 atau 1865, bukan 1862 atau 1867. Nyata, umur 71 tahun yang dicatatkan Mohd. Yunos Abdul Hamid itu adalah berdasarkan kiraan tahun Hijrah. Kaedah ini umum diamalkan orang Melayu untuk mengira umur orang yang telah meninggal dunia, lebih-lebih lagi pada waktu itu apabila orang Melayu lebih lazim dengan tarikh Hijrah daripada tarikh Masih. Tetapi bilakah tarikh tepat kelahiran Syed Syeikh al-Hadi dan berapakah umur sebenar Syed Syeikh al-Hadi pada waktu kembali ke rahmatullah? Kekusutan ini terungkai apabila kita menemui catatan yang mengatakan Syed Syeikh al-Hadi lahir pada 25 Rejab 1281,<sup>7</sup> tarikh yang bertepatan dengan hari Khamis 25 Disember 1864.<sup>8</sup> Nampaknya kedua-dua tarikh ini telah sejak awal lagi memberi petanda tentang kesan-kesan besar yang bakal ditinggalkan tokoh itu. Syed Syeikh al-Hadi meninggal pada usia 71 tahun 3 bulan 11 hari

menurut kiraan Hijrah atau 69 tahun 4 bulan 26 hari menurut kiraan Masihi.

## **Penutup**

Pengalaman, perlakuan dan sejarah hidup yang dilalui Syed Syeikh al-Hadi adalah pembayang suasana zamannya. Terperangkap di tengah-tengah percaturan politik penjajahan Barat, pertembungan rencam budaya pelbagai ragam, keruntuhan asas-asas sosial dan politik tradisional, dan perjuangan sengit untuk hidup, Syed Syeikh al-Hadi memberi pendapat, mengemukakan saranan dan bertindak untuk menyelamatkan orang Melayu daripada kemusnahan yang melanda. Dalam keadaan serba kekurangan, seperti tokoh-tokoh lain sezaman yang peka dengan keadaan, beliau yang menyedari kelemahan diri dan masyarakatnya terpaksa menentukan keutamaan dalam menggerakkan langkahnya. Dalam proses itu, dibentuk oleh pendidikan dan pengalaman yang dilaluinya, Syed Syeikh al-Hadi memutuskan bahawa perkara yang lebih mustahak bagi orang Melayu waktu itu ialah memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu dan upaya agar terjamin berjaya dalam persaingan di dunia yang sedang pesat berubah. Maka untuk itu Syed Syeikh al-Hadi yang mendapati kekuasaan Inggeris sesuatu yang mustahil disanggah mengambil kesempatan mempergunakannya untuk membangunkan ketahanan orang Melayu dalam jangka panjang. Tanpa ketahanan diri kemerdekaan yang dicapai tidak akan kekal kerana kata Syed Syeikh al-Hadi, "Semata mata lepas naungan bangsa Inggeris daripada sini nescaya datanglah serta menyerta pada masa itu bangsa yang lain pula."<sup>91</sup> Syed Syeikh al-Hadi yang sempat menyaksikan keruntuhan kerajaan-kerajaan Melayu di bawah cengkaman Inggeris, Belanda dan Siam tidak yakin dengan kepemimpinan Melayu yang sedia ada. Demi merombak dan membina semula ketahanan diri dan kepemimpinan itu Syed Syeikh al-Hadi menghabiskan seluruh

hidupnya "menggerakkan" orang Melayu supaya kembali giat berjuang menggunakan ilmu dan fikiran berlandaskan agama Islam yang maha suci.

## Nota

1. Soal tarikh kelahiran Syed Syeikh al-Hadi ini akan diburaikan kemudian. Lihat juga Abdul Rahman Haji Ismail, "Syeyid Syeikh al-Hadi: Satu catatan tentang tarikh lahir, umur dan kematiananya", *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, 6: 132-141, Oktober 1999.

2. Akhbar *Saudara* 28.2.1934 mencatatkan nama bapa angkatnya itu sebagai Raja Haji Ali ibn Almarhum Sultan Muhammad Yusuf al-Ahmadi manakala beberapa lelajam yang telah diterbitkan menuliskannya sebagai Raja Haji Ali Kelana ibn Almarhum Sultan Muhammad Yusuf al-Hadi. Lihat Talib Samat, *Syeyid Syeikh al-Hadi: Nasionalis Progresif Melaka* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 4. Yang Diperintah Muda Muhammad Yusuf (mangkat pada 1899) ialah cucu Raja Haji, pahlawan Melayu-Bugis yang mangkat pada 1784. Walaupun Muhammad Yusuf telah menjadi Yang Diperintah Muda sejak 1858, beliau tidak pernah dilantik sebagai Sultan. Meskipun begitu, sebahagian orang Melayu menganggapnya sebagai Sultan, terutamanya setelah kemangkatan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah pada 1883. Gelaran sebenar di hadap namanya itu ialah Al Ahmadi, bukan Al-Hadi. Lihat juga Virginia Matheson Hooker, *Talib al-Naqic Syayid Melaka Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 10.

3. Lihat Abu Hassan Sharif, "Rusydiyah Kelab dan Tarian Penghiburan", *Pariwa*, Bil. 2, 1983, m.s. 37-44.

4. Lihat juga Virginia Matheson Hooker, *Talib al-Naqic Syayid Melaka Islam*, terjemahan Ahmad Fauzi Basri (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 8-12.

5. *Saudara* (28 Februari 1934).

6. Haji Bachtiar Djamil, *Rasmiatul Hidayah dan Permoangan Syeikh Takir Jidahuddin Al-Ulaki al-Ikhwan* (Jakarta, 1994), 28.

7. W. R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1967), 64.

8. *Saudara* (28 Disember 1929 dan 4 Januari 1930).

9. Ibid.

10. *Al-Ikhwan*, Peng. 1, Jilid 1 (16 September 1926).

11. Ibid. Perikan daripada *Al-Ikhwan* ini terdapat juga di dalam Talib Samat, *op. cit.*, m.s. 121-123 tetapi terdapat kelainan sedikit di antara bacan beliau dengan bacan saya.

12. Al Ikhwan, Peng. 1, Jilid 2 (16 Oktober 1926).

13. Ibid.

14. Ibid.

15. *Al Imam* (5 Mac 1908).

16. *Saudara* (20 Oktober 1928).

17. *Saudara* (27 Oktober 1928).

18. Ibid.
19. *Sandaran* 13 April 1933,
20. *Sandaran* 16 April 1932,
21. Ibid.
22. Ibid.
23. *Sandaran* 27 Oktober 1928,
24. *Sandaran* 28 Oktober 1928,
25. Ibid.
26. *Al-Hikmat* 16 Oktober 1926.,
27. Ibid.
28. Hal tegor menegar antara Syed Sveikh al Hadi dan Zabu mungkin juga dibenarkan dalam Abdul Rahmat Hajji Ismail, "Nasionalisme Melayu dan Nasionalisme Melayu Seorang Melayu: Satu Perincian tentang Soal Permulaannya", dalam Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (ed.), *In Isa Penanaman*: Pahar Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1995, 169-170.
29. *Al-Hikmat* 16 November 1926. Petikan rencana dalam *Al-Hikmat* ini terdapat juga di dalam Abdulllah Hussain dan Khalid Hussien, *Pustaka Zulfiqar Dalam Kumpulan Iskandar*: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, 231-239.
30. *Al-Hikmat* 16 November 1926.
31. Ibid.
32. Ibid.
33. Pandangan seperti ini sekali sekala terdapat di dalam akhbar akibar Melayu zaman itu. Lihat misalkan, *Sandaran* 28 Mac dan 16 Mei 1931.
34. W. R. Roff, *The Origins of Modern Malay Literature*, ms. 62.
35. Li Chuan Sui, *The First Era of the Development of Modern Malay Literature*: Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1970; 8; Li Chuan Sui, *Historical Aspects of Malaysian Malay Books, 1830-1845* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1984), 54; Baharudin Zainal et al., *Buku Biografi Seniman Pionir* (Kuala Lumpur, 1981), 409; Zainal Abidin bin Manaf, "Modern Developments of Malay Literature", JMBR, IV, Jilid xviii, Bag. ii, Januari 1940; Talib Samat, *Syed Sveikh al Hadi*, ms. I; Yahaya Ismail, "Sayid Sveikh Ahmad al Hadi: Pembuka Zaman Baru dalam Bidang Novel di Bumi Pulau Pinang", di dalam *Wacana Akademik Pustak Pinang*, selsenggaran Abdul Latiff Abu Bakar (Kuala Lumpur, 1985), 43.
36. *Sandaran* 24 Februari 1933. Penekutary oleh penulis.
37. Ibid.
38. *Sandaran* 28 Februari 1934.
39. Lihat Talib Samat, *Aid Azykha Al-Hadi*, ms. I.
40. Lihat G. S. P. Freeman-Grenville, *The Muslim and Christian Colonies* (London: Oxford University Press, 1963).
41. *Al-Hikmat* (16 November 1926).

## Bibliografi

- Abdul Rahman Haji Ismail. Nasionalisme Melayu dan Nasionalisme Melayu Serantah Melayu: Satu Perbincangan Tentang Soal Permulaannya. Di dalam Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (penyunting). *Isu-isu Peneguhan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1995.
- \_\_\_\_\_. Sayid Syaikh al-Hadi: Satu Catatan Tentang Tarikh Lahir, I mur dan Kematiamnya. *Jurnal Ilmu Komunitarian*, 6: 132-141, Oktober 1999.
- Abdullah Hussain dan Khalid Hussain. *Pendita Zabu dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
- Abu Hassan Shams. Rusydiyah Kelab dan Taman Penghiburan. *Purbu*, 2: 37-44, 1983.
- Al-Ikhwan*, Jilid 1-3, 1926.
- Al-Imam*, 5 Mac 1908.
- Baharuddin Zainal dan lain-lain. *Iligub (Biografi Senatus Penulis)*. Kuala Lumpur, 1981.
- Freeman-Grenville, G. S. P. *The Muslim and Christian Calendars*. London: Oxford University Press, 1963.
- Haji Bachriar Djamily. *Rasyal Hidayah dan Perjuangan Syekh Tahir Falakuddin al-Alaki al-Izhar*. Jakarta, 1994.
- Hooker, Virginia Matheson. *Tidfat al-Najis: Nigarah Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Ia Chuan Siu. *A Bird's Eye-View of the Development of Modern Malay Literature*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1970.
- \_\_\_\_\_. *Iktisar Sejarah Kestaurian Melayu Baru, 1890-1945*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1984.
- Roff, W. R. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967.
- Sandara, 1928-1934.
- Syed Syeikh al-Hadi. *Hikayat Setia: Asyik kepada Makssuknya atau Hikayat Pandoh Hantu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1985.
- Talib Samat. *Syed Syeikh al-Hadi: Nasirurian Praggesit Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Yahaya Ismail. Sayid Syeikh Ahmad al-Hadi: Pembuka Zaman Baru dalam Bidang Novel di Bumi Pulau Pinang. Di dalam Abdul Latiff Abu Bakar (penyelenggara). *Warisan Sasteri Pulau Pinang*. Kuala Lumpur: GAPENA, 1985.
- Zainal Abidin Ahmad. Modern Developments of Malay Literature. *JMBR*, IV, xviii (ii), Januari 1940.

# **Syed Syeikh al-Hadi: Pemikirannya Terhadap Islam dan Perubahan**

*Fadhluddin Jamil*

---

## **Mukadimah**

Pada awal abad ke 20, Semenanjung Malaysia (dulu Malaya) telah menyaksikan kebangkitan Islam yang bercorak reformis (pembaharuan).<sup>1</sup> Kebangkitan ini melibatkan proses *ishab*, iaitu usaha untuk memurnikan (memperbaiki) Islam yang diamalkan di peringkat tempatan daripada pencemaran yang berupa amalan tahayul, khurafat dan bidaah akibat daripada terdapatnya sinkritisme dan juga tersebarinya budaya sekular Barat serta pengaruh Kristian melalui sistem pendidikan moden yang diperkenalkan oleh penjajah British. Hasil daripada perkembangan ini akhirnya telah membawa perubahan dalam masyarakat Melayu yang terpelajar amnya, dan aliran ini terus menggerakkan perjuangan kemerdekaan bagi bangsa Melayu selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Malah, aliran ini turut

beroperasi hingga kini dalam mengilhamkan perubahan dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia.

Sebenarnya, aliran kebangkitan yang berkembang itu bercorak *Sufi*, iaitu para pendokongnya mengikuti jejak langkah perjuangan *Abi Salaf* (tiga generasi umat Islam yang terawal).<sup>2</sup> Dalam hal ini, Kaum Muda, yakni para reformis peringkat awal di Semenanjung Malaysia, telah terpengaruh dengan pemikiran yang dicietuskan oleh tokoh-tokoh *islah* yang muncul di Asia Barat moden, khususnya Syeikh Muhammad Abdoh (1849–1905) yang berasal dari Mesir.<sup>3</sup> Melalui majalah *Al-Manar*, lawatan mahupun pengajian yang diikuti di Asia Barat, para aktivis Islam dari Semenanjung Malaysia itu telah mendapat aspirasi untuk memajukan umat Islam tempatan dan lanjutan daripada itu menggerakkan mereka ke arah perjuangan pembebasan daripada penjajahan asing. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna golongan ini menolak Barat secara total. Sebaliknya, mereka menyeru kepada *ijtihad* dan sejajar dengan itu menerima sains dan teknologi moden serta beberapa aspek daripada kebudayaan Barat seumpama memakai kot dan tali leher dan mempelajari bahasa Inggeris.

Miran *Sufi* yang didokong oleh Kaum Muda telah muncul di Semenanjung Malaysia sekitar tahun 1906 dengan lahirnya majalah *Al-Imam* di bawah pimpinan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, seorang alim peranakan Minangkabau, Sumatera Barat.<sup>4</sup> Beliau dibantu oleh beberapa orang tokoh lain seperti Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi, Haji Abbas Mohd. Taha dan Syeikh Muhammad Salim al-Kalali.<sup>5</sup>

Kajian ini akan menumpukan perhatian kepada pemikiran Syed Syeikh al-Hadi, khususnya pemikiran beliau mengenai isu Islam dan perubahan. Moga-moga langkah ini akan dapat memperkaya lagi kefahaman kita tentang tokoh ini dan sumbangannya terhadap Islam

dan sejarah tanah air, selain memperbetulkan beberapa kekeliruan yang mungkin timbul mengenai isu *islab* yang dikehendaki oleh Islam selaku *al-Din* yang diwahyukan.

## **Syed Syeikh al-Hadi: Pengalaman Awal**

Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi telah dilahirkan di Kampung Hulu, Melaka pada tahun 1876 M/1281 H. Beliau berasal daripada keturunan Arab Melayu, yakni ayahnya berketurunan Arab Hadhramaut, manakala ibunya seorang wanita Melayu Melaka. Seperti kanak-kanak Melayu yang lain, Syed Syeikh al-Hadi semasa kecilnya mendapat pendidikan Melayu dan agama Islam. Ayahnya sendiri mengajarkan beliau bahasa Arab di peringkat asas. Semenanjung itu, beliau bersekolah agama di Melaka dan belajar juga di Sekolah Melayu Straits Settlements, Melaka. Berikutnya, beliau mengikuti keluarganya, yang mempunyai pertalian darah dengan keluarga diraja Riau, berpindah ke Pulau Penyengat, ibu negeri Kerajaan Riau-Lingga.<sup>1</sup>

Di Pulau Penyengat, beliau telah dijadikan anak angkat oleh Raja Ali Kelana bin Raja Ahmad, iaitu adik tiri kepada Sultan Riau Lingga dan juga Raja Muda, dan dipelihara bersama-sama beberapa orang putera diraja yang lainnya. Kemudiannya, Syed Syeikh al-Hadi telah dibantarkan ke sebuah sekolah pondok di Kuala Terengganu oleh bapanya bagi mendalami ilmu agama dan bahasa Arab. Ketika itu, Terengganu, Kelantan dan Kedah merupakan tiga buah negeri Melayu yang masyhur dengan sistem pengajian pondok. Walau bagaimanapun, beliau tidak lama di sana. Ini kerana beliau tidak tertarik langsung dengan sistem pengajian pondok yang hanya mengajar para muridnya untuk menghafaz kandungan kitab-kitab tanpa membuat sebarang penilaian secara kritis.<sup>2</sup> Dalam usianya yang muda itu pun, beliau telah menunjukkan sikap kritis terhadap apa

yang dipelajarinya. Dalam hal ini, beliau menunjukkan sifat yang sama dengan Syeikh Muhammad Abdurrahman seorang tokoh *zalih* dari Mesir, yang kemudiannya menjadi ikutan beliau sepanjang hayat.

Namun sejurus kemudian, Syed Syeikh al-Hadi telah dipanggil kembali ke Pulau Penyengat oleh ayah angkatnya. Di sana, beliau diberi pendidikan dalam bidang bahasa, kebudayaan dan agama oleh Raja Ali Kelana sendiri. Sebaik itu, beliau juga belajar daripada Haji Husain dan beberapa orang guru agama yang terkenal di Riau. Dalam pada itu, beliau juga menambahkan ilmunya dengan membaca karya-karya Melayu dan Arab, termasuk jurnal dan akhbar, meskipun bahasa Arabnya tidaklah begitu baik.<sup>1</sup>

Selanjutnya, beliau mengambil bahagian dalam aktiviti aktiviti agama dan kesusastraan yang terdapat di istana Riau. Sayugialah diketahui bahawa pada zaman Raja Ali Haji bin Raja Ahmad (1809–1870) dan zaman muda Syed Syeikh al-Hadi, Pulau Penyengat merupakan sebuah pusat pengajian Islam dan Melayu tradisional serta kubu kuasa pihak Bugis. Lantaran itu, pengajian bahasa Melayu dan sasteranya bersama-sama dengan pendidikan Islam, terutamanya *tazkirah*, telah diberi perhatian yang mendalam.<sup>2</sup> Keadaan ini membantu Syed Syeikh al-Hadi untuk menambahkan ilmunya dalam bidang agama dan kebudayaan Melayu.

Di samping itu, beliau juga mendapat peluang untuk memperkuuh keilmuannya dalam kedua-dua aspek itu di sebuah kelab pengajian yang bernama Kelab Rasyidiyyah. Kelab ini telah ditubuhkan pada awal 1890-an. Ahlinya terdiri daripada tokoh-tokoh agama, penulis dan bangsawan Riau.<sup>3</sup> Menurut S. H. Tan, beberapa orang anggota diraja Riau yang melawat Mekah dan Kaberah telah menubuhkan kelab itu sekembalinya mereka ke Pulau Penyengat kerana terpengaruh dengan suasana Islam yang lebih maju di Asia Barat.<sup>4</sup>

Selain Kelab Rasyidiyyah, Rumah Wakaf, iaitu sebuah pusat kebaikan di Pulau Penyengat, telah juga menjadi sebuah tempat pengajian Syed Syeikh al-Hadi. Sebagai pengurus rumah ini, atas ketetapan ayah angkatnya, beliau berhasil menemui dan berbincang dengan tokoh-tokoh agama yang menumpang di rumah tersebut dari semasa ke semasa. Bukan sekadar itu, malah melalui pergaulannya dengan putera-putera diraja dan para pembesar Riau, beliau memahami benar akan masalah-masalah politik yang mengganggu perhubungan antara Melayu dengan Bugis di bawah penguasaan Belanda yang bertapak dengan kokuhnya di Indonesia. Ini juga tidak menghairankan, apatah lagi ayah angkatnya sendiri amat aktif dalam soal politik.<sup>14</sup>

Semasa di Pulau Penyengat juga, Syed Syeikh al-Hadi berkesempatan untuk melawat Asia Barat, khususnya Mesir dan Arab Saudi. Beliau telah diminta menemani anggota keluarga diraja dan golongan bangsawan Riau ketika lawatan mereka ke Mekah, Madinah dan Kaherah sama ada untuk memenuhi fardu haji atau menuntut ilmu. Meskipun Syed Syeikh al-Hadi telah terpengaruh dengan idea-idea *islah* yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad Abdoh semasa lawatannya ke Mesir, namun beliau belum membincangkan persoalan pembaharuan dalam Islam melainkan selepas beliau berpindah ke Singapura. Malah penglibatannya secara aktif dalam Kelab Rasyidiyyah yang mengamalkan ajaran Tarekat Naqshabandiyah membuktikan bahawa pegangannya kerika itu masih bercorak tradisional. Lagipun, beliau tidak menghasilkan sebarang karya yang memperjuangkan program *islah* semasa di Pulau Penyengat. Perubahan itu hanya berlaku selepas beliau bermastautin di Singapura.<sup>15</sup>

## Syed Syeikh al-Hadi dan Kegiatan-Kegiatan *Islah*

Syed Syeikh al Hadi pergi ke Singapura pada tahun 1901. Di sana, beliau menceburkan dirinya dalam bidang perniagaan dan penulisan. Pengalaman dalam bidang perniagaan bermula apabila beliau menjadi pengurus di syarikat Batam Brick Works, milik Raja Ali Kelana.<sup>13</sup> Tugas ini dikendalikannya sehingga tahun 1906, iaitu apabila syarikat berkenaan ditutup.

Berikutnya, beliau terlibat pula dalam perniagaan dan penulisan apabila beliau mengambil bahagian secara aktif dalam penerbitan *Al-Imam*, sebuah jurnal berbentuk *islah* yang pertama di Semenanjung Malaysia. *Al-Imam* telah diterbitkan di Singapura bermula pada 23 Julai 1906. Ia diasaskan oleh Syed Syeikh al-Hadi bersama-sama dengan beberapa orang temannya seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Muhammad Aqil, Haji Abbas Mohd. Taha, Syeikh Muhammad Salim al-Kalali dan Syed Awad Saidan.<sup>14</sup> Meskipun *Al-Imam* tamat penerbitannya pada tahun 1908, namun pengaruhnya tersebar di Semenanjung Malaysia dan Indonesia.

Selanjutnya, peranan *Al-Imam* telah disambung oleh *Nurul* yang diterbitkan oleh Haji Abbas Mohd. Taha pada tahun 1911. Ini diikuti dengan *Al-Ikbar* (1926) dan *Saudara* (1928) yang kedua-duanya diterbitkan oleh Syed Syeikh al-Hadi di Pulau Pinang.<sup>15</sup> Kesemua penerbitan ini dicetak dalam tulisan jawi. Melalui semua penerbitan tersebut, gagasan Kaum Muda telah diketengahkan kepada masyarakat amnya.

Sejak awal lagi, *Al-Imam* telah memperjuangkan unsur pembaharuan agama dan pemikiran umat Islam. Dalam hal ini, para pendokong *Al-Imam*, termasuk Syed Syeikh al-Hadi sendiri, terpengaruh dengan idea idea *islah* yang dikemukakan oleh jurnal



### **SYEIKH TAHIR JALALUDDIN**

*Sumber:* Arkib Negara Malaysia.

*Al-Manar*, yang diterbitkan di Mesir oleh Syed Muhammad Rashid Ridha, anak murid terkanan Syeikh Muhammad Abdurrahman, antara isu-isu yang diperbincangkan ialah:<sup>75</sup>

- (a) Memperjuangkan Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis dan lantaran itu menolak tafsirul, khurafat dan bidaah.

- (b) Menggalakkan orang Melayu agar melakukan ijtihad dan menjauhkan diri daripada taklid buta yang dilihatannya sebagai suatu unsur yang meruntuhkan masyarakat.
- (c) Menganjurkan sistem pendidikan baru, iaitu yang berdasarkan sistem pendidikan Islam yang tulen lagi maju serta diperkuatkan lagi dengan pengetahuan bahasa Arab, bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan sebagainya.
- (d) Menganjurkan orang Melayu agar bersatu, bekerja dengan gigih bagi kemajuan ekonomi dan membebaskan diri mereka daripada penguasaan bangsa asing.


Sungguhpun Syed Syeikh al-Hadi bukanlah merupakan seorang alim yang setanding dengan teman karibnya, Syeikh Tahir Jalaluddin, namun beliau telah membuktikan kemampuan selaku seorang penulis dan tokoh polemik serta pendakwah yang amat berkesan. Banyak daripada makalah yang kritis dan tajam datang daripada hasil penanya sendiri. Malah beliau lebih terkenal dalam bidang kewartawanan dan kesusastraan, jika dibandingkan dengan sumbangannya sebagai peguam syariah, pendidik, peniaga dan penerbit.<sup>18</sup>

Dalam pada itu, Syed Syeikh al-Hadi juga cuba melaksanakan idea ideanya mengenai pendidikan Islam dan membawa perubahan kepada masyarakat melalui sistem persekolahan moden yang diusahakannya. Pertamanya, beliau menubuhkan Madrasah Iqbal Islamiyyah di Singapura pada tahun 1907. Namun, setelah dua tahun, sekolah ini terpaksa dirutup kerana terdapat perselisihan faham antara para ibu bapa dan guru di sebelah pihak dengan penguasa sekolah yang diwakili oleh Raja Ali Haji bin Raja Ahmad, saudara kepada Sultan Riau di pihak yang lainnya.<sup>19</sup>

Berikutnya, dengan bantuan Haji Abu Bakar bin Ahmad, yang lebih dikenali sebagai Haji Bachik, Syed Syeikh al-Hadi menubuhkan pula sebuah madrasah yang dinamakan Madrasah al-Hadi di Bandar Kaba, Melaka pada tahun 1915. Madrasah ini mengajarkan ajaran Islam yang progresif berdasarkan pemikiran Syeikh Mubammad Abdur. Tetapi, selepas tiga tahun beroperasi, sekolah ini terpaksa ditutup.<sup>7</sup> Pemikirannya yang mendahului zaman belum dapat diterima oleh masyarakat tempatan, terutamanya Kaum Tua, yakni pihak ulama tradisional dan golongan bangsawan.

Kegagalan ini mendesak Syed Syeikh al-Hadi untuk berhijrah ke Pulau Pinang. Langkah ini rupanya membuka lembaran baru dalam perjuangannya, terutama dalam bidang penulisan dan gerakan reformasi yang telah diterokainya selama ini. Di Pulau Pinang yang dikuasai oleh pentadbiran Inggeris dengan alam persekitaran dan masyarakatnya yang lebih terbuka, yakni tanpa pengawalan raja-raja Melayu mahupun Majlis Agama seperti yang lazimnya terdapat di Negeri-Negeri Melayu yang lain, Syed Syeikh al-Hadi dapat mengatori langkah bagi memperluaskan pemikirannya dalam suatu perjuangan yang tidak terbatas lagi.

Selain berjaya mengasaskan Madrasah al-Mashoor Islamiyyah dengan bantuan sahabatnya Haji Bachik, hartawan dari Melaka itu, beliau juga berhasil meluaskan pengaruh aliran reformasi melalui penerbitan-penerbitannya seperti majalah *Al-Ikhtiar* (1926) dan *Saudara* (1928) serta karya-karya agama seumpama *Al-Tarikh Al-Islami* (1922), *Tafsir Juz' 'Amma* (1922), *Tafsir Al-Watibah* (1928), *Alam Perempuan* (1930), *Ulama Islam dan 'Akal* (1931), *Ulama Islam, Iktikad dan Ibadah* (1931) dan *Hadiyah Kebangsaan* (1933).<sup>8</sup>



Syed Syeikh al-Hadi bersama kaum keluarganya di depan rumahnya di Jelutong, Pulau Pinang.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Dalam pada itu, beliau turut menghasilkan beberapa buah novel. Novelnya yang paling popular ialah *Hikayat Faridah Hanum*, iaitu sebuah karya saduran yang membincangkan isu kebebasan wanita. Jelasnya, semasa bermiestautin di Pulau Pinang Syed Syeikh al-Hadi telah menampilkan dirinya sebagai seorang pemikir Islam yang berani, progresif dan berkesan.

## **Syed Syeikh al-Hadi: Pandangan Tentang Agama dan Perubahan**

Seerti Syeikh Muhammad Abdurrahman, Syed Syeikh al-Hadi melihat Islam sebagai suatu cara hidup (*al-nizam al-bayah*) yang lengkap lagi maju. Ini berbeza sekali dengan tafsiran para ulama tradisional yang melihat Islam sebagai sempit sehingga dunia yang terbentang luas dikira tidak

bererti apa apa. Malah, ada di antara mereka ini yang menganggap dunia ini milik orang kafir semata mata dan bagaikan bangkai umat Islam. Lantaran itu, mereka mengajar umat Islam agar menumpukan perhatian kepada soal ibadat dan mati (akhirati) semata mata. Akibatnya, umat Islam yang terpengaruh dengan ajaran mereka itu menjadi beku *yamud* dan mundur. Begitu juga, salah faham umar Melayu tentang konsep Qadik dan Qadar, masalah kemiskinan dan kehidupan sederhana menyebabkan mereka mengalami kemunduran berabad-abad lamanya.



Buku *Ugama Islam dan Akhlak* karangan Syed Sveikh al-Hadi Shariatu Tabb Syurut, Syed Asy'ik al-Hadi. *Virtus dan Pengabdian Melayu*, 1993.

Menyedari kepincangan yang melanda orang Melayu adalah kerana mereka tersalah fabam tentang Islam, maka Syed Syeikh al-Hadi seperti teman-temannya yang lain, berusaha memerangi amalan khurasat, bidaah dan pegangan yang salah. Suatu hal yang amat ditekankan ialah orang Melayu perlu menggunakan akal bagi menyelesaikan masalah-masalah mereka secara bijaksana. Seajar dengan itu, beliau menolak roh taqlid yang berkembang di tengah-tengah masyarakat Melayu. Dalam hal ini, pendirian Syed Syeikh al-Hadi memang wajar. Sesungguhnya, Islam menggalakkan umatnya agar menggunakan akal dengan baik, bagi mengatasi segala masalah mereka. Akal juga merupakan anugerah Allah yang paling istimewa kepada manusia dan dapat membantu mereka untuk membezakan antara yang hak dengan yang batil.<sup>7</sup>

Selari dengan keyakinan inilah, Syed Syeikh al-Hadi telah menentang bidaah yang terdapat pada ajaran Tarekat Naqshabandiyah di Singapura. Dalam hal ini, beliau berjaya. Kemudian, ketika di Pulau Pinang, beliau dengan bantuan beberapa orang temannya, iaitu Syeikh Abdulrahman al-Maghribi dan Syeikh Tahir Jalaluddin, telah berjaya menghapuskan pengaruh ajaran Taslim (Agama Matahari) setelah menjalankan penyelidikan mengenainya selama tiga bulan. Sehubungan dengan itu, dalam suatu perhimpunan yang diadakan di Masjid Jelutong, beliau membuktikan yang ajaran itu sesat dan berikutnya kitab-kitab mengenainya dibakar.<sup>8</sup>

Dalam pada itu, Syed Syeikh al-Hadi menegaskan bahawa dalam Islam, ibadat khusus memiliki hikmah, fadilat yang tersendiri dan patut dilaksanakan. Beliau yakin bahawa setiap amalan keagamaan yang wajib itu dituntut oleh Allah bagi kebaikan manusia sendiri. Misalnya, melalui ucapan kalimah syahadah, beliau yakin bahawa keimanan yang kukuh terhadap Allah akan dapat disemaiakan.

Membebaskan manusia dalam kehidupannya daripada takut dan kuasa kuasa lain atau tenaga lain selain daripada sebalas musabab yang dicipta oleh Allah untuk beroperasi dalam dunia ini kerana kuasa Allah mengatasi segala-galanya. Oleh itu, manusia tidak perlu takut kepada kuasa atau tenaga yang diketarkan dengan kayu, batu, berbala, kubur, hantu dan syaitan.<sup>17</sup>

Melalui hujahnya itu, Syed Syeikh al-Hadi jelas ingin membersihkan umat Melayu daripada unsur-unsur kepercayaan terhadap khurafat dan pencemaran yang berlaku melalui sinkritisme antara Islam dengan animisme dan warisan Hinduisme yang wujud sejak abad ke 13 M. Dalam pada itu, bagi Syed Syeikh al-Hadi sudah memadai seorang Muslim biasa meyakini bahawa Allah memiliki sifat-sifat yang sempurna dan berbeza daripada makhluk ciptaan Nya. Justeru itu, tidak perlu individu menghafaz *Nisat Dua Puluh* seperti yang dituntut oleh ulama tradisional. Ini tegasnya kerana agama Islam merupakan suatu agama yang mudah, dan seseorang awam Muslim tidak wajar dibebankan dengan pengajian yang merumitkan.<sup>18</sup>

Selain itu, Syed Syeikh al-Hadi berpendapat bahawa solat dapat mencegah seseorang Muslim daripada mengerjakan perkara-perkara yang mungkar. Namun, beliau berhujah bahawa solat akan benar-benar berkesan merubah peribadi seseorang itu menjadi baik jika bacaan dan tujuan solat itu diketahui.<sup>19</sup> Sejajar dengan itu, beliau yakin bahawa kanak-kanak Muslim sewajarnya diajarkan makna bacaan dalam solat dan tujuan solat agar mereka dapat mengelakkan kemungkaran, kemunduran dan kehinaan. Pendiriannya itu memang baik dan perlu diberi perhatian yang serius.

Namun, dakwaan Syed Syeikh al-Hadi yang mengatakan 90% atau lebih orang Melayu tidak mengetahui apa yang dibaca oleh mereka dalam solat adalah keterlaluan. Ini kerana masih ada di antara mereka yang belajar di pondok-pondok dan madrasah-madrasah, termasuk mempelajari bahasa Arab, semasa zamannya itu.<sup>20</sup>

Dalam pada itu, beliau berhujah bahawa ibadat seperti solat lima waktu tidak menghalang umat Islam daripada bekerja keras bagi mengatasi kelemahan mereka dalam aspek sosial dan ekonomi. Menurutnya, mereka hanya tertinggal ke belakang berbanding orang Cina dan Eropah kerana menyertai tarekat-tarekat dan membuang terlalu banyak masa berzikir serta memenuhi hantaman *fusruif* yang lainnya. Justeru itu, beliau menuntut perubahan, yakni agar orang Melayu kembali kepada Islam yang mudah lagi tulen dan meninggalkan amalan tarekat.<sup>21</sup>

Dalam soal berpakaian semasa solat pula, beliau mengambil sikap yang lebih liberal seperti para reformis di Mesir. Menurut para ulama tradisional, seorang lelaki Muslim yang bersolat mesti berpakaian lengkap, yakni memakai sarung, baju dan memakai kopiah (ketayap) atau bersongkok. Mereka tidak sewajarnya bersolat dengan memakai *pantalon* (seluar). Namun, Syed Syeikh al-Hadi berpendirian seorang lelaki Muslim boleh bersolat selagi beliau memakai pakaian yang menutup tubuhnya dari pusat ke lutut. Malah, beliau berhujah bahawa seseorang itu boleh bersolat jika ia memakai kot, kemeja, tali leher, *pantalon* dan sarung kaki seperti orang Eropah.<sup>22</sup> Pendapat yang terakhir itu memang menjadi kontroversi yang hebat dalam masyarakat Melayu dan hanya diterima umum selepas lewat 1960-an.

Seperkara lagi ialah Syed Syeikh al-Hadi mengkritik tentang bentuk dan corak penyampaian khutbah Jumaat di negara ini yang kurang berkesan dan tidak menggalakkan pendengarnya berfikir secara kritis.<sup>23</sup> Beliau menyarankan agar khutbah Jumaat membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masalah dan kepentingan umat Islam. Lagipun, bagi beliau khutbah itu sepatutnya menjadi wahana untuk membawa perubahan yang positif kepada orang Melayu.

Sementara itu, beliau juga membincangkan kepentingan zakat dan **kegunaannya** dalam hidup setiap orang Islam. Sehubungan dengan itu, beliau melahirkan kebimbangan terhadap kefahaman umat Melayu tentang kepentingan zakat dan cara pengagihan zakat yang tidak teratur mahupun berkesan. Beliau menyarankan supaya wang zakat digunakan untuk membangun projek-projek sosial-ekonomi seperti penubuhan kolej kolej Islam, universiti universiti dan kilang-kilang yang akan menguntungkan serta meningkatkan pula taraf hidup umat Islam di Semenanjung Malaysia.<sup>1</sup>

Dalam aspek yang lain pula, beliau membicarakan soal persamaan **hak** dan taraf kepada sekalian umat Islam tanpa mengira darjah sama ada golongan raja atau rakyat. Beliau berhujah bahawa di sisi Islam **semua manusia** adalah sama, kecuali mereka yang bertakwa diberikan **kedudukan** yang lebih mulia oleh Allah. Isu ini jelas bercanggah dengan suasana dalam masyarakat Melayu ketika itu yang masih tebal dengan feudalisme. Walau bagaimanapun, ia menggambarkan **pemikiran radikal** yang menuntut perubahan selari dengan dasar **persamaan dan keadilan Islam** seperti yang diperjuangkan oleh Rasulullah dan Khulafa al-Rasyidin.

Selanjutnya, Syed Syeikh al-Hadi menyarankan supaya umat Islam **menjaga** dan memperkemaskin keseimbangan di antara tuntutan **duniawi** dengan ukhrawi bagi memperoleh kejayaan di dunia dan **akhirat**. Selaras dengan itu, beliau menggesa umat Melayu agar **menerima** perubahan, iaitu berekonomi, selain mengerjakan apa yang **disuruh** dan menjauhkan apa yang dilarang dalam membina kekuatan **hidup** setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Pada masa yang **sama**, beliau menyeru kepada umat Islam supaya bekerja kuat dan **bendaklah hidup berdikari** seperti yang diajar oleh Islam dan tidak **mengemis** belas kasihan orang lain.<sup>2</sup>

Selain itu, Syed Syeikh al-Hadi juga turut menimbulkan suatu kontroversi yang lain, iaitu mengenai isu faedah bank seperti yang disuarakan oleh Syeikh Muhammad Abdur. Sebelum itu, Haji Abbas Mohd. Taha telah menyatakan bahawa faedah daripada bank bukanlah riba yang diharamkan oleh Islam. Syed Syeikh al-Hadi bersetuju dengan pendapat ini dan meluaskannya lagi bagi merangkumi juga faedah daripada perniagaan saham dan syarikat koperasi.<sup>7</sup> Baginya, kesemua jenis faedah tersebut adalah halal dan boleh digunakan untuk memajukan ekonomi umat Islam.

Berkaitan dengan soal pendidikan, Syed Syeikh al-Hadi juga menimbulkan beberapa isu tertentu. Beliau menggalakkan umat Melayu untuk menuntut ilmu selari dengan tuntutan Islam bagi memajukan diri mereka dan membebaskan diri daripada penguasaan asing. Namun begitu, beliau tidak mengehadkan pendidikan kepada mengajar subjek-subjek agama sahaja. Sebaliknya, beliau menegaskan yang Islam mengizinkan umatnya untuk mempelajari semua bidang ilmu. Sebagai bukti, beliau merujuk semula kepada sejarah Islam di bawah pimpinan Rasulullah dan para khalifah. Ketika itu, umat Islam kuat dan berkuasa. Mereka bekerja kuat untuk menyiarakan Islam dan kemajuan dunia. Secara ringkasnya, Syed Syeikh al-Hadi menegaskan bahawa pendidikan moden adalah penting bagi umat Melayu dan ia patut merangkumi pendidikan Islam, bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Melayu, dan ilmu ilmu dunia.<sup>8</sup> Tetapi, malangnya, beliau tidak berjaya untuk menegakkan sebuah sekolah yang benar-benar berdasarkan falsafah tersebut semasa hidayatnya.

Berhubung dengan isu wanita, beliau telah meneatuskan juga kontroversi, apabila beliau menyuarakan hak kebebasan mereka dalam konteks Islam. Dalam hal ini, beliau terpengaruh dengan idea idea yang dikembangkan oleh Qasim Amin, anak murid Syeikh Muhammad Abdur yang liberal, melalui karya-karyanya, iaitu *Tahrir al-Mar'ah* (Kebebasan Wanita) dan *al-Mar'ah al-Jadidah* (Wanita

Moden). Atas dasar inilah, Syed Syeikh al-Hadi berikutnya melahirkan *Hikayat Faridah Hanom* (1925 dan 1926) dan *Alam Perempuan* (1930).

Bagi Syed Syeikh al-Hadi, wanita bukanlah lemah dan rendah statusnya daripada lelaki seperti yang biasa difikirkan. Sebaliknya, lelaki hanya mempunyai kelebihan dari aspek kekeluargaan, yakni mereka yang bertanggungjawab untuk memimpin keluarga dan membekalkan nafkah. Beliau juga menegaskan bahawa suasana politik dan sosial dalam masyarakat Islam yang menyebabkan wanita menjadi jabil dan bina. Justeru itu, keadaan ini perlulah diperbetulkan, iaitu dengan merujuk kepada Islam. Sejajar dengan itu, beliau merujuk kepada hadis Rasulullah yang menegaskan bahawa menuntut ilmu adalah wajib bagi kedua-dua pihak, lelaki dan wanita Islam. Atas hujah inilah beliau menggambarkan watak Faridah Hanom dalam novelnya itu selaku seorang wanita yang terpelajar dan bijak, namun masih berpegang kepada prinsip Islam. Beliau juga menyarankan bahawa wanita patut ditingkatkan status sosial mereka melalui pendidikan. Selaras dengan semangat kebebasan wanita, beliau juga melukiskan Faridah Hanom sebagai seorang yang kuat berkorban, iaitu sumbangan yang diberikan ke arah membina sekolah untuk mendidik anak-anak perempuan.<sup>7</sup> Selain itu, beliau berhujah juga bahawa seorang ibu yang terdidik akan berjaya melahirkan anak-anak yang terpelajar dan seterusnya menyumbang pula kepada kemajuan masyarakat amnya sesuai dengan perjalanan masa.”

Walau bagaimanapun, Syed Syeikh al-Hadi ternyata sudah melampaui batas dalam tanggapannya terhadap soal kebebasan wanita. Misalnya, beliau menggambarkan Faridah Hanom sebagai seorang wanita yang terpelajar dan bijak, tetapi masih kukuh berpegang kepada prinsip Islam. Pada waktu yang sama, beliau menceritakan dalam *Hikayat Faridah Hanom* bahawa wanita itu pernah juga berdua-duaan dengan kekasihnya Shafik Afandi dan bukan sekadar itu sahaja malah untuk memarik perhatian kekasihnya itu, dia

telah memakai pakaian yang ketat sehingga menampakkan tubuhnya yang pejal.<sup>7</sup> Dalam bahagian yang lain pula, sesuai dengan liberalisme yang diperjuangkannya, Syed Syeikh al-Hadi menggambarkan bahawa Shafik Afandi yang terlalu mabuk berahi itu telah memeluk kekasihnya Faridah Hanom dan mencium kepalanya dengan keizinan wanita itu sendiri.<sup>8</sup> Gambaran yang demikian, tidak syak lagi adalah bercanggah sama sekali dengan tatasusila Islam dalam soal perhubungan antara lelaki dengan wanita yang bukan *muhrim*. Bukan sahaja Islam melarang keras (mengharamkan) seseorang wanita dan lelaki berkhalwat, malah mendedahkan aurat dan berkucupan yang demikian itu pun, tetap diharamkan kerana kesemuanya boleh membawa kepada zina. Justeru itu, bagaimana pula Syed Syeikh al-Hadi dapat menonjolkan watak utama dalam novelnya itu sebagai model seorang wanita yang terpelajar, tetapi masih kuat berpegang kepada agama. Jelasnya, dalam kes ini, Syed Syeikh al Hadi sendiri yang terpengaruh dengan liberalisme Barat seperti juga Qasim Amin yang menjadi rujukannya itu tidak dapat diterima sebagai mewakili aliran *Salefi*. Namun begitu, idea beliau yang lain mengenai kemajuan dan perubahan dapatlah diterima selagi ia tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang sebenar.

Demikianlah antara beberapa contoh pemikiran yang dikemukakan oleh Syed Syeikh al-Hadi bersabit dengan Islam dan perubahan dalam rangka untuk memajukan masyarakat Melayu. Antara pemikiran itu ternyata berasas dan menyumbangkan ke arah kemajuan di Malaysia selepas zamannya. Namun, tidak kurang juga yang kontroversi, misalnya, soal faedah bank yang dianggapnya halal dan kebebasan wanita untuk bergaul dengan lelaki yang bukan *muhrim* seperti kes antara Faridah Hanom dengan Shafik Afandi dan isu persamaan hak serta taraf yang disuarakannya di tengah tengah masyarakat yang kukuh dengan sistem feudal. Apa jua halnya, Syed Syeikh al-Hadi tetap merupakan seorang alim dan tokoh reformis yang gigih, berani serta progresif. Justeru itu, masih ada idea-ideanya

yang berasas untuk dicontohi bagi kebaikan umat Islam dalam menghadapi suasana semasa dan akan datang.

## Nota

1. Semenanjung Malaysia dikenali juga dolnya sebagai Semenanjung Tanah Melaka.
2. Ahli Salat merujuk kepada seorang pemimpin umat Islam yang awal, atau generasi *ulama*, *tabib* dan *zabid* yang dianggap oleh umat Islam umumnya sebagai penulis generasi yang benar-benar mengenalkan ajaran al-Quran dan Sunnah. Untuk itu, mereka pun dilaksanakan dicontohi dalam usaha umat Islam untuk memajukan diri mereka-sendirian.
3. Bagi menghalau dengan lebih kuat mengenai rincian hidup dan gambaran Syeikh Muhammad Abdurrahman, sila lihat Ahmad Amin, *Zalimah al-Baqi fi al-'Aqidah wal-Hadith* (Kuala Lumpur: Maktabah Nidaatul Misriyah, 1979), joli. 309 dan M. A. Zaki Badawi, *The Reformation of Islam* (London: George Elsmie, 1978), 55-58.
4. Lihat Abu Bakar Hamzah, *Islam: Its Role in Malay Society, 1966-1988* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1991), 17 dan Abdullah bin Haji Jastri, "Al-Iamat" di dalam *Khosar Kay Kim* (ed.), *Asy'ah Al-Uluw'iyah Melayu* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia dengan kerjasama Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984), 87.
5. William R. Rozi, *The Changes of Malay Nationalism* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967), 59-64.
6. Taib Santat, *Abd Syakir al-Hadi: Kaderan dan Pengaruh Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 1.
7. Mohd. Salmi Hj. Mustajah, *Ideas dan Perkembangan ideologi Marjanah al-Malayu di Semenanjung Tanah Melaka 1860-1940* (thesis M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kolombangara Malaysia, Kuala Lumpur, 1975), 40-41.
8. Taib Santat, *Abd Syakir al-Hadi: Kaderan dan Pengaruh Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 5.
9. Ibrahim bin Abu Bakar, *Edaran Mukaikmam se-Malaya: The Life and Teachings of Ayah Syeikh al-Hadi, 1867-1940* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1994), 35.
10. Terdapat Nasihahabandi telah ditayangkan dengan fizikal melalui dalam kalangan para ulama dan pemimpin Riau. Lihat *ibid.*, 59.
11. *Ibid.*
12. *Ibid.*, 55-56.
13. *Ibid.*, 56-57.
14. *Ibid.*, 59.
15. *Ibid.*
16. *Ibid.*, 60.
17. Lihat Talida Saniar, *op. cit.*, 23-25 dan Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Bangunan Islam Masa Kini* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Cerdak Ismed, 1973), 290-291.
18. Lihat Zaikli H. Yusoff, "Pengaruh Pemikiran Mohammad Abdurrahman dalam Gerakan Islam di Malaysia", di dalam Mohammad Kamil Hj. Ab. Matin, *Fakta Fakta Persekutuan*,

- Jilid 1, Angkatan Belia Islam Malaysia (Petaling Jaya: Budaya Ibu Sdn. Bhd., 1993), 169–170 dan Talib Samat, *op. cit.*, 21–22.
19. Roff, *op. cit.*, 63.
  20. Ibrahim bin Abu Bakar, *op. cit.*, 61.
  21. Ibid., 70.
  22. Lihat Talib Samat, "Syed Syekh al-Hadi: Pelopor Pendidikan Islam Terawal di Pulau Pinang", di dalam Fadhlullah Jumil (ed.), *Asy'aroh Islam di Pulau Pinang: Tafsir dan Tradisi*, Jilid II, Jurnal Penyebarluasan Sejarah Islam Pulau Pinang, Jabatan Agama Islam (Pulau Pinang, 1996), 25–26.
  23. Sayanglah diketahui bahawa Islam telah mengaturkan dasar bagaimana manusia dapat mengurus dan menyelesaikan persoalan hidup mereka secara yang baik lagi adil. Misalnya, Islam melalui sistem Syariah (perundangannya) telah membahagikan hukum 'hukum' menjenai persoalan hidup manusia kepada dua kategori yang utama, yaitu *qazif* (perkara yang diberi kata putus yang muktamad oleh Allah dan dengan itu tidak boleh diubah atau dipindah lagi) dan *zhabab* atau *zawa* (nurut, perkara yang sering berubah atau boleh dipinda dari aspek amalan manusia mengikut keperluan masa dan tempat). Secara jelasnya, soal *qazif* ialah perkara yang mutlak seperti aspek akidah dan ibadah yang khusus, yakni urusan solat, puasa, zakat dan haji, yang mestu diumalkan mengikut ketetapan Allah sendiri. Sebaliknya, persoalan *zhabab* adalah lebih netias, meliputi aspek kelhidupan dunia sama ada dalam hal politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Dalam hal *zhabab*, hukumnya tidaklah begitu ketat, namun sebarang pilihan yang dibuat mestalah berdasarkan *fitriyyah* (keutamaan) yang terbaik dan tidak bercanggah dengan runtutan syariah. Kategori ini pada biasanya tergolong dalam bahagian *zuhd-mada*. Prinsip ini disediakan oleh Allah bagi memudahkan manusia membuat pilihan dan mengurangkan masalah hidup yang mereka hadapi mengikut keutamaan dengan mengambil kira juga yang halal dan yang haraui. Melalui penggunaan akal yang dipandu oleh Syariah dan bukan nafsu maka kebebasan boleh dicapai. Demikianlah betapa cemerlang dan indahnya sistem hidup Islam itu sendiri.
  24. Talib Samat, *op. cit.*, 33–34.
  25. Syed Syekh bin Muhammad al-Hadi, *Usooli Islam dan Ustuz al-Hadi* [dibaharu oleh anaknya Syed Alwi bin Syed Syekh al-Hadi] (Kota Bharu: Pustaka Dian, 1965), 79.
  26. Ibrahim, *op. cit.*, 79.
  27. Syed Syekh, *op. cit.*, 78–79.
  28. Ibrahim, *op. cit.*, 84.
  29. Ibid., 88.
  30. Ibid., 86.
  31. Ibid., 88–89.
  32. Syed Syekh, *op. cit.*, 112–113.
  33. Ibid., 30–35.
  34. Talib Samat, *Aziz Syekh al-Hadi*, 61.
  35. Ibrahim, *op. cit.*, 62.
  36. Ibid., 130.
  37. Talib Samat, *op. cit.*, 101.
  38. Ibid., 107.

39. Ibid., 72.

40. Ibid., 10<sup>7</sup>.

## Bibliografi

- Abdullah bin Hj. Jaafar. "Al-Imam". Di dalam Khoo Kay Kim et al. (ed.), *Naharah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1984.
- Abdullah Siddiq. *Reformasi Islam di Tanah Melayu 1900-1950*. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979/80.
- Abdul Rahman Abdullah. *Pemikiran Islam Mata Kniz Syariah dan Ahlak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Abu Bakar Hanzaib. *Al-Imam: Its Role in Malay Society, 1906-1998*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1991.
- Amin, Ahmad. *Zulama al-Ishab fi al-'Ira al-Hadith*. Kaherah: Maktabah Nabdat al-Misriyyah, 1979.
- Badawi, M. A. Zaki. *The Reformers of Egypt*. London: Croom Helm, 1978.
- Ibrahim Abu Bakar. *Islamik Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayid Sheikh al-Hadi, 1867-1934*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1994.
- Mohd. Sarim Hj. Mustajab. *Islam dan Perkembangannya dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940 m.* Tesis M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1975.
- Roff, William R. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur & Singapura: University of Malaya Press, 1967.
- Sidek bin Hj. Fadzil. *Ish Abulkhair Muhammad Al-Hadi: Suatu Tinjauan Kritis Terhadap Pemikirannya dan Rancangan Mengenai Pengaruhnya dalam Masyarakat Melayu*. Tesis untuk Sarjana Persuratan, Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1977/78.
- Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi. *Ujama Islam dan 'Udud*. Kota Bharu: Pustaka Dian, 1965.
- Talib Samat. *Syed Syeikh al-Hadi: Kasterahan Program Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- \_\_\_\_\_. "Syed Syeikh al-Hadi: Pelapor Pendidikan Islam Terawal di Pulau Pinang". Di dalam Faizlullah Jamil (ed.), *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangsih*. Jilid II. Pulau Pinang: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, 1996.

# **Jaringan Pengaruh Luar Terhadap Pemikiran dan Sikap Syed Syeikh al-Hadi: Pemerhatian Awal**

*Mubarom TM Sulaiman*

Syed Syeikh al-Hadi adalah seorang tokoh besar yang mempunyai "keunikannya" yang tersendiri dalam lipatan sejarah tanah air. Beliau bukan sekadar mencipta nama sebagai seorang sasterawan tetapi juga seorang ulama, wartawan, nasionalis sekali gus seorang pembaharu pemikiran umat Islam yang mendahului zamannya yang tidak kurang pula saratnya dengan label "kontroversi" melalui idea-idea progresif yang dibawa. amat jarang dalam sejarah, seorang tokoh yang boleh disifatkan seorang ulama menulis novel perciptaan seperti *Hikayat Faridah Hanum* dan *Hikayat Tamim Chinta Benibi* yang pada segi-segi tertentu bersifat agak keterlaluan sehingga tidak disenangi oleh golongan-golongan tertentu, khususnya "golongan tua" atau Kaum Tua. Namun dalam kancan kontroversi sedemikian, terserlah kekuatan dan kehebatan Syed Syeikh al-Hadi,

sehingga menarik perhatian para sarjana dan penyelidik untuk mengkaji pemikirannya dari pelbagai dimensi.

Pengkajian mengenai Syed Syeikh al-Hadi biasanya dapat dibahagikan kepada empat kategori, iaitu:

### **1. Kategori Pertama**

Kategori ini melihat Syed Syeikh al-Hadi sebagai seorang pembaharu (*reformer*) Melayu Muslim bersama tokoh-tokoh lain seperti Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1968–1957) dan Haji Abbas Mohd. Taha (1885–1946).

### **2. Kategori Kedua**

Kategori ini memperkatakan Syed Syeikh al-Hadi sebagai seorang novelis Melayu dan wartawan terkemuka.<sup>1</sup> Sumbangannya dalam bidang ini diiktiraf oleh William R. Roff, "*Through in the course of his long and varied career, he [al-Hadi] became a Shari'a lawyer, educator, merchant and publisher, it was in journalism and literature that he excelled and for which he is best remembered today.*"<sup>2</sup>

### **3. Kategori Ketiga**

Kategori ini pula membincangkan pembaharuan pemikiran Islam yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad Abdurrahman dan pengaruhnya terhadap pembaharuan-pembaharuan pemikiran Islam di Malaya, khususnya Syed Syeikh al-Hadi.

### **4. Kategori Keempat**

Kategori ini pula mengkaji pemikiran Syed Syeikh al-Hadi dalam konteks sosiosejarah. Antara kajian dari perspektif ini ialah

tulisan oleh S. H. Tan dalam tesisnya *The Life and Times of Sayyid Syeikh al-Hadi* sebagai "a historic figure in Malaya who contributed to the pre-nationalist Islamist reform movement."<sup>1</sup> Menurut Tan lagi, "The movement has become the valuable historical tradition of all of us Malaysian today."<sup>2</sup>

Sememangnya sebagai tokoh besar, Syed Syeikh al-Hadi dapat dikaji dari pelbagai sudut, termasuklah pengaruh-pengaruh luar yang membentuk pemikiran dan sikap beliau dalam pelbagai perkara.

## Pengaruh Riau

Syed Syeikh al-Hadi mempunyai seorang bapa angkat bernama Raja Ali Kelana yang sepatutnya menjadi Sultan Riau pada tahun 1899 tetapi telah diketepikan kerana kerasnya dan tentangan terhadap Belanda. Beliau juga menjadi guru kepada Syed Syeikh al-Hadi mengenai bahasa dan kebudayaan Melayu serta pengajian agama Islam. Pulau Penyengat (ibu kota Kesultanan Riau) memang terkenal sebagai pusat pengajian agama Islam, dan bapa angkatnya adalah seorang yang alim dalam bidang tersebut, khususnya tasawuf. Beliau juga berkesempatan menimba ilmu-ilmu agama dan kebudayaan Melayu di sebuah kelab perbincangan yang dikenali dengan nama Kelab Rasyidiyyah. Kelab yang ditubuh pada awal tahun 1890-an ini terdiri daripada alim ulama, penulis dan bangsawan Riau.<sup>3</sup> Kelab tersebut menjadi landasan kepada Syed Syeikh al-Hadi untuk membincangkan idea-ideanya mengenai pembaharuan. Walau bagaimanapun, kelab tersebut tidak dapat menampung banyak idea Syed Syeikh al-Hadi mengenai pembaharuan kerana terlalu terikat dengan orientasinya kepada tasawuf, bahkan Tarekat Naqshabandiyah cukup berpengaruh terhadap Kesultanan Riau.

### **Menurut catatan anaknya, Syed Alwi al-Hadi:**

Seorang daripada guru agama di Pulau Penyengat yang dipersepsiinya (al-Hadi) dan yang daripadanya almarhum itu telah banyak menuntut ialah almarhum allamah Ustaz Tuan Haji Hussain ... yang terkenal di Pulau Penyengat khasnya di dalam Riau Langga amnya. Selain daripada menuntut ilmu dengan berguru, almarhum ini lebih gemar meluaskan pengetahuannya dengan banyak membaca kitab-kitab, buku-buku, majalah-majalah dan surat khabar Melayu dan Arab, walaupun semasa itu ia belum lagi cukup pengetahuannya dalam bahasa Arab.

Syed Syeikh al-Hadi juga banyak membantu keluarga diraja Riau dalam bidang kebudayaan, bahasa, kesusastraan dan hiburan. Meskipun demikian, perkhidmatan dan sumbangan kepada keluarga diraja Riau itu tidak menghalangnya meluaskan pengetahuannya dalam bidang ilmu agama dan bahasa Arab serta memperdalam pengajiannya dalam bahasa Melayu. Beliau juga mempunyai sifat suka bertanya kepada guru-gurunya terhadap sesuatu hal yang kurang jelas. Beliau pergi ke mana saja untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam apa jua lapangan. Suatu sifat semula jadinya yang begitu ketara ialah beliau tidak mudah tertarik dengan apa-apa ajaran gurunya yang dianggap tidak logik, bertentangan dengan akal fikiran dan prinsip kebenaran.

Dengan prinsip inilah, Syed Syeikh al-Hadi tidak mudah menerima begitu saja apa-apa juga ajaran dan fikiran yang disampaikan oleh guru-gurunya. Beliau begitu berhati-hati dan kritis terhadap hujah-hujah yang dilontarkan oleh gurunya yang dianggapnya tidak semuanya betul dan boleh diterima akal.<sup>17</sup> Mungkin ini merupakan petanda awal kepada penerimaan beliau terhadap idea-idea atau gagasan pembaharuan pemikiran Islam. S. H. Tan apabila mengkaji ketokohan Syed Syeikh al-Hadi pernah berkata:

*Pengaruh pemikiran Islam terhadap pemikiran dan aktif Syeikh al-Hud*

*He spent about 28 years in Riau and Singapore. These were the best years of his life. During this period, he was subject to much influence as would mould his globe course of his future career ... in Riau, too, he was educated in the full sense of the word. Riau was so important to Sayyid Muzaffar that we may say that without Riau there might not be a Sayyid Nasirah of the dimension as we know him today.*

## **Pengaruh Pemikiran Syeikh Muhammad Abduh**



**SYEIKH MUHAMMAD ABDUH**

*Agusrizal Tidib Saman, Syed Syeikh al-Hud: Sasterawan Pengaruh Mekar, 1992.*

Pemerian Syed Syeikh al Hadi ke Timur Tengah khususnya ke Mesir bersama keluarga diraja Riau telah memberi kesempatan untuknya melihat kemajuan bangsa-bangsa lain dari segi pemikiran dan kebudayaan. Beliau bukan sahaja berpeluang melawat Mesir dan negeri-negeri lain di Timur Tengah tetapi berkesempatan bertemu dan belajar di bawah pimpinan Syeikh Muhammad Abdurrahman tokoh-tokoh agama yang progresif di sana. Pengetahuan serta fahaman pembaharuan Islam yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad Abdurrahman itu diterapkan kepada masyarakat Melayu. Menurut anaknya, Syed Alwi al Hadi:

Telah berlalu kalilah almarhum berulang alik ke Mesir dan ke tanah suci dan pada tiap tiap kaliya, almarhum terpaksa duduk tinggal beberapa bulan lamanya bersama-sama dengan anak-anak raja yang diiringi ... Dengan demikian, maka dapatlah digunakan oleh almarhum peluang yang keemasan ini bagiinya menambahkan pengetahuan berkenaan dengan pujangga dan ahli ulama di dalam kedua-dua negeri ini terutamanya di Mesir, almarhum telah dapat peluang berkenan dan berdamping dengan almarhum Sheikh Muhammad Abdurrahman, Mutif Masir yang termashor dan almarhum Syed Muhammad Rashid Ridha, penggaris majalah *Al-Manar* dan di Mekah dengan almarhum Syed Abdurrahman Zamawi yang termashor dikenali dan dilormati oleh umat Melayu kita.<sup>11</sup>

Di Kaherah, Syed Syeikh al Hadi menerima pelajaran daripada Syeikh Muhammad Abdurrahman (1849–1905) yang merupakan pengasas Gerakan Islam yang termasyhur ketika itu. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1895 ketika beliau berumur 28 tahun dan Syeikh Muhammad Abdurrahman berusia 46 tahun. Usia 28 tahun merupakan peringkat umur bagi manusia berusaha membina cita-cita dan keyakinan diri. Syeikh Muhammad Abdurrahman terkenal sebagai pembaharu Islam yang telah berjaya membawa pembaharuan pembaharuan yang maju dan revolusioner dalam cara-cara berfikir dan pembangunan masyarakat Timur Tengah lebih-lebih lagi di Mesir.<sup>12</sup> Tidak hairankah kenapa Syed Syeikh al Hadi cukup terpengaruh dengan cara berfikir Syeikh Muhammad Abdurrahman dalam perjuangan hari-hari berikutnya. Sejarah

membuktikan Syed Syeikh al-Hadi mempunyai semangat dan fikiran yang progresif dan cuba pola membawaikan pembaharuan dalam masyarakat Melayu, terutama dari segi pandangan masyarakat Melayu terhadap agama Islam yang suci.<sup>11</sup>

Sekembali dari Mesir, Syed Syeikh al-Hadi menetap di Singapura dan membuka Madrasah al-Iqbal pada tahun 1907. Bersama teman-teman seperjuangannya seperti Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Mohd. Taha, Syed Syeikh al-Hadi menerbitkan majalah *"Al-Imam"* pada 22 Julai 1906, ditulis dengan huruf jawi dan berukuran lebar 6.3 inci serta panjang 8.6 inci. *"Al-Imam"* mengandungi 32 halaman yang dijual dengan harga 25 sen wang British pada ketika itu. Tujuan penerbitan majalah ini tergambar dengan jelas melalui rencana pengarang yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Salim al-Kalali, iaitu "mengingatkan mana yang lahai dan menggerakkan mana yang tidur dan menunjukkan yang sesat serta menyero dengan penuh bijaksana".<sup>12</sup>

Sebenarnya nama "*"Al-Imam"*" yang bererti "pemimpin" adalah gelaran yang pada asalnya diberikan kepada Syeikh Muhammad Abdurrahman oleh pengikut pengikutnya di seluruh dunia. Syed Syeikh al-Hadi memilih nama "*"Al-Imam"*" bagi majalah ini kerana memandangkan majalah ini beronsur pembaharuan agama dan pemikiran umat Islam. Juga sebagai mengambil sempena dan semangat perjuangan gigih Syeikh Muhammad Abdurrahman dalam memperjuangkan reformasi Islam yang berjaya mencekkikan pemikiran umat Islam daripada belenggu kemunduran dan keklotan.<sup>13</sup> Hasil pengaruh pemikiran Syeikh Muhammad Abdurrahman telah mendorong Syed Syeikh al-Hadi menerapkan ilmu ilmu agama yang diperoleh menerusi sistem pelajaran di Madrasah al-Iqbal dan majalah *"Al-Imam"*. Beliau sentiasa menekankan betapa umat Islam perlu membebaskan diri mereka daripada belenggu khurasat dan memberikan tanggapan yang wajar berdasarkan akal fikiran terhadap

ajaran Islam yang sebenar. Sejarah kemudiannya membuktikan bahawa perjuangan Syed Syeikh al-Hadi menceetuskan fenomena baru di Tanah Melayu dalam bidang pemikiran Islam.<sup>78</sup>

## Pengaruh British (Inggeris)

Syed Syeikh al-Hadi mempunyai sikap dan pandangan yang berbeza terhadap British, khususnya pemerintahan British di Tanah Melayu. Tidak seperti pejuang-pejuang nasionalis yang lain yang begitu kritis terhadap penjajah British, Syed Syeikh al-Hadi mengamalkan pandangan yang positif. Menurutnya, pemerintahan British telah mendatangkan rahmat kepada kemajuan bangsa Melayu. Beliau begitu optimis sekali bahawa umat Islam di Tanah Melayu lebih baik keadaannya berada di bawah pemerintahan British daripada di bawah pimpinan raja-raja Melayu yang feudal serta banyak menimbulkan ketidakadilan, kesusahan dan sebagainya. Bahkan pada keadaan tertentu banyak tindakan yang diambil bercanggah dengan Islam.<sup>79</sup> Menurut Syed Syeikh al-Hadi, "*They spent their times in forgetfulness and playfulness, they satisfied their lustful desires and neglected all their duties; they spent their money on useless and extravagant things which benefited neither the state nor the nation.*"<sup>80</sup>

Pandangan kritis Syed Syeikh al-Hadi terhadap pemerintah Melayu dan raja-raja Melayu kerana pengabaian mereka dalam pelbagai bidang seperti ekonomi dan pendidikan yang menyebabkan orang Melayu mundur. Ini tidak dapat ditafikan. British, menurut pandangan Syed Syeikh al-Hadi, adalah suatu bangsa yang berjaya dalam membangunkan pendidikan, ekonomi dan pemerintahan politik yang jauh ke hadapan. Sikap Syed Syeikh al-Hadi adalah sama dan senada dengan sikap Syed Ahmad Khan yang mempunyai pandangan positif terhadap pemerintahan British di India. Menurut Syed Syeikh al-Hadi lagi, "*The signs of prosperity and wealth have manifested*

*themselves because of the fair rule of the British Government which has attracted money from European nations, banks have operated here (Malaya) to serve the public, the foreigners have used them ...”<sup>1</sup>*

Sikap toleran Syed Syeikh al Hadi terhadap British berkemungkinan kerana beliau berkesempatan menjalankan perniagaan dan gerakannya dengan bebas di Pulau Pinang dan Singapura yang menjadi Negeri Negeri Selat di bawah pemerintahan British. Walau bagaimanapun, ini bukanlah dasar yang kuat kerana beliau memikirkan bahawa pemerintahan British mempunyai jaringan yang kuat baginya serta memberi kesempatan untuk menyelesaikan masalah kejumudan pemikiran umat Islam di Tanah Melayu. Beliau yakini umat Islam belum mampu untuk memerintah sendiri selagi kelemahan ketara dalam pendidikan dan ekonomi, dan pentafsiran agama tidak diatasi.

Sikap yang diambil ini mungkin bersesuaian pada masa itu kerana “kolonialisme” berada di puncak, khususnya di Dunia Islam melalui penjajahan British, Perancis, Belanda dan lain-lainnya. Bahkan sikap seumpama ini juga diambil oleh pelopor pembaharuan Islam seperti Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abdurrahman yang bersikap kritis terhadap kejumudan pemikiran umat Islam dan mengajurkan keterbukaan terhadap pembaharuan pembaharuan dari Barat dan dalam masa yang sama bersikap memilih (selektif) terhadap segala bentuk pembaharuan yang bersifat “Barat”. Tidak hairanlah gagasan dan pemikiran seumpama ini menerima tentangan dari umat Islam sendiri. Benarkah apa yang diperkatakan oleh Ibrahim Abu Bakar:

*It is probably right to say that had there been no British rule, al-Hadi would not have such a good opportunity to spread Islamic modernism in the states languishing under Malaya rule and dominated by traditional clericalism or to emerge as a famous Malaysian modernist.<sup>2</sup>*

## Pengaruh Pemikiran Muhammad Iqbal

Syed Syeikh al-Hadi merupakan tokoh pembaharu Islam yang hidup sezaman dan seangkatan dengan Muhammad Iqbal, pemikir Islam tersohor berasal dari Pakistan. Suatu yang menarik tentang kehidupan kedua-dua tokoh ini ialah era kehidupan mereka hampir sama dan kedua-duanya berjuang membangunkan pemikiran umat Islam yang sedang terbelenggu di negara masing-masing dan berusaha meneatuskan kesedaran untuk membebaskan akal dari kejumudan tersebut.



**MUHAMMAD IQBAL**

*Sumber: Muhammad Iqbal – The Thinker Port of Islam,*  
<http://www.uisyiah.com/islam/index.html>, dicapai pada 34 April 2003.

Syed Syeikh al-Hadi dilahirkan pada 1867 di Kampung Hulu, Melaka dan meninggal dunia pada 20 Februari 1934 di Mukim Jelutong, Pulau Pinang. Muhammad Iqbal pula dilahirkan pada 9 November 1877 di Sialkot, Punjab dan meninggal dunia pada tahun 1938 ketika berusia 61 tahun.<sup>65</sup> Sebagaimana Syed Syeikh al-Hadi yang pemikirannya jauh ke hadapan mengenai nasib umat Islam, Muhammad Iqbal pula melihat nasib malang umat Islam di India yang sering tertindas dan berpendapat tidak mungkin umat Islam dapat hidup berharmoni di India. Muhammad Iqbal melihat betapa perlunya diwujudkan sebuah negara khusus untuk umat Islam terpisah dari India. Harapannya menjadi kenyataan apabila lahirnya Pakistan tetapi beliau tidak berkesempatan menyaksikannya. Dalam antologi puisinya berbahasa Parsi, *Pas chi bayad kard inagham-I shayg* (apa yang harus dilakukan, wahai masyarakat Timur), Muhammad Iqbal membahas secara terperinci filsafat praktisnya berhubung dengan masalah sosiopolitik dan masalah Dunia Timur yang berasal daripada pengaruh peradaban Barat. Menurut Muhammad Iqbal, "Barat telah menyebabkan penderitaan besar kepada Dunia dan Eropah terluka kerana 'pedang' nasionalisme dan sekularismenya sendiri yang diciptakan untuk menghancur orang lain". Namun begitu, Muhammad Iqbal menyeru agar umat Islam belajar aspek-aspek positif dari Barat. Nasihat praktis Muhammad Iqbal kepada masyarakat Timur adalah agar mereka bersatu, mengetepikan semua perbezaan ras dan bangsa serta percaya kepada diri sendiri.

Menurut Muhammad Iqbal lagi, "Pengetahuan dan kekuatan adalah sesuatu yang sia-sia kecuali jika kedua-duanya digabungkan, kerana pengetahuan tanpa kekuatan hanya akan menjadikannya 'kosong' dan sihir, sementara kekuatan tanpa pengetahuan adalah kelalaian dan kegilauan."<sup>66</sup> Beliau seterusnya mendesak masyarakat Timur untuk mengikis rasa rendah diri mereka, memperkuatkan diri dan mengingati kembali bahawa dahulu Timur pernah menjadi tempat kelahiran peradaban, kebijaksanaan dan pengetahuan.<sup>67</sup>

Tujuan gelombang kesedaran berpolitik dan perlunya membebaskan akal dan diri daripada belenggu penjajahan, khurafat dan kejumudan yang diperjuangkan oleh Muhammad Iqbal sedikit sebanyak telah mempengaruhi Syed Syeikh al Hadi dan rakan-rakannya dalam Kaum Muda. Profesor Taib Osman dalam tulisannya "Iqbal pencetus minda umat Islam sejagat", menyebutkan, "Aliran-aliran fikiran reformis dalam kalangan umat Islam dalam masa melangkui abad ke-19 dan ke 20 memang bercambah dan tokoh-tokoh dalam kalangan orang Melayu seperti Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jafaluddin dan Za'ba adalah antaranya."<sup>13</sup> Sementara A. Nazri Abdullah dalam tulisannya "Iqbal – Penyair Islam untuk hari esok", menyatakan, "Pemikiran dan sajaknya (Muhammad Iqbal) turut dipetik dalam akhbar akhbar awal di Tanah Melayu seperti majalah *Al-Imam*, *Gurni*, *Saudara* dan Syed Syeikh al-Hadi, peneraju *Al-Imam* adalah pejuang seangkatan Muhammad Iqbal yang bertanggungjawab menyebar pemikiran Muhammad Iqbal di Tanah Melayu awal abad ke 20."<sup>14</sup>

Syed Syeikh al Hadi menyebarluaskan pemikiran dan idea berasas Muhammad Iqbal dengan cara menyiaran puisi dan pemikiran Muhammad Iqbal dalam majalah *Al-Imam* yang berperanan besar dalam membangkitkan semangat kebebasan berfikir dan pembangkit semangat nasionalisme yang terawal di Tanah Melayu mencerasi asas-asas keislaman. Majalah *Al-Imam* menjadi penyeluruh pemikiran Muhammad Iqbal yang terawal di Tanah Melayu berbanding akhbar dan majalah lain.<sup>15</sup> Dengan perkataan lain, sikap dan pemikiran kritis Muhammad Iqbal dalam pelbagai persoalan seperti nasib umat Islam dan kejumudan berfikir amat bersesuaian dan sama dengan aliran pemikiran Syed Syeikh al-Hadi.

## Akhir Bicara

Syed Syeikh al Hadi sememangnya seorang tokoh luar biasa dan "keluarbiasaannya" sering disalahertikan sehingga pernah dilabelkan sebagai kafir, anti Islam, Qadiani dan sebagainya. Memang benar, Syed Syeikh al Hadi menyarankan ajaran Islam harus juga menerima idea dan falsafah Barat agar umat Islam boleh mencapai kemajuan dan bersaing dengan bangsa lain. Bagi Syed Syeikh al Hadi, wadah peningginya adalah penulisan, sama ada buku atau majalah, untuk mengejutkan umat Islam di Tanah Melayu dari tidur serta mencebus kemunduran masa lampau. Beliau bukan saja menyedarkan golongan bawahan Melayu tetapi berasa bertanggung jawab menegur golongan pembesar Melayu termasuk raja-raja Melayu daripada khayalan dan kelalaihan yang telah menyebabkan kemunduran dan kehinaan bangsanya dan juga tanah air. Di tengah dua perspektif yang berbeza inilah, beliau dilihat sebagai tokoh yang radikal dan pemulih kontroversi. Di sisi yang lain pula, Syed Syeikh al-Hadi dilihat sebagai tokoh reformis atau pembaharu Islam yang luar biasa sumbangannya. Di sinilah terletak keunikian kedudukannya atau posisinya dalam sejarah tanah air, bak kata ungkapan "kontroversial adalah petanda kehebatan seseorang".

## Nota

1. Ibrahim Abu Bakar, *Islam Modernization in Malaya: The Life and Thought of Sayyid Meekhi al-Hadi (1861-1934)*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1991.
2. Ibid., 20.
3. Rossi, William R., *The Origins of Malay Nationalism*, ed. ke 2 (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994), 63.
4. S. H. Tam, "The Life and Times of Sayyid Sheikh al-Hadi", di dalam Ibrahim Abu Bakar, *Islam Modernization in Malaya: The Life and Thought of Sayyid Meekhi al-Hadi (1861-1934)*, 1961, 21.
5. Ibid., 21.
6. Ibid., 55.

7. Surat persendirian Syed Aliwi bin Syed Sheikh al-Hadi (SP 211), 1. Diperik dari pada Talib Samat, *Abd Al-Hadi: A Historian Progress Malaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, 11.
8. Talib Samat, *op. cit.* 9.
9. S. H. Tan, *The Life and Times of Sayyid Ahmad al-Hadi*, diperik dari Yahaya Ismail, "Syed Sheikh al-Hadi: Penulis Zaman Baru dalam Bidang Novel", *Dewan Bahasa* (November, 1974).
10. Talib Samat, *op. cit.* 34.
11. Surat persendirian Syed Alwi bin Syed Sheikh al-Hadi (SP 211), 3.
12. Nasir Hj. Mahtudz, "Syed Sheikh al-Hadi: Sasterawan dan Ulama Progresif", *Duan*, bil. 64, m.s. 78.
13. Ibid., 78.
14. Roff, William R., *op. cit.* 56.
15. Talib Samat, *Abd Al-Hadi: A Historian Progress Malaya*, 13.
16. Ibid., 15.
17. Ibrahim Abu Bakar, *Islam Modernism in Malaya*, 156.
18. Sheikh Ahmad al-Hadi, "Qadak dan Qadir", *Uthman* November, 1996., Diperik daripada terjemahan Ibrahim Abu Bakar, *Islam Modernism in Malaya*, 156.
19. Sheikh Ahmad al-Hadi, "Terik yang Sebenar", *Uthman* Oktober, 1996., Diperik daripada terjemahan Ibrahim Abu Bakar, *op. cit.* 155.
20. Ibrahim Abu Bakar, *op. cit.* 164.
21. Talib Samat, *Abd Al-Hadi Pelopor Reformasi Islam Pada Pinang*, 79.
22. Ihsan Ali Faizzi (ed.), *Ayat Mawaniq Iqbal* (Bandung: Mizan, 1992), 161.
23. Talib Samat, *op. cit.* 85.
24. Nazri Abdullilah, "Iqbali - Penyair Islam untuk Hari Esok", *Banta Melayu* 28 Jun 1997.
25. Talib Samat, *op. cit.* 86.

## Bibliografi

- A. Nasir Hj. Mahtudz, "Syed Sheikh al-Hadi: Sasterawan dan Ulama Progresif", *Duan*, bil. 64.
- Ahmad Nazri Abdullah, "Iqbali - Penyair Islam untuk Hari Esok", *Banta Melayu*, 8 Jun 1997.
- Ibrahim Abu Bakar, *Islam Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayyid Sheikh al-Hadi (1867-1934)*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1994.
- Ihsan Ali Faizzi (ed.), *Ayat Mawaniq Iqbal* (Bandung: Mizan, 1992).
- Roff, William R., *The Origins of Malay Nationalism*, Ed. ke 2, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994.

*Jamrud pengaruh finale terhadap pemikiran dan akhir Syed Sheikh al-Hadi*

Talib Samat, *Syed Sheikh al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Surat persendirian Syed Alwi bin Syed Syeikh al-Hadi (SP 24/1).

Yahaya Ismail, "Syed Sheikh al-Hadi: Pembuka Zaman Baru dalam Bidang Novel", *Dewan Bahasa*, November 1974.

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Saudara Talib Samat yang banyak membantu bagi mendapatkan bahan penulisan mengenai Syed Syeikh al-Hadi untuk tujuan penulisan ini.

# **Syed Syeikh al-Hadi: Kehidupan dan Pandangan Hidupnya yang Terpancar dalam Karya Sastera**

*Talib Namad*

---

## **Biografi Syed Syeikh al-Hadi**

**S**asterawan dan ulama progresif, Syed Syeikh bin Syed Ahmad al-Hadi dilahirkan pada petang Selasa, 25 Rejab tahun 1291 Hijrah bersamaan 1867 Masihi di Kampung Hulu, Melaka. Tahun kelahirannya, 1867 ini mempunyai erti yang besar kepada sejarah Tanah Melayu ketika itu dengan berlakunya perpindahan pentadbiran pejabat Negeri-Negeri Selat (yang merangkumi Melaka, Pulau Pinang dan Singapura) dari Pejabat Tanah Jajahan di London ke Singapura. Peristiwa-peristiwa ini banyak mempengaruhi sejarah Tanah Melayu dan kehidupan Syed Syeikh al-Hadi sebagai pengarang dan reformis Islam kemudiannya.

Bapa Syed Syeikh al-Hadi bernama Syed Ahmad bin Hassan al-Hadi, berbangsa Arab daripada keturunan Hadhramaut. Syed Ahmad dilahirkan di Kampung Hulu, Melaka pada malam Sabtu, 1 Syawal 1253 Hijrah dan meninggal dunia pada 15 Zulhijah 1312 Hijrah di Pulau Penyengat, Riau. Nendanya, Syed Hassan bin Saggaf al-Hadi dilahirkan di Melaka juga. Bapanya Syed Ahmad telah mendirikan rumah tangga dengan perempuan Melayu Melaka pada tahun 1275 Hijrah. Perkahwinan itu menghasilkan tujuh orang anak, tiga lelaki dan empat perempuan.

Daripada keterangan dan catatan Syed Alwi al-Hadi, jelaslah adik beradik Syed Syeikh al-Hadi kebanyakannya meninggal dunia semasa kecil dan ketika masih remaja lagi. Cuma Syed Syeikh dan kedua-dua adiknya, Syarifah Noor dan Syed Hussein, hidup agak lama bingga melebihi usia 60 tahun.

Menurut keterangan Syed Alwi al-Hadi dalam catatannya, perkahwinan antara Syeikh dan Syarifah Syekhun menghasilkan empat orang anak, iaitu dua orang lelaki dan dua orang perempuan. Anak yang tua bertama Syed Alwi yang dilahirkan di Pulau Penyengat Indera Sakti pada 15 Muharam 1310 Hijrah. Anak yang kedua, lelaki bernama Syed Ahmad juga dilahirkan di Pulau Penyengat pada tahun 1314 Hijrah dan meninggal dunia semasa kecilnya. Anak yang ketiga, Aisyah dilahirkan pada 24 Safir 1314 Hijrah dan meninggal dunia di Kampung Baru, Air Itam, Pulau Pinang pada 2 Ramadan 1352 Hijrah bersamaan 19 Disember 1933. Yang bongsu bernama Umhani yang dilahirkan di Pulau Penyengat pada 18 Zulkaedah 1316 Hijrah dan meninggal dunia di Jelutong, Pulau Pinang pada 17 Zulkaedah 1344 Hijrah bersamaan 4 April 1931.

Syed Alwi al-Hadi dalam catatannya, ada menyebutkan bahawa Syed Syeikh al-Hadi pernah berkahwin lagi dengan seorang perempuan dari keluarga Melayu di Singapura dan mendapat seorang

anak perempuan. Anak ini merupakan anak kelima Syed Syeikh al Hadi yang bernama Mariam. Dia dilahirkan di Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1321 Hijrah dan meninggal dunia di Mukim Jelutong, Pulau Pinang pada 4 Syawal 1373 Hijrah bersamaan 5 Jun 1954.

Waris dan zuriat keturunan Syed Syeikh al Hadi masih hidup dan antara yang dikenali ramai ialah cucunya Dr. A. M. al-Hadi yang pernah menjadi Pakar Bedah Kanan di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Kini Dr. A. M. al-Hadi menceburkan diri dalam bidang pelaburan saham sebagai Pengarah South East Asia Development Corporation Berhad (SEACORP), di Kuala Lumpur.

Zaman remaja Syed Syeikh al-Hadi banyak dibabiskan di Melaka, Kuala Terengganu, Pulau Penyengat dan Timur Tengah. Dalam usia remaja, beliau sudah didebak dengan suasana dan tradisi hidup merantau seperti yang biasa dialami oleh orang muda pada zaman itu. Bumi Melaka ditinggalkan untuk mengikuti kedua-dua orang tuanya berhijrah ke Pulau Penyengat. Di pulau itulah bakatnya mula terserlah.

Suatu sifat semula jadi yang begitu ketara dimilikinya ialah beliau tidak mudah tertarik dengan apa-apa ajaran gurunya yang dianggap tidak logik, bertentangan dengan akal fikiran dan prinsip kebenaran. Dengan prinsip inilah, Syed Syeikh al-Hadi tidak mudah menerima begitu sahaja apa juga ajaran dan fikiran yang disampaikan oleh para gurunya. Beliau begitu berhati-hati dan kritis terhadap bujah-bujah yang dilontarkan oleh gurunya yang dianggapnya tidak semuanya betul dan boleh diterima akal.

Beliau merupakan antara kumpulan anak Melayu yang awal mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Terdapat beberapa faktor asas yang memudahkan Syed Syeikh al Hadi

mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke sana. Faktor utama seperti yang disebutkan oleh pengkaji sejarah sastera dan daripada catatan anaknya sendiri, ialah tugasnya selaku pengiring kepada anak-anak keluarga diraja Riau-Lingga yang sering kali melawat Timur Tengah. Tempat-tempat di Timur Tengah yang sering dikunjungi oleh keluarga diraja tersebut khususnya anak lelaki Sultan dan Raja Muda Riau-Lingga termasuklah Mesir, Beirut dan Mekah. Kunjungan ini bertujuan untuk melawat dan melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang ilmu agama dan bahasa Arab. Beliau menggunakan kesempatan yang ada itu untuk memperluaskan pengetahuannya dalam bahasa Arab dan agama Islam yang memang diminatinya.

Di Kaherah, Syed Syeikh al-Hadi menerima pelajaran daripada Syeikh Muhammad Abdub (1849-1905) yang merupakan pengasas gerakan Islam yang termasyhur ketika itu. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1895 ketika beliau berumur 28 tahun dan Syeikh Muhammad Abdub berusia 46 tahun. Peringkat umur 28 tahun merupakan peringkat umur bagi manusia berusaha membina cita-cita dan keyakinan diri. Pada saat inilah Syed Syeikh al-Hadi mendapat asuhan dan pendidikan agama daripada Syeikh Muhammad Abdub yang terkenal dengan fikiran fikirannya yang maju dan revolutioner yang telah berjaya membawaikan pembaharuan-pembaharuan dalam cara berfikir dan pembangunan masyarakat di Timur Tengah, lebih-lebih lagi di Mesir.<sup>1</sup>

Oleh sebab itu, tidaklah menghairankan kiranya Syed Syeikh al-Hadi begitu terpengaruh dengan cara berfikir Syeikh Muhammad Abdub dalam perjuangan hari-hari berikutnya. Sejarah membuktikan Syed Syeikh al-Hadi mempunyai semangat dan fikiran yang progresif dan cuba pula membawaikan pembaharuan dalam masyarakat Melayu, terutama dari segi pandangan Melayu terhadap agama Islam yang maha suci. Yahaya Ismail pula pernah menyebutkan, "Sungguhpun dia tidak mendapat pendidikan formal di al-Azhar, namun ia tertarik

dengan fikiran-fikiran revolusioner daripada Syeikh Muhammad Abdurrahman dan lain-lain tokoh agama yang progresif.”<sup>16</sup>

Tahun 1909 menandakan titik penting dalam sejarah hidup Syed Syeikh al-Hadi apabila beliau dilantik menjadi peguam di Mahkamah Syariah Johor Bahru. Beliau dilantik sebagai peguam Syariah kerana jasa dan sumbangan pemikirannya yang progresif amat diperlukan. Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang peguam Syariah ketika usianya menjangkau 42 tahun dan mengundur diri daripada bidang itu pada tahun 1916. Syed Syeikh al-Hadi diminta meninggalkan negeri Johor oleh Sultan Abu Bakar apabila beliau mengeluarkan fatwanya bahawa perkahwinan baginda dengan Lady Marsila tidak sah kerana dilakukan cara pendataran dan tidak mengikut lunes-lunes Islam. Akibatnya bukan sahaja Syed Syeikh al-Hadi diperintah meninggalkan negeri Johor, tetapi beberapa hektar tanah yang dikurniakan kepadanya di Johor diambil balik oleh baginda.<sup>17</sup>

Minat Syed Syeikh al-Hadi dalam bidang penulisan menjadi nyara dengan tertubuhnya majalah *Al-Imam* di Singapura sekembalinya dari Timur Tengah. Majalah ini diterbitkan pada 22 Julai 1906, ditulis dengan huruf jawi dan berukuran lebar 6.3 inci serta panjang 8.6 inci. Pada mulanya majalah ini cetak oleh Matbaah Melayu Tanjung Pagar dan kemudiannya oleh Al-Imam Printing Company Limited. *Al-Imam* mengandungi 32 halaman yang dijual dengan harga 25 sen wang British pada ketika itu.

Secara tepatnya kandungan dan intisari majalah *Al-Imam* ini menitikberatkan isu dan masalah utama seperti:

- (a) Memperjuangkan Islam berdasarkan al-Quran dan Hadis.
- (b) Memberi galakan kepada orang Melayu supaya melakukan ijtihad dan menjauahkan diri daripada taklid buta.

- (c) Menyarankan sistem pendidikan baru, iaitu suatu sistem yang berdasarkan pendidikan Islam yang sihat serta ditambah tentang pengetahuan bahasa Arab, Inggeris, Ilmu Hisab dan Agama.

Penerbitan *U-Imam* terhenti pada tahun 1908 kerana kesulitan kewangan walaupun majalah ini pada dasarnya telah dapat memikat hati pembaca-pembaca di Tanah Melayu dan Indonesia.

Selaras berhenti daripada jawatan pegawai di Johor Bahru, Syed Syeikh al-Hadi pulang ke Melaka, kampung kelahirannya. Beliau menyambung perjuangannya sebagai seorang ulama, pendakwah dan penyebar ajaran Islam dengan mendirikan Madrasah al-Hadi di Bandar Kaba, Melaka. Di Madrasah ini, beliau mengajar ilmu agama dan ajaran Islam berdasarkan pemikiran progresif yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad Abdurrahman. Cara berfikirnya yang sering mendahului zaman itu belum dapat diterima oleh penduduk zaman itu dan penduduk penduduk tempatan menyebabkan Madrasah al-Hadi terpaksa ditutup. Penentangan dan kemarahan golongan tua dan ulama tradisional terhadap kegiatannya itu melumpuhkan kegiatannya di Melaka. Beliau dinggit dan akhirnya, menurut cerita orang, Syed Syeikh al-Hadi terpaksa meninggalkan Melaka dengan menyamar dan memakai pakaian perempuan.<sup>1</sup>

Kemudian, Syed Syeikh al-Hadi berhijrah ke Pulau Pinang pula untuk meneruskan perjuangannya dalam usaha memulihkan maruah dan imej umat Islam yang tereabar oleh penjajahan Barat dan kejahilan umat Islam itu sendiri yang enggan menerima pembaharuan dan kemodenan. Pulau Pinang terbukti menjadi tapak yang subur untuk mengembangkan bakat dan skop perjuangannya dalam bidang penyebaran dakwali Islamiyah, kesusasteraan dan persuratkhabaran sehingga beliau dikenali sebagai "Bapa Novel Melayu" oleh generasi kemudian.



Syed Syeikh al-Hadi bersama keluarga di depan rumahnya yang terletak di jalan Jelutong, Pulau Pinang.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Pulau Pinang membuka lembaran baru dalam perjuangannya khususnya dalam bidang penulisan dan gerakan reformasi yang telah lama diterokainya. Suasana alam dan masyarakat Pulau Pinang yang merupakan salah sebuah negeri dalam Negeri Negeri Selat yang sudah dikuasai oleh pentadbiran penjajah Inggeris, dan tidak ada penguasaan raja-raja Melayu yang lain, mengizinkan Syed Syeikh al-Hadi mengatur langkah memperluaskan pemikirannya dan perjuangannya yang tidak bertepi.

Selain kejayaannya menubuhkan Madrasah al-Mashoor pada tahun 1916 yang berjaya memperluaskan sistem pendidikan bercorak madrasah dan perlusinan pengaruh aliran reformasi Islam, usabanya yang penting ialah mengasaskan penerbitan majalah *Al-Ikhwan*. Penerbitan pertama majalah *Al-Ikhwan* ialah pada 16 September 1926 dengan Syed Syeikh al-Hadi bertindak sebagai penerbit dan pengarang. Sebenarnya penerbitan majalah ini menyambung nafas

perjuangan majalah *Al-Imam* yang telah berhenti penerbitannya pada tahun 1908.

Penerbitan majalah *Al-Ikhwan* mempunyai enam tujuan tersendiri, iaitu:

- (i) Menyeru sekalian ikhwani Muslimin kepada kemajuan dalam medan kehidupan menurut kebebasan yang dibenarkan oleh undang-undang kerajaan negeri.
- (ii) Menyatakan kehendak agama Islam yang memberi kebajikan bagi perhimpunan kehidupan sekalian yang berpegang dengannya.
- (iii) Menggemarkan kepada penuntutan ilmu.
- (iv) Membawa perkhabaran luar negeri yang memberi syarat kiasan bagi kehidupan yang sempurna.
- (v) Membawa perkhabaran di dalam negeri apa-apa faedah umum atau menolakkan mudarat.
- (vi) Membawa cerita-cerita yang memberi ibarat kiasan bagi kehidupan yang sempurna.

Di Pulau Pinang, selain mengendalikan Madrasah al-Mashoor, Syed Syeikh al Hadi memasuki bidang-bidang kehidupan lain yang boleh memantapkan kedudukan ekonominya. Beliau menyertai pelbagai bidang perusahaan, perniagaan dan perkumpulan am yang berasaskan keagamaan dan kebangsaan, seperti Persekutuan Ikhwan al-Masakeen.

Selaras penutupan *Al-Ikhwan*, Syed Syeikh al Hadi menyertai akhbar *Sandara* yang kemudiannya dikendalikan oleh anaknya, Syed Alwi al Hadi. *Sandara* mula diterbitkan pada 29 September 1928 dan dicetak oleh Jelutong Press. Syed Syeikh al Hadi mula melibatkan diri dengan akhbar ini pada tahun 1933 hingga Februari 1934, beberapa bulan sebelum beliau meninggal dunia.

Dalam bidang penulisan pula Syed Syeikh al-Hadi telah menghasilkan lima buah novel saduran, tujuh buah siri Cerita Rokambul dan tujuh buah buku keagamaan.

Buku-buku keagamaannya berjudul *Al-Tarikh al-Islami* yang sebelumnya tersiar dalam majalah *Al-Ikbaran* secara bersiri. Beliau juga menerbitkan kitab *Tafsir Juz' 'Imma* (1927), *Tafsir al-Fatihah* (1928), *Alam Perempuan* (1930), *Ugama Islam dan 'Akal* (1931), dan *Hadiyah Kebangsaan* (1933).

Dalam usia 67 tahun, Syed Syeikh al Hadi meninggal dunia, iaitu pada 20 Februari 1934 bersamaan 6 Zulkaedah 1352 Hijrah. Beliau menghembuskan nafas terakhirnya pada malam Rabu, di rumahnya di Nombor 410, Jalan Jelutong, Jelutong, Pulau Pinang. Jenazahnya dikebumikan di tanah perkuburan masjid Jelutong, Pulau Pinang.

## **Pandangan Hidup Syed Syeikh al-Hadi yang Terpancar dalam Karya Sastera**

*Hikayat Faridah Hanom* merupakan novel saduran Syed Syeikh al-Hadi yang cukup popular dan sekali gus mengangkat namanya dalam Sejarah Kesasteraan Melayu Modern. Novel ini pada mulanya diterbitkan dalam dua penggal, iaitu *Penggal I* diterbitkan pada tahun 1925 dan *Penggal II* diterbitkan pada tahun 1926 oleh Jelutong Press milik Syed Syeikh al-Hadi sendiri.

Penerbitan pertama novel ini tentunya diusahakan oleh Jelutong Press yang memberi keuntungan besar kepada Syed Syeikh al-Hadi hingga mampu menampung kos penerbitan buku-buku lain dan majalahnya.

Sesudah kematiannya, novel ini diusahakan penerbitannya oleh Penerbit Qalam Singapura (milik Ahmad Lutfi) pada tahun 1950 dalam tulisan jawi juga. Novel ini kemudiannya diterbitkan dalam edisi rumi dalam sebuah buku (tidak berpenggal penggal) oleh Pustaka Antara pada tahun 1964, 1965 dan 1985. Ternyata novel ini masih mendapat sambutan dan menjadi bahan kajian kerana ia adalah novel pertama (meskipun menggunakan judul "hikayat") dalam sejarah kesusastraan Melayu moden walaupun padat dengan unsur saduran daripada novel Mesir yang berjudul *Zainab* karya Mohammed Hussein Haikal.

Kemasyhuran dan kepopularan novel *Hikayat Faridah Hanum* merupakan kemuncak pengkaryaan Syed Syeikh al Hadi. Hal ini terlihat dalam petikan daripada kata-kata pendahuluan yang ditulis oleh Penerbit Qalam (untuk cetakan ketiga) seperti katanya:

Muhammadillah – Dengan persetujuan yang mutia al Syed Alwi bin Syeikh al Hadi, anakanda kepada pengarang buku terkenal dan masih popular pada zamannya, iaitu almarhum al Syed Syeikh al Hadi, maka buku ini telah menarik kegemaran pembaca pada tahun 1928 yakni 22 tahun yang lalu bersama *Hikmat Selis Idek Kapadi Maashok* iaitu atau lebih terkenal dengan cerita "Saqif Afandi dengan Faridah Hanum" ini telah dicetak dua kali dan kita menerbitkan semula ke hadapan pembaca-pembaca ... Telah terpaksalah kita mengembalikan cap cerita ini kali yang ketiganya kerana persetujuan kebanyakkan pembaca-pembaca akan ceritanya dengan banyak bilangan surat yang datang kepada kita akan memintut dia lagi.



Karya-karya bercorak kesusasteraan dan keagamaan Syed Syeikh al Hadi

Vander Lubis Samat, *Syed Syeikh al Hadi: Aku dan Islam*, 1992.

*Hikayat Faridah Hanom* menampilkan pelbagai persoalan masyarakat Islam Mesir yang sudah diterobosi oleh nilai-nilai moden yang tidak kurang pemikiran pembaca untuk berfikir secara serius akan persoalan persoalan yang cuba diajukan oleh Syed Syeikh al Hadi. Isu-isu yang cuba disampaikan olehnya termasuklah kahwin paksa, kebebasan wanita, hak-hak asasi kaum wanita dalam bidang pendidikan dan masyarakat, kewajipan suami isteri, pembahagian harta pusaka, semangat kebangsaan dan semangat kepahlawanan.

Bagaimanapun, persoalan yang paling penting mendasari novel ini ialah emansipasi wanita dan soal kahwin paksa. Tema ini menjadi ikutan penulis sesudahnya seperti Ahmad Rashid Tulu dengan novelnya *Lakuk Salmah* dan *Karun Benor* atau Ahmad Kotot dengan novelnya *Hikayat Perintau Kasih Kemundian*. Penulis-penulis Melayu sesudah Syed Syeikh al-Hadi memperluaskan lagi penerokaan tema emansipasi wanita dengan bentuk yang lebih menarik, iaitu dengan mengambil latar tempatan serta watak-wataknya pula berbangsa Melayu. Nama-nama watak adalah biasa atau tipikal dalam masyarakat Melayu seperti Salmah, Mahmud dan Salleh.

Selain novel *Hikayat Faridah Hanom*, novel novel sadurannya yang lain ialah *Hikayat Anak Dara Ghassan* atau *Hendon dengan Hammud*, *Hikayat Chinta Berabi* atau *Mabir Afandi dengan Iqbal Hanom*, *Hikayat Chermin Kebidupan*, *Hikayat Pnteri Nurul Ain*, *Hikayat Pembelaan dalam Rahsia* atau *Kasib Sandara kepada Sandaranya dan Aini Cherita Cherita Rokambul*. Kesemua novel saduran beliau adalah daripada novel yang berlatarbelakangkan negara negara Timur Tengah seperti Arab, Mesir dan Turki. Bagaimanapun, sambutan terhadap karya-karya saduran ini tidaklah sehebat yang diterima oleh novel *Hikayat Faridah Hanom* yang telah mendatangkan pulangan yang besar kepada pengarangnya. Kesemua novel saduran yang diusahakan oleh Syed Syeikh al Hadi ini diterbitkan dan dicetak oleh percetakananya sendiri, iaitu The Jelutong Press.

Novel saduran Syed Syeikh al-Hadi yang lain seperti *Hikayat Anak Dara Ghassan*, *Hikayat Tamim Chinta Berabi* dan *Hikayat Nurul Ain* tergolong dalam siri novel *Ijigan-Ijigan Kehidupan (The Moral Trainer)* yang kisah-kisah percintaan dan pergesekannya tidak jauh berbeza dengan *Hikayat Faridah Hanom*. Aliran cerita humanisme diperluaskan lagi dalam novel hikayatnya yang berikutnya.



### **HIKAYAT ANAK DARA GHASSAN**

*Sumber:* Tabb Syam, Abd Ma'lik al-Hadi: *Austenian Progress Mihiru*, 1992.

Novel saduran *Hikayat Anak Dara Ghassan* atau *Hendon dengan Hammud* yang setebal 1001 halaman dalam 10 penggal diterbitkan pada tahun 1928 hingga 1929 oleh Jelutong Press. Novel ini mengutarakan sejarah kebangkitan agama Islam di Tanah Arab yang terpaksa menempuh pelbagai cabaran sebelum berjaya diselarkan. Kisah bangsa Arab yang sesetengahnya beragama Nasrani (Kristian) yang terdapat di negeri Syam (kini Syria) dan sekitarnya juga diceritakan dalam novel berunsur hikayat ini. Novel ini berkisar di sekitar diri Hendon (anak dari Ghassan) yang merupakan puteri kepada Malik Jiblah yang juga seorang daripada dua orang raja yang memerintah negeri Syam (atau dikenali dengan nama Syria) pada

tahun 629 M. Novel ini saduram daripada roman sejarah bangsa Arab berjudul *Fatatu Ghassan* karya Jurji Zaidan.

Novel percintaan yang memaparkan perjuangan murni sepasang kekasih yang terpaksa menempuh pelbagai dugaan yang bukan sedikit itu disulami dengan kisah-kisah kebangkitan agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Corak hidup bangsa Arab Badwi yang gemar mengadakan perlawangan menunggang kuda dan kepahlawanannya digambarkan juga dalam novel ini. Hendon digambarkan bukan saja puteri raja yang cantik tetapi juga pintar menunggang kuda dan banyaklah anak raja Arab yang ingin memenangi hatinya.

Tentang kebenaran, kebesaran, kemuliaan dan keunggulan agama Islam digimbarkan oleh Syed Syeikh al-Hadi menerusi watak Maharanah. Teknik campur tangan pengarang dipergunakan dengan luas untuk menerangkan kebaikan dan kebesaran agama Islam yang diturunkan untuk membawa keamanan dan kebaikan kepada seluruh umat manusia di muka bumi ini.

Meskipun novel ini bertunjangkan kisah percintaan, namun diselitkan juga dengan persoalan emansipasi wanita agar kaum wanita diberi hak yang wajar dalam kehidupan mereka. Hal ini digambarkan dengan nyata dalam perdebatan dan pertelagahan pendapat di antara Hendon dengan sepupunya Thalibah yang memaparkan kebijaksanaan. Hendon mengeluarkan pendapat yang bermas dan bijaksana. Watak Hendon ditukiskan sebagai wanita yang bukan sahaja cantik dan jelita tetapi juga adalah seorang yang bijaksana yang boleh berhujah dengan mematahkan hujah-hujah lawannya.

Demikian juga watak Maharanah, seorang gadis Arab Badwi yang berilmu dan memahami selok belok agama Islam telah berdakwah kepada kaumnya agar memeluk dan mengembangkan agama yang dimutinya. Watak Maharanah diperkembangkan sebagai wadah

untuk Syed Syeikh al-Hadi menyebarkan dasar-dasar ajaran Islam dan idea-idea pembaharuannya demi kebangkitan umat Islam.

Syed Syeikh al-Hadi meneruskan teknik penceritaan yang sama seperti yang digunakan dalam novel *Hikayat Faridah Hanum*. Campur tangan pengarang dan gaya penceritaan secara berkhutbah diulangi lagi dalam novel *Hikayat Anak Dara Ghassam*. Novel ini bukan sahaja lebih tebal berbanding *Hikayat Faridah Hanum* malah mengambil latar belakang geografi yang lebih luas, iaitu di Semenanjung Tanah Arab.

Secara tidak langsung Syed Syeikh al-Hadi telah menggumbarkan kehebatan dan kebesaran bangsa Arab yang merupakan teras keturunannya, juga melanjutkan kisah keperwiraan bangsa ini menerusi karya-karya sastera yang dibusilkari.

Novel ini telah mengalami proses cetak ulang walaupun pengarangnya telah meninggal dunia. Cetakan kedua novel ini terbit pada tahun 1959. Dalam cetakan kedua, novel ini dijadikan dalam enam penggal sahaja untuk memudahkan pembaca mengikutinya berbanding sepuluh penggal dalam terbitan pertamanya dahulu. Penggal pertama edisi cetak semula diterbitkan oleh Penerbit Harymy pada tahun 1959 dan penggal kedua diterbitkan pada tahun 1960. Penggal ketiga diterbitkan oleh Pustaka Abadi, Singapura pada tahun 1964. Manakala penggal keempat diterbitkan oleh Pustaka Abadi pada tahun 1964. Penggal kelima dan keenam juga diterbitkan oleh Pustaka Abadi untuk edisi cetak semula.

Tujuan dan matlamat penyaduran novel *Hikayat Anak Dara Ghassam* ini dijelaskan oleh Syed Syeikh al-Hadi:

Tidak sekali kali cerita ini terbentti tiadah faedah mengetahui akan perjalanan tarikh semata-mata tetapi di dalamnya beberapa ibarat kiasan yang menyeren kelak pembaca-pembacanya kepada kasihikan watan dan

bangsa yang tiada boleh hidup dengan kehidupan yang sempurna sesuai kaum dan bangsa di dalam alam ini melainkan kemudian daripada banyak anak-anaknya mempunyai perasaan yang melebihkan masing-masing dirinya atau harta bendanya dan kaum kerabat adik kakaknya ataupun yang dikatakan inilah tempat yang tunggal yang manafakat segala alam yang bermoden mengatakan membuang nyawa kerana melihat yang merdlatangkan kebaikan kepadanya atau kerana menolakkan mudarat daripadanya itu wajib dan disertu pula akar dia oleh agama Islam yang tunggal daripada segala agama yang lain-lain pada kewajipan ini dengan sebab inilah datang daripada junjungan kita sambutan bermulia kasihian watan itu daripada iman.<sup>13</sup>

Novel *Hikayat Anak Dara Gobson* ini kurang popularnya berbanding *Hikayat Faridah Hanom*. Hal ini terbukti dengan penerbitan semula novel ini untuk cetakan kedua selepas lebih 30 tahun cetakan pertamanya dahulu. Dalam kata-kata pendahuluan untuk cetakan keduanya, penerbit Harmy menyatakan:

Setelah hampir 31 tahun, buku ini kami ulangi cetakan yang kedua, ini mali untuk memberi kesempatan kepada para pencinta persuratan Melayu pada zaman ini untuk mengenali bentuk persuratan lama oleh seorang tokoh pujiangga angkatan lama seperti Allahyarham Tuoi Syed Syeikh al-Hadi yang namanya dikenali lungguh ke masa ini sebagai salah seorang pujiangga dalam persuratan dan kesusastraan Melayu.<sup>14</sup>

*Hikayat Taman Cinta Berabi* atau *Mahir Ajundi dengan Iqbal Hanom* tidak kurang penting juga. Ia dicetak dalam lima penggal setebal 600 halaman dan diterbitkan pada tahun 1928 oleh Jelutong Press. Novel ini pernah dicetak semula lebih daripada satu kali. Pada asalnya novel ini diterbitkan dalam tiga penggal yang setiap penggal mengandungi 200 halaman. Cetakan semula novel ini dibuat dalam lima penggal untuk menarik pembaca menghayatinya. Novel ini dijual dengan harga senaskah \$1.50 menurut nilaiang wang British ketika itu. Penggal pertama novel ini sudah diterbitkan pada tahun 1927. Syed Syeikh al-Hadi mengiklankan novel ini dalam majalah *Al-Ikhwan* keluaran 16 Januari 1927 yang dicetak oleh Jelutong Press.

Novel ini mengisahkan perasaan antara dua asik maksyuk, iaitu Mahir Afandi dengan Iqbal Hanom. Ia disifatkan oleh sesetengah peneliti sastera Melayu sebagai novel kedua terindah Syed Syeikh al-Hadi sesudah *Hikayat Faridah Hanom*. Novelnya ini, seperti juga novel-novelnya yang lain, kesemuanya bergambarkan wajah wanita wanita jelita sebagai daya menarik kepada pembaca. Novel ini berlatarbelakangkan bumi Mesir yang moden.

Watak utamanya ialah Iqbal Hanom yang digambarkan oleh Syed Syeikh al-Hadi sebagai seorang wanita yang terpelajar, bercita cita tinggi dan berusaha mengembangkan perjuangan emansipasi dan kebebasan wanita kepada kaumnya. Di sini Syed Syeikh al-Hadi melanjutkan lagi peranan kaum wanita terdahulu seperti Faridah Hanom, Hendon, Maharanah dan sebagainya yang ikut sama berjuang mengangkat darjah dan taraf kewanitaan.

Menerusi kedua-dua watak utamanya, Syed Syeikh al-Hadi menyalurkan idea-idea pembaharuan dan kecamannya yang keras kepada ulama-ulama yang bersikap antikemajuan. Misalnya, melalui watak Iqbal Hanom, Syed Syeikh al-Hadi menjelaskan sebab-sebab kejatuhan dan kemunduran umat Islam dalam pelbagai lapangan hidup. Begitu juga kecamannya terhadap ketua-ketua agama, dan para ulama yang bukan saja menolak pembangunan tetapi juga sering mengadakan peraturan-peraturan yang menyulitkan umat Islam dalam mengecap pembangunan.

Melalui novel ini beliau menyarankan agar dilakukan pembaharuan dalam sistem pendidikan dengan memasukkan teknik dan bahan pengajaran Eropah bagi membolehkan umat Islam mencapai kemajuan dengan cepat. Teknik dan bahan pengajaran lama yang diajar oleh ulama sudah tidak secocok lagi dengan peredaran zaman.

Dalam novel ini, Syed Syeikh al-Hadi meneruskan perbincangan isu emansipasi wanita dari feminism dalam hal kemajuan dan kejayaan yang harus dicapai oleh kaum wanita seperti yang diungkapkan dalam novelnya yang terdahulu. Ini bererti Syed Syeikh al-Hadi bertanggungjawab terhadap perjuangan memberi persamaan hak peluang pendidikan yang lebih saksama dalam kalangan semua umat manusia sama ada lelaki maupun wanita di Tanah Melayu.

Di samping itu, novel sadurannya yang lain, *Hikayat Chernin Kehidupan* setebal 604 halaman diterbitkan pada tahun 1929 oleh Jelutong Press. Cerita yang disadur ini berasal dari Turki dan mengisahkan soal kesucian yang perlu dimiliki oleh orang-orang muda.

Novel *Hikayat Puteri Nurul Aiu* pula diterbitkan pada tahun 1929 oleh Jelutong Press dan dicetak dalam dua penggal setebal 200 halaman. *Hikayat Puteri Nurul Aiu* atau *Babgai Berberai Talak Tiga dan Berbinra Buta* juga tergolong sebagai novel yang popular kerana pernah mengalami proses cetak ulang pada tahun 1959 oleh Percetakan Qalam.

Novel ini memperdebatkan tema bahayanya perceraian dan keruntuhan rumah tangga terutama yang berhubung dengan kebiasaan yang dikenali dengan sebutan "bercina buta". Ia tergolong dalam siri cerita yang diterbitkan di bawah judul umum *Angus Ingan Kehidupan* dan judul kecilnya *The Moral Trainer* (Pengasuh Akhlak). William R. Roff bersandarkan keterangan Za'ba (1939) mencatatkan, "Syed Syeikh mungkin mendapat ihram menamakan bukunya itu dari judul yang digunakan oleh Syed Ahmad Khan bagi penerbitan penerbitan yang serupa di India dalam abad kesembilan belas, iaitu *Tabdigh ul Akhdaf*".<sup>12</sup>

*Hikayat Puteri Nurul Ain* berlatarbelakangkan kota Baghdad, Iraq dan kehidupan kaum bangsawan dan saudagar yang diselitkan dengan kisah-kisah lucu yang sinis dan penuh sindiran. Di samping itu, novel ini juga menyisipkan syair-syair yang indah, menarik dan punya nilai sastera yang cukup kuat. Penggunaan syair ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh sastera tradisi dalam kalangan pengarang moden dan pramoden.

Syed Syeikh al-Hadi dalam kata-kata pendahuluan novel *Hikayat Puteri Nurul Ain* menjelaskan tujuan sebenar beliau mengarang novel ini:

Khatamlah cetera Nurul Ain puteri yang bijak ini di dalam dua penggal sahaja maka sangatlah harap pengarang bahawa segala hal etikal yang berlaku di dalam cetera ini boleh memberi guna dan peringatan kepada sekalian pembaca laki-laki dan perempuan dan mengembalikan semula tiap-tiap orang yang dikatakan pemecah yang tetapi agama kita pada menyelidiki dan menghalusi lagi dalam perkara yang maha besar bagi kehidupan persekitaran orang yang berkeliar isteri bukannya kerana mendatangkan faidat yang maha besar yang berlindung daripadanya tiap-tiap manusia yang mempunyai sedikit perasaan kemanusiaan di dalam tiap agama yang di dalam alam ini adanya.<sup>1</sup>

Kata pengantar atau pendahuluan yang ada pada setiap novel karangannya atau penulis yang seangkatan dengarnya, bertujuan memperjelas matlamat penulisan mereka, iaitu untuk mendidik dan mengajar pembaca tentang sesuatu persoalan besar yang ingin mereka sampaikan. Inilah juga di antara ciri-ciri penulisan sebelum perang yang jelas mengamalkan prinsip didaktik dalam karya-karya mereka.

*Hikayat Puteri Nurul Ain* mengisahkan kehidupan seorang puteri bangsawan bernama Nurul Ain, anak saudagar Ibrahim yang masyhur di kota Baghdad. Nurul Ain bukan sahaja seorang puteri bangsawan

yang cantik jelita dan mempunyai keistimewaan keistimewaan lain, seperti yang digambarkan oleh Syed Syeikh al Hadi, "tiap-tiap jenis perhiasan batin daripada tiap-tiap ilmu pengetahuan hingga kepada serba-serbi ilmu penghiburan dan syair pantun yang sangat sangat masyhur dan perhimpunan Arab pada masa itu" dan mempunyai kemerduan suara yang mengagumkan serta menghiburkan hati insan.

Dalam novel ini, Puteri Nurul Ain dipaksa kahwin oleh ayahnya dengan sepupunya sendiri, iaitu Asam yang tidak dicintainya. Puteri Nurul Ain selaku sifatnya sebagai anak yang taat dan berbudi tinggi terpaksa mengikut kehendak ayahnya itu. Perkahwinan yang dilakukan secara paksa ini menimbulkan ilhami kepada Puteri Nurul Ain untuk membebaskan diri daripada belenggu kehidupan yang mencengkam ini. Perangai suaminya yang pemabuk dan membuat perhubungan dengan salah seorang dayang telah menimbulkan kemarahan Puteri Nurul Ain.

Puteri Nurul Ain mengatur pelbagai belah dan rancangan untuk membebaskan dirinya daripada belenggu suaminya, Asam. Nurul Ain jugalah yang mengatur strategi agar suaminya terpikat dengan seorang dayang dan membuat hubungan sulit dengannya. Perlakuan serong dan mungkar Asam itu menyebabkan Nurul Ain meminta suaminya menceraikannya dengan talak tiga sekali gus. Permintaannya dituruti oleh suaminya. Nurul Ain berasa cukup gembira dengan kejayaan ini tetapi pada hakikatnya adalah untuk sementara sahaja.

Ayahnya, saudagar Ibrahim mengetahui segala punca kejadian adalah rancangan Puteri Nurul Ain sendiri. Saudagar Ibrahim berusaha untuk menemukan mereka kembali sebagai suami-isteri dengan jalan berkahwin secara "cina buta".

Nuruddin yang merupakan anak seorang saudagar Damsyik menemui misib malang kerana harta bendanya dirompak di

pertengahan jalan menuju ke kota Baghdad. Nuruddin tiba di kota Baghdad dalam keadaan papa kedana dan mclarat. Dia diupah oleh saudagar Ibrahim agar menjadi kambing jantan (orang yang mengambil upah bercina buta) bagi menyelamatkan perkahwinan anaknya dengan anak saudaranya, Asam. Nuruddin bersetuju berkahwin dengan Puteri Nurul Ain tetapi kedua-duanya mulai cinta-menceintai dan tidak rela dipisahkan.

Novel ini berakhir dengan kemenangan Nuruddin dan Puteri Nurul Ain sebagai suami-isteri yang sah selepas berlaku campur tangan pemerintah Baghdad dan menghukum golongan yang melakukan perbuatan "cina buta" untuk menyekat budaya yang tidak sihat ini daripada merebak di kalangan umat Islam.

Pada dasarnya Syed Syeikh al Hadi mahu menyentuh soal keagamaan, iaitu tegahan agama Islam agar tidak bercerai takak tiga dan bercina buta. Inilah persoalan besar yang disorot oleh Syed Syeikh al Hadi dengan terperinci dalam novelnya. Hal ini sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang ulama untuk memerangi kemungkaran yang dilakukan oleh umat Islam yang sering melakukan amalan bercina buta dan hal-hal lain yang tidak direndai Allah SWT. Beliau berjihad menerusi novelnya agar umat Islam menjauhi amalan buruk ini demi kebaikan umat Islam dan keturunan manusia seluruhnya. Keburukan bercina buta (bermuhalil) memang sewajarnya dijauhi oleh umat Islam kerana ia bukan daripada ajaran Islam yang sebenar.

Novel *Hikayat Pembelaan dalam Rabsia atau Kasih Aandura kepada Sandaranya* pula mengandungi 579 halaman dan diterbitkan pada tahun 1929–1930 oleh Jelutong Press. Novel saduran ini sebenarnya diusahakan oleh Syed Alwi al-Hadi (anak lelakinya yang mewarisi bakat dan perjuangannya dalam bidang kewartawanan dan

kesusasteraan), dan Syed Syeikh al-Hadi hanya bertindak menyunting dan memperbaikkan hasil saduran itu sahaja.

Novel saduran lain yang tidak diusahakan sepenuhnya oleh Syed Syeikh al-Hadi adalah *Cerita Dzyl Rubah* yang terbit pada tahun 1930-1931<sup>1</sup> dan diuruskan percetakannya oleh Jelutong Press miliknya sendiri. Novel saduran yang setebal 540 halaman ini dikerjakan oleh pembantu Syed Syeikh al-Hadi, iaitu Haji Abdul Rahim Kajai yang sering digelar "Bapa Kewartawanan Melayu". *Hikayat Chernim Kebidupan* pula diterbitkan pada tahun 1929 oleh Jelutong Press. Novel setebal 604 halaman ini disadur dan disaring daripada cerita Turki. Ia mengisahkan soal kesucian yang perlu dimiliki oleh orang-orang muda dalam menjalani kehidupan sehari-hari di pentas dunia.

Syed Syeikh al-Hadi juga menyumbangkan sejumlah tujuh buah cerita detektif yang diterbitkan di bawah siri "Cerita-cerita Rokambil". Beliaulah orang terawal yang memperkenalkan kisah penceritaan mata-mata gelap dan penyiasatan jenayah. Meskipun siri ini merupakan novel saduran, namun sumbangannya merupakan sesuatu yang bererti dalam sejarah kesusasteraan Melayu.

Cerita-cerita Rokambil ini berasal daripada cerita-cerita Perancis yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Arab/Mesir. Syed Syeikh al-Hadi menyadurkannya ke dalam bahasa Melayu dan disiarkan secara bersiri dalam majalah *Akhbar* dan akhbar *Sandar* kerana memenuhi permintaan pembaca dan keperluan penerbitannya.

Antara cerita-cerita Rokambil yang diterbitkan dalam bentuk buku ini termasuklah *Cerita Rokambil dalam Jel dan di Paris* (398 halaman), *Cerita Rokambil dalam Siberia* (400 halaman), *Cerita Rokambil dengan Puteri Russian yang Abek* (498 halaman), *Cerita Rokambil dengan Korban Hindi* (502 halaman), *Cerita Rokambil dengan*

*Tamam Penglipur Lata* (298 halaman), dan *Cerita Rokambul dengan Perbendabaranu Hindi* (509 halaman).

Cerita-cerita Rokambul yang diperkenalkan oleh Syed Syeikh al-Hadi memberikan dimensi dan perspektif baru kepada dunia kesusasteraan Melayu. Ia memperlihatkan betapa luasnya daerah kesusasteraan yang perlu digarap oleh kaum penulis. Penerokaan yang dimulakan oleh Syed Syeikh al-Hadi itu setidak-tidaknya memperkenalkan kepada sasterawan dan masyarakat Melayu betapa pentingnya pembacaan dan ilmu ilmu bantu untuk memperkayakan khazanah kesusasteraan bangsa dengan karya-karya yang disadur itu menimbulkan minat yang lebih mendalam di hati pembaca untuk menikmatinya.

Meskipun tema novel-novel saduran yang diusahakan oleh Syed Syeikh al-Hadi itu stereotip, iaitu menyogokkan jsu kahwin paksa, emansipasi wanita, pembaharuan masyarakat Islam dengan idea-idea baru, persamaan taraf antara sesama umat Islam, tetapi setidak-tidaknya novel-novel itu berhasil menekutuskan kontroversi dan perbahasan hangat dalam kalangan pengkaji pengkaji sastera Melayu. Kontroversi karya karya Syed Syeikh al-Hadi itu dengan sendirinya membuktikan karyanya dibaca dengan meluas, diperhatikan dan punya nilai kepentingan sosial yang besar maknanya. Beliau sering juga diruduh memperalatkan watak-watak ciptaannya untuk menyuarakan idea idea pembaharuaninya sehingga mengakukkan fungsi watak-watak itu sendiri. Walau bagaimanapun, usahanya telah menekutuskan perdebatan intelektual yang dapat menyemarakkan dan mengembangkan alam kesusasteraan dan pemikiran di negara kita pada era sebelum dan selepas merdeka.

Karya-karya Syed Syeikh al-Hadi, khususnya *Hikayat Faridah Hanum*, bukan sahaja menimbulkan kegemparan dalam kalangan masyarakat kerana seorang ulama menulis novel bertemakan

percintaan malah menimbulkan inspirasi kepada penulis-penulis lain untuk menulis isu yang sama, seperti isu emansipasi wanita, kahwin paksa dan sebagainya, dengan mengambil latar tempatan pula seperti yang dilakukan oleh Ahmad Rashid Tahi menerusi novelnya *Lakab Sulmeh* dan novelis-novelis Melayu yang lain.

Pengaruh Syed Syeikh al-Hadi bukan sahaja bertapak dalam kalangan masyarakat Melayu Pulau Pinang menerusi bidang penerbitan dan percetakan Jelutong Press dan bidang pendidikan menerusi Madrasah al-Masboor tetapi tersebar juga ke seluruh Tanah Melayu dan Nusantara. Penglibatannya yang intim, komited dan sanggup berkorban apa saja dalam bidang-bidang itu meneatuskan kesedaran dan gerakan nasionalisme yang terawal di Tanah Melayu hingga menimbulkan inspirasi kepada pejuang-pejuang kemerdekaan untuk membebaskan negara ini daripada belenggu penjajahan Inggeris yang berabad-abad mendominasikan bumi Tanah Melayu, hasil mahstunya dan penduduknya.

## Kesimpulan

Daripadauraian yang panjang lebar dalam kertas kerja ini tergambarlah dengan jelas biografi, kehidupan dan pandangan hidup (*worldview*) Syed Syeikh al-Hadi yang terungkap jelas dalam karya-karya sistem yang dihasilkannya yang menjadi sahuran utamanya melancarkan reformasi masyarakat Melayu pada awal abad ke 20 di samping penggunaan bidang kewartawaran (komunikasi) dan bidang pendidikan Islam menerusi sistem madrasah atau kini lebih dikenali sebagai sekolah menengah agama. Sumbangan besar beliau sesungguhnya tidak ternilai dalam perjuangan mencelikkan akal budji dan membebaskan pemikiran bangsa Melayu daripada belenggu penjajahan minda, budaya dan politik.

## **Nota**

1. Surat Persendirian Syed Alwi bin Syed Syeikh al-Hadi (SP.24/1), 1.
2. Ibid., 4.
3. Ibid., 4.
4. A. Hasir Haji Mahfudz, "Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan dan Ulama Progresif", *Diam*, bil. 64 (1973), 78.
5. Yahaya Ismail, "Syed Syeikh Ahmad al-Hadi: Pembuka Zaman Baru dalam Bidang Novel di Pulau Pinang", *Diam Baharu*, 18 (November 1974), 531.
6. Wawancara dengan Syed Ahmad al-Yahya di Jelutong, Pulau Pinang pada 27 Januari 1994.
7. William R. Roff, *Nationalism Melayu* (terjemahan Ahmad Boestamam) (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975), 72.
8. Ibid., 73-74.
9. A. H. Edris, *Pemerintah Melayu & Drama dan Perkembangan Bahasa Melayu* (Singapore: Qalam, 1961), 237.
10. Talib Samat, *Diktator Dalam Sastera dan Perwakilanannya* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 235.
11. Penjelasan "Kata Pendahuluan" (penerjemah dalam *Hikayat Faridah Hanum* (Singapore: Qalam Press, 1950), 5).
12. Syed Syeikh al-Hadi, *Hikayat Faridah Hanum* (Singapore: Penerbit Harmy, 1959; Cetakan Kedua), ii.
13. Ibid., iii.
14. William R. Roff, *Nationalism Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975), 104.
15. Syed Syeikh al-Hadi, "Pendahuluan" dalam *Hikayat Puteri Nurmil* (Pulau Pinang: The Jelutong Press, 1929), 1.
16. Ibid., 1.
17. Talib Samat, *Ayd Aliikhd al-Hadi: Nasarwanji Progresif Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 91.
18. Ibid., 97.

## **Bibliografi**

- A. H. Edris, *Pemerintah Melayu & Drama dan Perkembangan Bahasa Melayu* (Singapore: Qalam, 1961).
- A. Hasir Haji Mahfudz, "Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan dan Ulama Progresif", *Diam*, bil. 64, 1973.
- Surat Persendirian Syed Alwi bin Syed Syeikh al-Hadi (SP.24/1).
- Syed Syeikh al-Hadi, *Hikayat Puteri Nurmil*, Iu. Pulau Pinang: Jelutong Press, 1929.
- Syed Syeikh al-Hadi, *Hikayat Faridah Hanum*, Singapore: Qalam Press, 1950.

*Syed Syeikh al-Hadi: Geladapan dan pandangan bahagian*

- Syed Syeikh al-Hadi, *Ubikatul Anak Dara Cebisan Penggal I* (Cetakan Ketua).  
Singapore: Penerbit Hary, 1959.
- Talib Samat, *Syed Syeikh al-Hadi: Sejarah dan Perkembangan Progresif Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Talib Samat, *Diktirat Dama Nafira dan Permasalahananya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Yahaya Ismail, "Syed Syeikh Ahmad al-Hadi: Pembuka Zaman Baru dalam Bidang Novel di Bumi Pulau Pinang", *Dewan Bahasa*, 18: 11, November 1974.
- William R. Roff, *Nationalism Melaka*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975.
- Wawancara dengan Syed Ahmad al-Yahya di Jelutong, Pulau Pinang pada 27 Januari 1994.

## **Emansipasi Wanita Islam dalam *Faridah Hanom*: Penilaian Semula**

*Sarji Kasim*

---

**S**chingga awal abad kedua puluh, boleh dikatakan negara-negara yang sedang berada di bawah helenggu imperialis sedang berusaha untuk membebaskan negara mereka. Mereka telah cuba untuk memeriksa kembali kelemahan dan berusaha untuk mengembalikan dan meningkatkan harga diri mereka. Perkembangan yang sedang berlaku di seluruh dunia turut dirasai di dunia Islam. Pada waktu inilah lahirnya tokoh-tokoh pemikir Islam yang telah berusaha agar umat Islam di seluruh dunia cuba untuk memeriksa kembali kelemahan mereka dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya. Hal ini disebabkan agama Islam pernah memberikan sumbangan yang sangat penting ke arah pembentukan tamadun manusia dan dunia sejagat. Kemunculan beberapa orang tokoh reformis Islam, misalnya Syeikh Muhammad Abdub, Syed Jamaluddin al-Afghani, Qasim Amin, Muhammad Rashid Ridha dan Syed Muhammad Khan, telah mula menjanakan kembali pemikiran

umat Islam untuk memperbaiki dan memperbaikkan mereka terutamanya tentang pemahaman agama Islam itu sendiri.



### SYED JAMALUDDIN AL-AFGHANI

*Annals of Urdu Sahity, Syed Jamaluddin Al-Afghani and His Work*, Mohan Lal, 1972.

Gerakan reformis Islam di Timur Tengah adalah lanjutan dengan adanya keterlibatan kaum penjajah yang menguasai negara-negara Arab. Semangat untuk mengembalikan kegembilan dan kekuatan agama Islam semakin pudar akibat adanya rasa rendah diri dalam kalangan pemeluknya dan permainan politik penjajah yang menghidupkan kembali semangat "assabbiyah" dalam kalangan bangsa Arab. Sungguhpun demikian, tekanan ini tidak pernah melunturkan semangat juang mereka untuk menegakkan kebenaran, dan mereka berusaha untuk mengembalikan maruah Islam ke tempat yang sewajarnya. Gerakan pembaharuan atau reformasi Islam yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad Abdurrahman (1849–1905) diharapkan,

... memandu orang-orang Islam kembali ke jalan yang suci dengan diredai oleh Allah dan al-Quran; menentang dan membasmikan segala perasaan kuno dan kepercayaan yang karut; membentuk pandangan keislaman yang baru supaya sejajar dan seimbang dengan ielas tentang kemajuan yang modern; akhirnya menumpukan segala tenaga seseorang dengan halal untuk kemajuan.<sup>1</sup>

Reformis Islam yang dipelopori oleh tokoh-tokoh seperti Syeikh Muhammad Abdurrahman dan Syed Jamaluddin al-Afghani di Timur Tengah tersebar luas ke Asia Tenggara, terutama di Indonesia dan Malaysia. Majalah-majalah yang ditulis golongan reformis turut dibaca oleh ulama-ulama progresif di kedua-dua buah negara ini, misalnya majalah *Al-Manar* yang diterbitkan oleh Muhammad Ridha. Usaha penerbitan majalah seperti ini turut dirintis oleh reformis Islam di Malaysia, misalnya Syed Syeikh al-Hadi menerbitkan majalah *Al-Imam* (1906–1909). Majalah ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Sumatera Barat. Hamka dalam bukunya *Ajibku* ada menyebut kemasukan *Al-Imam* dari Singapura turut mempengaruhi pemikiran ayahnya sendiri. Tokoh-tokoh reformis yang terkenal termasuklah Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin al-Azhari dari Minangkabau, Sumatera; Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalali, seorang pedagang keturunan Arab di

Singapura; Syed Sycikh al Hadi dari Tanah Melayu dan Haji Abbas Mohd. Taha dari Singapura.

Pemikiran ulama progresif diketahui juga dengan Kaum Muda dan gerakan mereka menghadapi tantangan daripada ulama Kaum Tua. Ulama-ulama Kaum Tua mendapat keistimewaan daripada Sultan, terutamanya dari Negeri Negeri Melayu. Majalah-majalah yang diterbitkan oleh Kaum Muda tidak dibenarkan untuk beredar di negeri-negeri tersebut. Akibatnya, gerakan pembaharuan ini berkembang di Negeri Negeri Selat, iaitu di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang. Salah satu daripada gerakan Kaum Muda ini ialah menyeru masyarakat Melayu (Islam) agar dapat menilai sesuatu aspek hidup dengan menggunakan akal dan membuat tindak-tanduk berdasarkan al Quran dan al-Hadis.<sup>1</sup> Sebagai pengikut yang terpengaruh dengan ajaran Sycikh Muhammad Abdurrahman, atau Pan-Islamisme, mereka menyeru agar orang Melayu terus bergerak maju dalam bidang pendidikan sesuai dengan perubahan dan peredaran zaman. Tujuannya, sebagaimana yang ditulis oleh Sycikh Muhammad Salim al-Kalali di dalam rencana pengarang majalah *Al-Imam*, "mengingatkan mana yang laik dan menjagakan mana yang tidak dan memunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebijakan".<sup>2</sup> Melalui majalah *Al-Imam*, beberapa bentuk pembaharuan yang disuarakan oleh Kaum Muda ini termasuklah:

- (a) Menyeru agar orang Melayu bersatu kembali untuk mengatasi segala kemunduran mereka dan penguasaan bangsa asing terhadap diri mereka.
- (b) Menyeru agar orang Melayu menggunakan akal sebaik yang mungkin, dan Islam tidak menentang ilmu pengetahuan sebagaimana yang diperolehi dunia Barat, sebaliknya haruslah tunduk dan patuh dengan undang-undang dan semangat Islami

sebagai suatu jalan untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

- (c) Menyeru orang Melayu terutama raja-raja dan pemimpin masyarakat agar menubuhkan persatuan untuk meninggikan taraf ekonomi, pendidikan dan kesedaran diri.
- (d) Menyeru orang Melayu agar menghilangkan adat-adat yang sudah tidak bersesuaian dengan Islam dan keadaan semasa. Seterusnya ulama-ulama yang mengajarkan ajaran yang tidak betul hendaklah disedarkan dan mengetahui akan tanggungjawab mereka.
- (e) Menyeru agar satu pembaharuan pada sistem pendidikan Islam hendaklah diperkenalkan. Sistem pendidikan Islam hendaklah didasarkan kepada pengajaran rukun dan hukum yang benar. Sistem pendidikan moden hendaklah diajarkan misalnya bahasa Arab dan bahasa Inggeris, dan pelajar-pelajar hendaklah digalakkan agar pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pendidikan.'

Sebagai seorang ulama yang terkenal, beliau mula melihat kehidupan masyarakat Melayu berada dalam dilema. Mereka masih lagi terbelenggu dengan nilai-nilai tradisional yang konservatif, sikap hidup yang tertutup, yang tidak memperlihatkan kemajuan dan sistem ekonomi yang mapan. Mereka takut untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris kerana bentuk pelajaran di sekolah ini dihubungkaitkan dengan agama Kristian yang kebetulan pada waktu itu sekolah ini dinaungi oleh gereja Katolik, Protestan dan Metodis. Ketiadaan nilai ekonomi dalam pelajaran Melayu dan agama menyebabkan orang Melayu tidak berupaya untuk hidup setanding dengan bangsa yang lain. Demikian juga nasib perempuan Melayu tidak dipedulikan oleh masyarakat. Anak-anak perempuan tidak

diberi pendidikan yang sewajarnya untuk bersaing dengan kaum lelaki bangsa yang lain. Pahaman yang lapuk ini juga menjadikan kaum wanita semasa dipingit, tidak diberi kebebasan apatah lagi keluar rumah walaupun untuk menuntut ilmu. Anak-anak perempuan yang telah tamat sekolah Melayu akan dicarikan jodoh oleh orang tuanya. Kedua-dua ini membimbangkan golongan yang inginkan perubahan dan pembaharuan. Akibatnya, wanita hanya layak untuk tinggal di rumah dan tidak diperlukan di luar sana.

Syed Syeikh al-Hadi menyedari salah satu cara untuk menyelesaikan kemelut umat Islam dan juga nasib perempuan Melayu di Tanah Melayu ialah melalui media cetak dan menubuhkan sekolah-sekolah agama. Antara usaha usaha yang dilakukan oleh Syed Syeikh al-Hadi termasuklah menubuhkan sekolah sekolah agama, menulis di akhbar dan juga melalui sastera khususnya penulisan novel. Beliau telah membenarkan anak-anak perempuan Melayu untuk mendapatkan pendidikan di sekolah yang pernah ditubuhkan, misalnya di Madrasah al-Iqbal di Seligi Road (1907), Singapura; Madrasah al-Hadi (1917) di Melaka; dan Madrasah al-Mashoor (1919) di Pulau Pinang. Beliau juga telah mengarang karya-karya yang berunsur keagamaan, dan bukunya yang sangat terkenal ialah *'Ugama Islam dan I'ikad'* (1931) dan *'Islam Perempuan'* (1930). Di dalam buku *'Ugama Islam dan I'ikad'*, beliau banyak membicarakan tentang perlunya umat Islam, tidak kira lelaki atau perempuan, menggunakan akal yang rasional untuk mencari kebenaran. Beliau menegaskan bahawa agama Islam cukup sempurna, lengkap dan memenuhi keperluan manusia sepanjang zaman. Beliau juga berfikiran kritis terhadap kejadian Tuhan di alam maya ini. Buku *'Islam Perempuan'* banyak menyentuh tentang perlunya wanita Melayu (Islam) menggunakan akal yang sempurna, pelajaran yang betul dan pengetahuan yang mendalam untuk menjalani kehidupan sebagai wanita Muslim yang sebenarnya.

Melalui penulisan novel, kita dapat perhatikan bentuk reformasi Islam yang diperjuangkan oleh Syed Syeikh al Hadi. Salah satu unsur reformasi Islam yang diperjuangkan oleh Syed Syeikh al-Hadi ialah emansipasi wanita. Emansipasi wanita Islam merupakan satu usaha untuk mengembalikan taraf wanita yang selayaknya sebagaimana yang digariskan dalam al-Quran dan al-Hadis. Unsur unsur emansipasi wanita yang diperjuangkan ialah persoalan pemilihan jodoh, pendidikan, tanggungjawab wanita kepada bangsa dan negara, pergaulan dan pakaian. Syed Syeikh al-Hadi banyak terpengaruh dengan pemikiran, perjuangan, gaya penulisan dan cita-cita murni Syeikh Muhammad Abdoh dan Qasim Amin. Qasim Amin merupakan seorang murid Syeikh Muhammad Abdoh dan beliau memperjuangkan hak-hak emansipasi wanita dan seterusnya diikuti oleh Syed Syeikh al Hadi menerusi karyanya *Hikayat Faridah Hanum* dan *Islam Perempuan*. Hal ini terjadi sewaktu beliau menuntut di Mesir pada tahun 1895 di bawah pimpinan Syeikh Muhammad Abdoh. Pada waktu inilah juga beliau menyaksikan perubahan yang berlaku di Mesir yang banyak terpengaruh dengan gerakan Islamisme dan fikiran moden untuk pembangunan sosioekonomi umat Islam seperti yang dianjurkan oleh Syeikh Muhammad Abdoh. Sekembalinya dari Mesir, beliau berusaha untuk mengembangkannya di Tanah Melayu. Beliau menggunakan majalah-majalah seperti *Al-Imam*, *Al-Ikhsan* dan *Sanduni* dan juga melalui penulisan kreatif untuk menyampaikan fikiran dan tanggapannya tentang Islam yang sebenarnya.

Gerakan untuk memartabatkan kaum wanita mengikut acuan Islam yang diperkenalkan oleh ulama Islam ini berlainan dengan gerakan feminism dari Barat. Gerakan feminism dari Barat tidak dapat dipisahkan dari dua hal, iaitu menuntut status sama rata antara lelaki dengan wanita serta memecahkan monopoli lelaki. Sebaliknya, dalam Islam hal yang berkaitan dengan dua asas tersebut sudah jelas sejak abad ke-6 hingga abad ke-7 lagi (*Berita Harian*, 21 April 1997). Dalam Islam tiada penindasan ke atas wanita mahupun lelaki ataupun

wujudnya diskriminasi jantina. Sebaliknya, hal yang terjadi disebabkan kurangnya pemahaman yang mendalam tentang Islam.

Sejarah Islam telah membuktikan bahawa lelaki dan wanita saling berganding bahu untuk memperkembangkan syiar Islam. Usaha-usaha ini dilakukan termasuklah dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan ketenteraan. Keadaan ini menunjukkan agama Islam bukanlah penghalang bagi wanita Islam untuk meninggikan kedudukan mereka, baik di mata masyarakat maupun di sisi Khaliknya. Wanita wanita Islam yang telah mencipta nama termasuklah Khadijah sebagai simbol kekayaan wanita Islam, Fatima az-Zahra sebagai simbol kesucian wanita dan Rabiah al-Mawiyah sebagai simbol ketaatan kepada Allah.

Di Asia Tenggara, tokoh yang sangat terkenal ialah Raden Adjeng Kartini. Beliau telah melihat bangsanya jauh ketinggalan berbanding bangsa yang lain terutama dalam kalangan wanita. Kehadiran Kartini sebagai seorang wanita memperjuangkan hak hak mereka memberi makna yang besar kepada kaum wanitanya. Sungguhpun gerakan emansipasi wanita bermula di Jawa tetapi perkembangannya yang agak menarik berlaku di Sumatera Barat. Tokoh yang terkenal yang memperjuangkan emansipasi wanita ialah Rahmah El Yunusiyah. Kejayaannya memajukan pendidikan dalam kalangan wanita menyebabkan beliau digelar sebagai "Kartini Gerakan Islam". Menurut Tamim Djaja (1980: 98), usahanya yang terkenal ialah dengan mengadakan sekolah agama khusus untuk wanita, iaitu Diniyah Puteri Padang Panjang, Sumatera Barat. Jelastinya, Rahmah El Yunusiyah lebih beruntung daripada ibu Kartini kerana beliau dapat mewujudkan cita citanya dan dapat melihat sendiri hasil usahanya. Tokoh wanita yang lain ialah Rohana Kudus. Beliau telah mendirikan sekolah untuk kaum perempuan yang diberi nama Kerajinan Amai Setia. Berdasarkan perkembangannya yang begitu menarik, ramai wanita dari Tanah Melayu yang bersekolah di sana,

misalnya Hajah Aisyah Ghani dan Shamsiah Fakih. Selepas menamarkan pengajiannya (1936–1939), Hajah Aisyah Ghani telah mendirikan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) untuk membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan wanita Melayu di Tanah Melayu. Shamsiah Fakih juga menganggotai AWAS dan beliau merupakan seorang tokoh yang kontroversi di Tanah Melayu. Kedua-dua tokoh ini pernah mendapat pendidikan di Diniyah Puteri, Padang Panjang. Adanya wanita Melayu yang berusaha untuk mendapat pendidikan tinggi dan seterusnya bergerak secara langsung dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air adalah kesan perjuangan seorang tokoh ulama reformis Melayu. Beliau ialah Syed Syeikh al-Hadi. Kejayaan yang paling besar Syed Syeikh al Hadi ialah pelopor emansipasi wanita Islam di Tanah Melayu.



Novel *Hikayat Faridah Hanom* dalam pelbagai versi teksan rumi lama dan baru;

*Audiobook*: Lubbi Amanah, *Viral Syeikh al Hadi: Sistematisasi Program Meainn*, 1992.

Persoalan emansipasi wanita Islam dapat dilihat dalam novelnya, iaitu *Faridah Hanom*. Idea ini dapat dilihat dalam novelnya seperti berikut:

Apabila Shafik Afandi mendengar perkataan kekasihnya yang demikian itu, mengetahui ia nya bahwa kekasih nya ini sa orang daripada perempuan yang mempunyai perasaan menentut akan kebebasan perempuan.

(*Faridah Hanom*; 132)

Perjuangan Syed Syeikh al-Hadi ini dapat dilihat dalam novelnya itu melalui watak Faridah Hanom. Beliau telah memperkembangkan watak Faridah Hanom sebagai seorang wanita Islam yang memperjuangkan cita-cita emansipasi wanita Islam. Bentuk perjuangan ini dapat dilihat melalui tindakan dan pemikiran Faridah Hanom. Perjuangan Syed Syeikh al-Hadi sebagai seorang ulama Islam yang progresif telah berusaha untuk mengembalikan semula taraf wanita yang sebenarnya mengikut ajaran al-Quran dan al-Hadis. Mengikut ajaran Islam yang sebenar, tidak ada unsur diskriminasi yang melibatkan unsur jantina. Sebaliknya, orang yang paling mulia di sisi Khaliknya adalah orang yang bertakwa. Tidak ada satu pihak pun yang lebih unggul berbanding yang lain, kecuali yang benar-benar tuar kepada Allah. Hal ini dapat dilihat dalam terjemahan al-Quran seperti berikut:

Barangsiaapa mengerjakan amal saleh, baik lelaki maupun wanita dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan kami berikan kepadanya kehidupan yang baik, dan sesungguhnya akan kami beri mereka balasan dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.

(al Quran; 16: 97)

Syed Syeikh al-Hadi telah berusaha untuk memartabatkan kedudukan wanita. Usaha yang dilakukan olehnya termasuklah:

### (a) Hak pemilihan jodoh dalam kalangan wanita Islam

Hal ini disebabkan dalam masyarakat Melayu, persoalan pemilihan jodoh adalah menjadi hak orang tua sedangkan di pihak anak gadis hendaklah patuh kepada pilihan orang tua mereka. Sebagai seorang ulama progresif, beliau telah menyedarkan kembali umat Islam bahawa dalam Islam sememangnya hak wali adalah menjadi milik ayah atau saudara mereka tetapi dengan syarat gadis tersebut bersetuju calon suaminya. Andai kata gadis tersebut tidak menerima pernikahan tersebut, maka pernikahan tersebut tidak sah (*Faridah Hanom*: 105). Persoalan inilah yang diungkapkan oleh Syed Syeikh al-Hadi melalui watak Faridah Hanom. Faridah Hanom dengan jelas tidak bersetuju perkahwinannya dengan Badaruddin Afendi secara paksa oleh ayahnya. Hal ini disebabkan calon suaminya itu tidak bersesuaian dengan kehendak hatinya kerana bakal suaminya itu seorang penjudi dan pemimum. Lagipun Faridah Hanom telah pun mempunyai bakal suami atas pilihannya sendiri, iaitu Shafik Afandi. Beliau telah memprotes perkahwinan tersebut dan tidak menyerahkan perawannya kepada suaminya. Hal ini dapat dilihat melalui dialognya seperti berikut:

Dan jika di-jamah nyi badan ku tentulah aku membunuh diri ku sebab  
tiada sekali kali aku redha aku bertakikin orang yang tuhi arak sa lungga  
memehalkan setia aku dengan Shafik Afandi.

(*Faridah Hanom*: 212)

Shafik Afandi telah menulis di dalam surat khabar *al-Umm* tentang satu pertanyaan yang berkaitan dengan hukumnya seorang bapa menikahkan anak gadisnya tanpa persetujuan daripada gadis itu. Dan apakah hukumnya jika gadis itu tidak redha tentang pernikahan itu dengan cara tidak menyerah dirinya kepada lelaki itu?

Kemusykilan Shafiq Afandi itu dijawab oleh Mufti Mesir yang disiarkan di akhbar *al-Hizam* yang dibaca oleh Faridah Hanom:

Pertanyaan tuan yang buan tanya di dalam surat khabar al-Almun yang chemberang dalam perkara sa orang bapa ménikahkan anak perempuananya yang telah di-ketahuinya anak nya itu tidak suka, dan tidak redha akan laki-laki itu hingga pertamaan tuan itu, maka jawabnya ménurut hukum agama Islam yang maha suci, nikah itu tiada sah sa kali kali. Wajib lah di atas hakim memaksa di atas laki-laki itu meninggalkan perempuan yang di sangka nya istri-nya itu. (MULTI KERJA VAN MESIR)

(Faridah Hanom: 241)

Dalam hubungan ini, Syed Syeikh al Hadi ingin menegaskan bahawa kahwin paksa yang berlaku dalam masyarakat Melayu pada waktu itu adalah tidak bersesuaian dengan ajaran Islam. Kebenaran ini dapat dilihat dalam satu riwayat yang disebutkan bahawa seorang perempuan muda mengadu kepada Nabi Muhammad saw.w. bahawa ayahnya telah menikahkan dia dengan sepupunya tanpa persetujuannya sendiri. Nabi Muhammad saw.w. telah memberi kebebasan kepadanya untuk membatalkan perkahwinan tersebut. Kemudian perempuan itu menjawab;

Saya menerima apa yang ayah saya putuskan tetapi saya ingin menunjukkan bahawa keputusan untuk menikah ini berada di tangan perempuan bukan berada di tangan ahli mereka (Hasan Hafizah 1994: 127).

### **(b) Pendidikan untuk anak-anak perempuan**

Di dalam *Faridah Hanom*, Syed Syeikh al Hadi juga memperjuangkan tentang perlunya pendidikan dalam kalangan anak-anak perempuan Islam. Hal ini disebabkan dalam masyarakat Melayu pada waktu itu tidak mementingkan pendidikan anak perempuan, sedangkan pelajaran merupakan satu cara yang terbaik untuk meninggikan dan

memartabatkan kaum wanita Islam. Dalam hubungan ini, Syed Syeikh al-Hadi sendiri membina sekolah-sekolah agama dan membenarkan anak-anak perempuan untuk mendapat pendidikan sesuai dengan tuntutan agama Islam sendiri." Di dalam *Faridah Hanom*, beliau menggambarkan Faridah Hanom sebagai seorang wanita Islam yang berusaha untuk meninggikan pendidikan wanita Islam. Menurut Faridah Hanom, melalui pemberian hak yang setaraf dalam bidang pendidikan, kaum wanita Islam akan memperoleh kejayaan dan kesempurnaan hidup sesuai dengan tuntutan Islam. Faridah Hanom bersedia mengorbankan barta bendanya untuk meninggikan martabat wanita Islam. Menurut Faridah Hanom, umat Islam menjadi umat yang mundur disebabkan kurangnya semangat untuk menderma, terutama golongan korporat Islam, untuk membantu saudaranya dalam lapangan agama Islam.

### **(c) Hak untuk bergiat dalam bidang politik**

Wanita Islam juga mempunyai hak untuk turut terlibat dalam membicara dan bergiat dalam bidang politik. Salah satu ayat al-Quran yang sering kali dikemukakan oleh para pemikir Islam dalam kaitan dengan hak-hak politik kaum perempuan adalah yang tertera dalam surah al-Tawbah ayat 71:

Dan orang-orang beriman, lelaki dan perempuan sebagian mereka adalah awliya' bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh untuk mengerjakan yang ma'ruf, mencegah yang mungkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan mereka taat kepada Allah, dan Rasul Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Bijaksana.

Secara umum ayat di atas difahami sebagai gambaran tentang kewajipan melakukan kerjasama di antara lelaki dengan wanita dalam semua aspek kehidupan dan salah satu cara ialah melalui bidang politik. Persoalan keterlibatan wanita Melayu dalam bidang politik

dan pemerintahan bukanlah sesuatu yang baru. Dalam masyarakat Melayu, hal ini dapat dilihat baik melalui bidang kesusasteraan Melayu lama ataupun melalui sejarah yang sebenarnya dalam sesebuah kerajaan Melayu di Nusantara. *Hikayat Patani* menceritakan bahawa Patani pernah diperintah oleh raja-raja wanita, misalnya sejak tahun 1584 bermulaah zaman pemerintahan raja-raja wanita, dimulai dengan Raja (I)Ijau (1584–1616), diikuti Raja Biru (1616–1624), Raja Ungu (1624–1635), dan Raja Kuning (1636–1688) (Muhammad Yusuf Hashim 1992: 288). Dalam pemerintahan kerajaan Aceh didapati memang ada Sultan daripada golongan perempuan yang memerintah Aceh selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani. Kitab *Taj al-Salatin* telah mempengaruhi sikap penting besar Aceh pada masa itu untuk memilih seorang perempuan menjadi raja. Kitab tersebut ada menyatakan jika sebuah negeri tiada mempunyai keturunan putera raja lelaki, seorang perempuan bolehlah dilantik menjadi raja. Kebetulan Sultan Iskandar Thani mangkat tanpa meninggalkan anak, jadi, isterinya yang juga anak kepada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dijadikan raja bergelar Sir Sultan Muda Mahkota Alam (Abu Hassan Sham 1993: 499). Dalam *Hikayat Hang Tuah* diceritakan bagaimana Raja Melaka telah melantik anaknya yang perempuan, iaitu Puteri Gunung Ledang, untuk memerintah Melaka menggantikannya. Ini disebabkan Raja Melaka ingin mengembala menjadi seorang "darwis" dan kesihatannya yang kurang mengizinkan untuk memerintah Melaka.

Berdasarkan beberapa contoh di atas jelaslah menunjukkan bahawa wanita dalam masyarakat Melayu telah pun mempunyai kedudukan yang begitu istimewa dalam bidang pemerintahan sesebuah negara yang berdaulat. Namun demikian, kedudukan istimewa ini mula tergugat selepas kedatangan penjajah. Penjajah cuba untuk memisahkan wanita daripada terlibat dalam urusan politik. Hal ini dijalankan dengan dasar untuk melangsungkan sistem kolonialisme di Tanah Melayu. Syed Syeikh al Hadi menyedari

tentang kelemahan ini dan beliau ingin menampilkkan bahawa wanita Islam juga mempunyai hak dalam sesbuah negara untuk turut terlibat dalam urusan pemerintahan sesbuah negara. Idea ini diungkapkan melalui tokoh Faridah Hanom yang sangat sedih dengan apa yang terjadi dalam negaranya sebab diperintah oleh bangsa lain. Masalah yang terjadi kepada wanita Muslim bukan sahaja disebabkan oleh penjajah tetapi juga disebabkan pandangan yang terlalu cetek dalam kalangan umat Islam sendiri dan ketua kerajaan yang menyebabkan mereka tidak dapat memerintah sendiri. Pemikiran ini dapat dilihat seperti berikut:

Faridah Hanom berkata kata ini saumpama ayer yang deras nadu terdaham sedikit juu pun dengan metal padam warna muka nya serta berlinang likung ayer mata nya oleh teringatkan kaum dan bangsa dari tanah ayer nya di dalam pemerintahan bangsa yang lain kerana kebodohan orang besar-besar dan ketua ketua agama nya yang telah meninggalkan perkataan Allah dan Rasul nya berpegang kepada segala orang yang tidak diturunkan oleh Tuhan walaup wajib na nya yang telah membawa perihal b�ih kaum Islam ini di dalam perkara ugama dan perkara dunia nya.

(Faridah Hanom 1964: 135)

#### **(d) Hak untuk berpakaian**

Di dalam novel ini juga Syed Syeikh al Hadi telah cuba untuk menggambarkan seorang perempuan yang moden. Kemodenan ini dapat dilihat tentang cara berpakaian yang ala kebaratan. Menurutnya, budi pekerti seseorang terutamanya wanita tidak boleh diukur dengan hanya melihat cara berpakaian. Hal ini dapat dilihat dengan cara berpakaian Faridah Hanom yang kebaratan tetapi beliau masih mampu untuk menjaga kesucianya sebagai seorang wanita Muslim. Tokoh Faridah Hanom diidentifikasi oleh pengarang yang meliputi kesempurnaan sebagai wanita moden, iaitu pandai berhujah, bercita cita tinggi, berani menegakkan kebenaran, mendapat

pendidikan Perancis, cantik dan bersopan kepada kedua dua orang tuanya, pengasulnya dan kawan-kawannya yang lain.

### (c) Hak untuk bebas bergaul

Di dalam novel ini juga, Syed Syeikh al Hadi cuba untuk mengungkapkan perlunya kebebasan bergaul di antara lelaki dengan perempuan asalkan tidak melanggar batas-batas keagamaan yang telah ditetapkan. Wanita berhak bergaul dengan lelaki untuk membincangkan segala masalah yang ada hubungan dalam bidang kehidupan misalnya sosial, politik, ekonomi dan perundungan. Hal ini dapat dilihat dengan kesungguhan Faridah Hanom membincangkan masalah umat Islam dengan kekasihnya Shafik Afandi.

Emansipasi yang dipaparkan itu tidak bertepatan dengan Islam. Contoh yang paling jelas jalah aspek yang berhubung dengan cara berpakaian dan pergaulan yang menyalahi norma dan hukum-hukum Islam yang telah disepakati oleh ulama Islam. Faridah Hanom berpakaian ketat dan pakaian tersebut menyerupai kulitnya dengan alasan untuk menduga keimanan Shafik Afandi. Gambaran ini dapat dilihat melalui petikan seperti berikut:

Asapan Faridah Hanom si peninggalan dayang nya keluar itu, di kuarannya laju pakaiannya dari dalam bungkusannya itu laju memakai seluar yang sempit dan sa batik dengan kulit badan nya serta sama warnanya dengan warna kulit tubuh nya dan dia pakai nya pula baju yang sama dengan warna seluar nya sa batik dan sama sekali dengan warna kulit nya sa hingga stapa-sapa yang melihat ia nya memakai seluar dan baju itu daripada ia bukunya berkata la ia, Faridah Hanom itu berjelamang, tidak ada tempur yang bolch di sangka ia nya memakai baju melanjang daripada kedua susu nya yang sa ampania gading di larek itu menerima dan menolak akan baju nya.

(Faridah Hanom: 72)

Islam telah jelas menganjurkan umatnya untuk cuba mengelakkan daripada timbulnya fitnah. Di dalam hukum Islam telah jelas mengatakan bahawa kehormatan wanita perlulah dijaga dan sangat dituntut. Salah satu cara untuk mengelakkan hal tersebut ialah dengan tidak melibatkan wanita Muslim melakukan perkara perkara yang menimbulkan fitnah. Perbuatan yang dilakukan oleh Faridah Hanom itu akan menimbulkan fitnah yang besar dan secara langsung akan menjatuhkan kehormatan dirinya. Demikian juga pergaulannya dengan kekasihnya itu, misalnya keluar dari rumah tanpa pengetahuan orang tuanya dan bergaul secara bebas sudah terkeluar daripada landasan Islam yang sebenarnya (Iblm, 249). Di dalam perundangan Islam telah jelas mengatakan pergaulan lelaki dan wanita dibenarkan dengan syarat tidak menyalahi hukum-hukum syarak yang dibenarkan.

Syed Syeikh al Hadi terpengaruh dengan aliran liberalisme yang sedang berkembang di Mesir pada masa tersebut. Ini disebabkan Mesir sangat dekat dengan negara Perancis yang telah mempengaruhi aliran ini ke negara Mesir. Sungguhpun demikian sumbangannya untuk memariabatkan wanita Islam tidak boleh diperkecilkan kerana bentuk bentuk emansipasi wanita yang diperjuangkan itu ada yang bertepatan dengan tuntutan Islam, misalnya hak untuk memilih jodoh, mendapat pendidikan, hak untuk berpolitik, hak untuk mendapat keadilan dan hak untuk bersuara.

Jelasnya, *Fariyah Hanom* tetap memberi kepentingannya yang tersendiri sesuai dengan zamannya. Buktiya, penulis-penulis Melayu selepas Syed Syeikh al Hadi mula membicarakan emansipasi wanita Islam, misalnya dalam karya Ahmad Rashid Talu *Lakab Sahabat* (1929), Haron Aminurrashid *Mehor Kuala Lumpur* (1930) dan *Mehdi Kota Baharu* (1939) oleh Abdul Kadir Adabi. Novel *Fariyah Hanom* masih memberikan watak dan latar kehidupan di Timur Tengah terutamanya di Mesir tetapi novel-novel yang ditulis oleh pengarang

selepasnya, watak, latar dan tema berdasarkan kepada kehidupan yang sebenarnya di Tanah Melayu.

Berdasarkan buraian tersebut jelaslah menunjukkan bahawa Syed Syeikh al Hadi merupakan seorang nasionalis agama yang telah berusaha untuk mengangkat darjah kaum wanita. Kejayaannya yang paling besar ialah sebagai seorang perintis yang mampu untuk mengutarakan pemikirannya tentang emansipasi wanita melalui pembubuhan sekolah-sekolah agama untuk anak-anak perempuan, menulis buku-buku yang membicarakan tentang perlunya nasib wanita diperbaiki dan juga melalui penulisan hikayat. Berdasarkan hakikat tersebut, maka tidak hairanlah tindakan dan pemikirannya itu telah mempengaruhi penulis-penulis selepasnya yang ikut membincangkan tentang emansipasi wanita dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Namun ada unsur emansipasi wanita yang cuba ditonjolkannya tersasar daripada ajaran Islam yang sebenar.

## Nota

1. Li Chuan Sin, *Uktilar Kemajuan Melayu Raya 1830-1915* (Kuala Lumpur: Pustaka Amara, 1972), 29.
2. Yahaya Ismail, *Muzakkif Melayu Pada Perang* (Kuala Lumpur: Dinamika Kreasi, 1978), 15.
3. Istilah "Kaum Mod" dan "Kaum Tua" mula digunakan di Sumatera Barat sejak Perang Padri 1821-1837. Perang ini merupakan perang saudara di antara golongan penentang adat dengan golongan penegak adat. Kaum Muda merupakan istilah yang digunakan untuk penentang adat dan Kaum Tua untuk penegak adat. Gerakan pembaharuan Islam di Minangkabau dimulai ketika tiga orang ulama kembali dari Mekah pada tahun 1893, iaitu Haji Miskin, Haji Sumanik, dan Haji Probung. Mereka membawa sabarunti pembaharuan agama Islam dari Mekah yang disebutkan kancil Wahabi. Taham Wahabi adalah gerakan pemurnian agama Islam dengan tujuan untuk membersihkan agama Islam daripada anastis bidehah. Lihat *Ajarah Dariul Samadani Berau* (1976). Projek Penelitian dan Penentatan Kehidupan Dariul (Padiang: HKLP Padang, 1976), 64.
4. William R. Roff, *Nationalism Melayu* (terj. Ahmad Boestaman) (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1977), 71.
5. William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, 72-74.

6. Yahaya Ismail, *Mazhab Melayu Pulau*, 16-17.
7. Talib Samat, *Syed Syeikh al-Hadi: Sasteran dan Pengaruh Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 94.
8. Hasan Hawthi, *Revolusi Sekual Perempuan: Ghatiri dan Gereja-gereja Tengah Islam* (Bandung: Mizan, 1994), 27.
9. Talib Samat, *Syed Syeikh al-Hadi: Sasteran dan Pengaruh Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 42.

## Bibliografi

- Abu Hassan Sham, "Kesusasteraan Melayu Tradisional", Di dalam *Naskah Undang-Undang dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Adjeng Kartini Lambang Perjuangan Kaum Wanita. *Berita Harian*, 9 Januari 1997.
- Al-Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi. *Faridah Hanum*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1964.
- Li Chuan Siu. *Ikkibisar Kesusasteraan Melayu Baru 1830-1945*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1972.
- Mawar Shafei, "Syed Syeikh al-Hadi Reformis Novel Melayu". *Dewan Sastera*, Mei 1996.
- Muhammad Yusof Hashim. *Pengaruh Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Salbiah Ani. "Feminis Perlu Faham Peradaban Islam". *Berita Harian*, 21 April 1997.
- Sejarah Daerah Sumatera Barat*. Proyek Penelitian dan Penerjemahan Kebudayaan Daerah. Padang: IKIP Padang, 1976.
- Talib Samat, *Syed Syeikh al-Hadi: Sasteran dan Pengaruh Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Tamar Djaja. *Rabona Kaduz: Srikantri Indonesia*. Jakarta: Mutiara, 1980.
- William R., Roff. *Nasionalisme Melayu* (terj. Ahmad Boestaman). Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975.
- Yahaya Ismail. *Mazhab Melayu Pulau Pinang*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif, 1978.

## **Strategi Retorik dalam *Faridah Hanom***

*Abdul Rahman Yusof*

---

**F**ikajat *Faridah Hanom* atau *Nedah Ashuk kipade Mausabak-nya* atau *Faridah Hanom*, secara ringkas mula diterbitkan di Pulau Pinang dalam dua jilid—Jilid I dalam tahun 1925, manakala Jilid II diterbitkan dalam tahun berikutnya, iaitu 1926. Edisi kedua, Jilid I diterbitkan dalam tahun 1927, sementara edisi kedua Jilid II muncul dalam tahun 1928. Kedua-dua jilid edisi kedua ini diterbitkan oleh Jelutong Press, syarikat percetakan kepunyaan Syed Syeikh al Hadi sendiri. Edisi ketiga novel ini diterbitkan dalam empat penggal oleh Qalam, Singapura dengan penggal pertamanya diterbitkan pada bulan November 1950 sedang penggal penggal berikutnya tidak diberi tarikh terbitannya. Edisi pertama dalam huruf rumi diterbitkan pada tahun 1964 oleh Pustaka Antara dan sejak itu telah diulang cetak beberapa kali. Kajian ini menggunakan edisi rumi yang diterbitkan oleh Pustaka Antara itu.

Suatu hal yang cukup menarik apabila memperkatakan novel ini ialah tuntutan bahawa ia adalah novel saduran. Setakat yang dapat dijejaki, tuntutan pertama mengenai perkara ini dibuat oleh Za'ba lewat catatannya "Modern Developments" yang menjadi pelengkap kepada karya R. O. Winstedt, *History of Malay Literature*. Walaupun novel ini dikatakan saduran daripada novel Arab, tidak pula disebut sumber asli dalam bahasa Arab mahupun pengarangnya. Sejak kenyataan itu dibuat, setiap tulisan mengenai *Faridah Hanom* atau Syed Syeikh al-Hadi akan menyebut novel itu sebagai novel saduran dan Syed Syeikh al-Hadi sebagai penyadurnya. Barangkali kerana wibawa Za'ba atau kita memang tidak kritis, kenyataan awal itu diterima bulat-bulat tanpa ada usaha untuk menelusuri karya asli yang dikatakan oleh Syed Syeikh al-Hadi.

Begitulah apabila Yahaya Ismail memberi ceramah di Indonesia pada tahun 1968, beliau ditanya oleh H. B. Jassin tentang novel asli yang disadur oleh Syed Syeikh al-Hadi, beliau tidak dapat memberi jawapan. Hasil daripada peristiwa itu Yahaya Ismail menulis sebuah esei dalam *Dewan Masyarakat* (Jun 1968) berjudul "*Hikayat Faridah Hanom* Memerlukan Kajian Semula". Dalam tulisan itu beliau mengemukakan dua hipotesis. Hipotesis pertama: *Faridah Hanom* ialah karya asli Syed Syeikh al-Hadi. Beliau sampai kepada kesimpulan itu berdasarkan hakikat Syed Syeikh al-Hadi pernah ke Mesir, boleh berbahasa Arab dan pernah menjadi murid Syeikh Muhammad Abdur. Berdasarkan fakta itu apakah tidak mungkin hasil daripada pengalaman, pengetahuan dan imaginasi beliau menghasilkan novel *Faridah Hanom*? Jika Pearl S. Buck dan Hemingway boleh melukiskan watak-watak yang lain (*the Other*) secara meyakinkan kenapa tidak Syed Syeikh al-Hadi? Hipotesis kedua: Syed Syeikh al-Hadi memilih watak dan latar belakang asing untuk mengelakkkan kemarahan masyarakat Melayu yang ortodoks terhadap isu-isu yang ditimbulkan.

Tulisan Yahaya Ismail ini mendapat sambutan daripada Ismail Ibrahim. Menurut Ismail Ibrahim tidak mungkin *Faridah Hanom* sebuah karya asli berdasarkan bukti-bukti dalaman yang terdapat pada novel itu. Dari segi tema, kata Ismail Ibrahim, novel ini "mengemukakan kisah cinta suci mengikut lunas-lunas ajaran Islam". Dari sudut watak, watak-watak yang bernama Bey, Hanom dan Basha adalah gelaran yang biasa diberi kepada golongan yang termama dan bangsawan dan cara "mereka mencampur dan bergaul mengikut tradisi Mesir". Seterusnya dari segi dialog Ismail Ibrahim berpendapat:

Dialog dialog dan aliran-aliran bahasa ... ternyata sekali pengaruh Arab yang mendalam dan original. Segala sunnah dan doa serta ayat-ayat yang panjang dengan menggunakan kata-kata sitin, kata-kata partikel dan gambaran yang banyak adalah merupakan sifat-sifat bahasa Arab dan penggunaan yang sistematis mengikut kaedah tanabahasa Arab.

Dari sudut latar belakang novel ini pula Ismail Ibrahim berpendapat kesemua tempat yang disebut dalam *Faridah Hanom* adalah tempat-tempat yang terkemuka di Mesir dan adalah tidak mungkin Syed Syeikh al Hadi yang hanya sempat berkunjung ke sana beberapa kali dapat memberikan gambaran yang begitu mendalam dan terperinci jika novel ini adalah karangannya sendiri. Sebagai kesimpulan beliau menulis:

Novel ini ditulis oleh seorang penulis yang mengetahui sejarah perkeembangan negara Mesir, sejarah pemberontakan kaum Darwish, sejarah Raja Abbas Hilmi Basha, dan penulis yang dalam badannya mengalir darah orang-orang Mesir dengan segala adat tradisinya, serta mengetahui segenap liku bandar Kaherah tua ... kemudian mengikuti perjuangan puai Huda Shabrawi tentang hak-hak kebebasan wanita serta pergerakan modernis Syeikh Muhammad Abdurrahman dalam bidang ajaran Islam yang lebih progresif; selain dari itu mempunyai sedikit sebanyak idea tentang Anatole France, pengarang Perancis yang pernah memenangi

badiyah novel [sic] bagi tahun 1921 yang disebut-sebutkan juga dalam *Faridah Hanom*.

Selanjutnya di akhir tulisannya itu Ismail Ibrahim menegaskan sekali lagi:

Saya yakin *Faridah Hanom* adalah novel saduran daripada bahasa Arab, dan dorongan yang mendorongkan Syed Syeikh al-Hadi menyadurkan novel ini ialah kerana idea dalam novel ini sesuai dengan ideanya yang progresif itu.

Apa yang menarik tentang kedua-dua tulisan Yahaya Ismail dan Ismail Ibrahim ini ialah kedua-duanya merupakan hipotesis dan kebenaran salah satu daripada pendapat itu hanya dapat diketahui apabila karya asli dari mana *Faridah Hanom* disadur ditemui, atau karya asli yang dikatakan ada itu memang tidak wujud. Bagi saya isu sama ada *Faridah Hanom* itu saduran atau tidak dan jika saduran karya mana yang disadurnya adalah isu yang perlu diselesaikan segera. Sayangnya setelah hampir 30 tahun isu ini ditimbulkan, tidak ada siapa yang dapat memberikan bukti empirik yang diharapkan. Isu ini penting kerana ia melibatkan etika ilmiah. Kalau bukti tidak ada, kita tidak boleh terus-menerus menyebut *Faridah Hanom* sebagai novel saduran. Begitu juga sejarah kesusastraan Melayu yang berulang-ulang menyebut perkara ini sebagai fakta perlu dibetulkan supaya para pelajar dan orang awam tidak terkeliru.

Terlepas daripada persoalan sama ada karya ini asli atau saduran, tidak dapat dinafikan bahawa *Faridah Hanom* adalah antara novel awal kita yang terpenting dan harus dimasukkan sebagai sebahagian daripada Kanun Kesusastraan Moden kita. Saya ingin menggaris-bawahi perkataan "kita" kerana walaupun watak dan latar belakang *Faridah Hanom* itu asing dalam bahasa Melayu dan kerana itu mestilah dianggap sebagai sebahagian daripada kepustakaan Melayu seperti mana *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Bayan Budiman* dan *Hikayat Ibrahim*.

*bin Adham* (sekadar menyebut beberapa contoh) adalah sebahagian daripada khasanah kesusastraan Melayu yang kaya.

Dengan mukadimah yang agak panjang itu marilah kita sekarang terus memasuki mauduk perbincangan yang sebenarnya, iaitu strategik retorik dalam *Faridah Hanum*. "Kenapa retorik, kenapa tidak teori lain?" saudara mungkin bertanya. Bukanakah banyak teori baru yang serba canggih yang boleh digunakan? Mengapa mengambil teori yang agak amuk itu? Jawapan saya: kenapa tidak? Hakikat bahawa ilmu retorik boleh bertahan hingga sekarang menunjukkan bahawa ilmu ini rahan diuji zaman. Benar, retorika asalnya digunakan oleh orang Yunani lebih daripada 2000 tahun yang lalu untuk menganalisis pidato dan wacana wacana lisan yang lain, tetapi perkembangannya yang terakhir yang dikenali sebagai Retorik Baru telah memperluaskan ruang cakupannya untuk memasukkan bukan sabaja komunikasi lisan dan tulisan tetapi juga lambang-lambang yang tidak dicecap atau dituliskan. Menurut Foss, retorik ialah "*the unique human ability to use symbols to communicate with one another*" (Foss et al. 1965: 11). Tercakup dalam definisi ini ialah contoh-contoh yang pelbagai seperti peguam yang berhujah di depan juri, seorang ahli sains yang mengemukakan teori kepada koleganya, seorang penulis lirik atau penyair yang berusaha mempengaruhi khalayak menyetujui sudut pandangannya hingga ke pelukis yang mencoretkan cat ke kanvasnya.

Kritikan retorik melihat sebuah karya sebagai satu cara untuk mencapai tujuan, di mana kaedah retorik digunakan untuk membujuk pembaca menerima sesuatu sudut pandangan dan selanjutnya bertindak menurut sudut pandangan yang dikemukakan. Dalam kritikan retorik sering dibezakan penulis sebenar (*biological author*) dan penulis tersirat (*implied author*). Kedua-duanya tidak semestinya identik. Persona atau etos penulis tersirat mungkin sekali berbeza dengan penulis sebenar. Yang penting bukan penulis sebenar tetapi penulis tersirat yang dapat dikenal pasti etosnya berdasarkan bukti

dalam teks itu sendiri. Begitu juga pembaca sesebuah novel, umpamanya, boleh jadi siapa sahaja tetapi pembaca yang tersirat (*implied reader*) yang menjadi sasaran penulis boleh diteka berdasarkan bukti-bukti dalam teks juga.

Untuk mencapai kesan yang dihajati, penulis mesti membuat pilihan daripada sekian banyak pilihan yang ada. Melalui pembacaan yang teliti (*close reading*) seorang pengkaji dapat menarik kesimpulan kenapa satu-satu pilihan dibuat oleh penulis yang berkenaan, apa reaksi yang diharapkan daripada pembacanya, peranan apa dia mahu pembacanya mainkan, apa strategi retorik yang digunakan untuk mendapatkan kesan yang dihajati—secara ringkas, apa saja persamaan yang dapat diwujudkan antara penulis dengan pembaca supaya mesej atau kesan yang dihajati tersebut tercapai.

Dalam kes *Fariyah Hanum*, walaupun watak dan latar belakangnya asing, pengarang berjaya memikat hati pembaca lewat teknik penceritaan yang mirip kepada hikayat. Perlu disedari bahawa novel adalah genre baru dalam kesusasteraan kita. Sebelum itu terdapat hikayat, syair, pantun, gurindam dan bentuk-bentuk tradisional yang lain. Walaupun sering diperkatakan tentang perbezaan antara sastera tradisional dengan sastera moden pemisahannya tidaklah seradikal yang dikatakan. Seperti yang ditunjukkan oleh Tiwon (1985), pemisahan antara sastera tradisional dengan sastera moden tidak begitu tajam. Sebaliknya, banyak bukti menunjukkan bahawa terdapat kesinambungan yang jelas antara kedua-duanya.

Dari satu segi ini tidak dapat dielakkan. Bentuk novel yang baru itu harus diketengahkan lewat bentuk-bentuk sastera yang terbiasa oleh masyarakat Melayu. Dalam hal ini tarikan *sebenar* yang lama itu cukup kuat. Hal ini tidak sahaja berlaku dalam sastera tetapi juga berlaku dalam seni lain seperti seni lukis. Gombrich (1984) misalnya melaporkan satu kes yang melibatkan pelukis Cina di England.

Pelukis ini telah mengunjungi sebuah perdesaan Inggeris untuk melukis pemandangannya. Hosnya menjangka pelukis itu akan melukis landskap Inggeris tersebut ala Constable, pelukis realis Inggeris yang terkenal itu tetapi sebaliknya apa yang dihasilkan ialah sebuah lukisan landskap menurut norma norma lukisan Cina lengkap dengan suasana yang berkabus! Kenapakah hal ini terjadi? Tidak lain dan tidak bukan, kata Gombrich, kerana pelukisnya terikat dengan *sementara* asalnya, iaitu teknik lukisan Cina.

Wawasan Gombrich ini boleh kita terapkan apabila memperkatakan tentang novel-novel Melayu peringkat awal, termasuk *Faridah Hanom*. Dalam kes *Faridah Hanom*, judul sepenuhnya *Hikayat Faridah Hanom* atau *Sifat Isbek kapada Mousbak-nya* menghantarkan isyarat bahawa cerita ini adalah sebuah hikayat (yang secara tersirat haruslah memenuhi norma norma sebuah hikayat) sementara judul keduanya menyediakan kita kepada sebuah kisah cinta yang unggul. Dengan kata-kata lain ini adalah kontrak penulis dengan pembacanya.

Apakah kontrak ini terpenuhi? Dalam banyak hal, ya. Protagonis nya, Faridah Hanom, misalnya dilukiskan mempunyai muka bujur siri, "pipinya umpama pauli dilayang", "giginya scumpama mutiara ataupun delima merkah" atau formula-formula tradisional scumpama nya. Walaupun kedua dua watak pentingnya, Shafik Afandi dan Faridah Hanom, bukan putera atau puteri seperti dalam hikayat mereka digambarkan sedemikian dalam novel ini. Mereka dilukiskan tinggal di rumah yang besar seperti mahligai, dilayani oleh dayang-dayang yang ramai, dan menggunakan istilah-istilah diraja seperti bera dan beradu. Juga seperti dalam hikayat apabila wira dan wirawarinya bersedih dan menghamburkan air mata para dayang mereka ikut serta. Tidak ketinggalan novel ini juga diseling-seli dengan syair— satu ciri yang biasanya terdapat pada hikayat. Keseluruhannya walaupun watak dan latar belakangnya asing, emosi yang mendasarinya adalah Melayu. Barangkali ini adalah salah satu sebab

kenapa novel itu begitu popular kepada masyarakat Melayu waktu itu. Dengan terdapatnya titik pertemuan antara penulis dengan pembaca, komunikasi menjadi lancar dan proses pembujukan penulis menjadi lebih mudah. Besar kemungkinan pembaca "membeli" idea penulis tanpa disedarnya.

Secara umum *Faridah Hanom* ialah sebuah novel mengenai modernisasi dan tentang Islam terhadapnya. Secara khusus, bagaimanapun, novel ini ialah mengenai status wanita, emansipasi wanita dan hubungan gender yang sesuai dalam masyarakat Islam. Menurut Faridah Hanom, salah satu sebab kenapa masyarakat Islam mundur dan banyak daripada negara-negara Islam dijajah ialah kerana mereka membelakangkan ilmu dan memberi layanan yang buruk kepada kaum wanita. Dalam salah satu perbincanganannya dengan Shafiq Afandi beliau berhujah:

Bukankah orang Inggeris sekarang ini masuk memerintah negeri kita ini kerana kebodohan kita dan kerana tidak mengerti kita memerintah negeri bukannya kerana orang Inggeris itu lebih sifatnya daripada kita ... hanyalah sebab mereka itu lebih pelajaran dan lebih pengetahuan daripada kita ... Tetapi hendaklah ianya memeriksa akan sebab-sebab yang menjadikan orang-orang Inggeris itu terlebih pandai dan terlebih kuat daripada kita. Maka jika diperbaiki demikian cetinya diperiksanya akan sebab-sebab kemajuan bangsa Inggeris dan sebab-sebab kejatuhan bangsa kita nescaya senanglah ia mengetahui babawa sebab yang besar sekali ialah kerana sekalian bangsa Inggeris ini laki-laki dan perempuannya bersekutu pada menjadikan anak-anaknya besar dengan mempunyai perangai yang elok kasihkan kaum dan bangsanya. Adapun kita dengan kebodohan dan kesombongan sekalian laki-laki kita dikeluarkan oleh itu dua bahagian daripada perhimpunan kaumnya, taitulah selanyak bilangan perempuannya tidak dibenarkan oleh mereka itu sekalian perempuannya masuk bercampur bagi berusaha sama pada mempunyai ikhtiar membantarkan kemajuan kaumnya, hanyalah dipaksa oleh mereka itu tinggal selama-lamanya di dalam sifat kuda tunggangannya menunggu dan berhias dengan segala alatan yang menggemarkan menunggangnya sabaja ...

(*Faridah Hanom*: 116-117)

Bagi Faridah Hanom, kaum perempuan dijadikan Tuhan bukan untuk memuaskan nafsu kaum lelaki sahaja. Sebagai wanita yang terpelajar beliau sedar tentang pelbagai bentuk penindasan yang dialami oleh wanita dalam masyarakatnya. Dalam konteks masyarakat patriarki, peranan wanita ditafsirkan sebagai hanya memuaskan nafsu lelaki dan memasak (barangkali lanjutan daripada itu menguruskan rumah tangga) atau menurut lenggok bahasa pengarangnya: "ilmu tidur dengan laki dan memasak makan yang memberi sedap mulut dan kenyang perutnya sahaja" (hlm. 118). Faridah Hanom yang secara langsung menjadi jurubicara pengarangnya menyalahkan pembesar negeri dan ulama tradisional terhadap keadaan yang tidak memuaskan ini—pembesar negeri kerana sikap memeninggikan diri sementara para ulama tradisional pula kerana sikap mereka yang jumud dan banyak bergantung kepada pendapat-pendapat ulama silam, bukan dengan merujuk terus kepada al-Quran dan Hadis (hlm. 119). Bagi Faridah Hanom (dan Syed Syeikh al Hadi) soal emansipasi wanita atau pembebasan kaum ibu ini cukup penting, malah tersirat dalam petikan di atas dan beberapa dialog yang lain bahawa tanpa emansipasi/pembebasan kaum ibu tidak akan berlaku emansipasi/kemerdekaan ibu periwiti.

Berkaitan dengan soal emansipasi wanita ini ialah soal hubungan gender yang wajar dalam masyarakat Islam. Menurut Faridah Hanom perisihan antara lelaki dengan wanita bukanlah satu perkara yang natural. Menurut beliau lelaki dan wanita dijadikan Allah untuk satu sama lain dan jimat itu adalah sebahagian daripada firrah manusia. Bagaimanapun, ini tidak bermakna manusia boleh melempaskan nafsu mereka apabila dan di mana sahaja mereka suka kerana "bagi kehidupan manusia ini ada kanun adat peraturan yang dijadikan oleh Tuhan menurut kemuliaan kejadiannya itu supaya berlainan tabiat kehidupannya dengan tabiat kejadian kehidupan segala binatang ..." (hlm. 80-81).

Dengan perkataan lain, lelaki dan perempuan boleh bertemu tetapi sebagai orang Islam ada norma-norma tertentu yang mesti diperhatikan. Barangkali contoh yang paling jelas dalam hal ini ialah kelakuan Faridah Hanom dan Shafik Afandi apabila mereka bertemu, sama ada di taman rumah Faridah Hanom maupun di rumah sewa Shafik Afandi. Dalam pertemuan-pertemuan itu Faridah Hanom sentiasa diiringi oleh dayangnya. Dalam pertemuan-pertemuan itu juga kedua-dua kekasih bertindak sopan. Paling jauh mereka hanya berpelukan dan berciuman pada pipi dan dahi. Adegan pertemuan dua kekasih ini menarik kerana pada pengarang pertemuan seperti ini diboloskan dengan syarat mereka tidak melampaui sempadan. Sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan agama yang baik dan daripada keluarga yang baik-baik, Faridah Hanom sentiasa peka tentang kehormatannya sebagai seorang perempuan dan perihal pentingnya menjaga nama baik ibu bapa. Dari mula pertemuannya dengan Shafik Afandi, dia berikrar cintanya itu suci murni, bebas daripada keinginan melakukan sesuatu yang ditegah oleh agama dan adat. Dalam kata-katanya sendiri:

Bahaha kasih beta akan tuan daripada mula beta terpandang akan tuan itu,  
iaitu kasih dia asyik anak dara yang tidak berkehendak sekali kah kepada  
jalan pekerjaan kecemerlangan kehidupan dunia.

(*Faridah Hanom*: 8)

Kadangkala Faridah Hanom ragu-ragu tentang kejujuran Shafik Afandi dan keupayaannya mengawal diri. Dalam saat-saat begitu dia berdoa kepada Ilahi semoga melindunginya dan Shafik Afandi daripada perbuatan maksiat. Maka berdoalah Faridah Hanom dengan setulus hatinya:

Sekarang ini telah engkau takdirkan cinta berabi Shafik Afandi itu memiliki akan hati hambaMu yang daif ini, maka kasihanilah ya Tuhanku akan hambaMu ini pula, sekiranya Shafik Afandi itu seorang anak laki-laki

yang tidak boleh memelibarkan kehormatan perempuan anak dara yang tidak sekali kali gemar hidup dengan melakukan perbuatan yang sangat cemar bagi kehidupan anak-anak bangsawan, maka engkau cabutkanlah hati hambaMu ini kasih sayang yang terlekat kepadanya itu. Kasihanilah, ya Tuhanku akan kedua ibu bapa hambaMu yang sangat penat memelihara hambaMu dari kecil hingga besar, dengan kasih sayangnya, daripada terhalas akan kepentingannya itu dengan hitam muka daripada perbuatan hambaMu. Tetapi jika adalah Shafik Afandi itu laki-laki yang berpengetahuan melibukkan kehidupan yang bersih di dalam memelibarkan marimah dan kehormatan perempuan, tidak cenderung kepada hawa nafsu sekelian syantik. Maka matikanlah hambaMu di dalam kasih akan dia, serta jadikanlah Shafik Afandi itu ialah laki-laki yang awal dan ialah ju yang akhir sekali menjamab akan badan hambaMu ini di alam halal disukai oleh kedua ibu bapa hambaMu.

(*Faridah Hanom*: 21)

Apa yang menarik tentang doa ini ialah ia mengabsahkan lagi idea bahawa pergaulan antara lelaki dengan perempuan adalah perkara biasa kalaupun tidak sebahagian daripada firab. Sementara pergaulan bebas ini mendedahkan lelaki dan perempuan kepada pelbagai cabaran, lelaki dan perempuan yang mempunyai pendidikan agama yang kuat dan asuhan yang baik daripada keluarga dapat membezakan yang betul dan yang salah, yang halal dan yang haram. Implikasi daripada semua ini ialah ibu bapa tidak perlu risau kepada anak remaja mereka kerana pada analisis terakhir kawalan sosial yang paling berkesan bukan masyarakat atau jentera pemerintah tetapi individu itu sendiri kerana walaupun mereka tidak diperhatikan oleh masyarakat, apa yang mereka lakukan diketahui oleh Tuhan. Bagi mereka yang kuat berpegang kepada agama ini sahaja sudah mencukupi untuk mencegah mereka daripada melakukan maksiat.

Barangkali contoh yang paling baik mengenai perkara ini ialah adegan di mana Faridah Hanom cuba menggoda kekasihnya. Mengesyaki yang Shafik Afandi mempunyai muslihat menyewa

rumah di luar kota Kaherah sebagai tempat mereka memadu kasih, Faridah Hanom mengambil keputusan mengujinya. Beliau memakai pakaian ketat yang sama dengan warna kulitnya. Kecuali pakaian tidur yang jarang yang menutupi bahagian atas tubuhnya, dia kelihatan seolah-olah telanjang. Beginilah gambaran pengarang tentang adegan godaan itu:

... maka Shafik Afandi pun apabila mendengar seru kekasihnya memanggil ianya masuk ke dalam bilik itu segeralah ianya bangun berjalan menuju ke pintu bilik itu, apakah termasuk sabaja Shafik Afandi lepas ke dalam pintu itu terpandanglah ianya akan kekasihnya terdiri tegak berhaju hanyalah sehelai baju shemis yang sangat nipis dan singkat, nampaklah kepadanya setengah dadanya dan betisnya dan cahaya kulit tubuhnya mentancar-mancar keluar daripada bajunya yang sangat nipis itu seumpama suatu berhala yang dibangunkan daripada gemala yang bernyala-nyala cahayanya.

Maka terpegulalih Shafik Afandi di hampir pintu itu tiada dapat melangkahkan kakinya heran tercengang cengang memandang kekasihnya itu, maka Faridah Hanom pun tertawa melihatkan hal Shafik Afandi terdiri itu seraya berkata: "Wahai kekasih beta Shafik Afandi, mengapakah kekasihku terdiri tercengang cengang di hampir pintu itu."

Maka Shafik Afandi pun terkejut mendengar suara Faridah Hanom ini sambil menundukkan kepalamnya mengucap, "La haula walaquata illah billahil ali ul azim." Lalu ianya berpaling semula berjalan keluar bilik tenus turun ke bawah naik keretanya pulang ke rumahnya sekali.

(*Faridah Hanom*: 66)

Adegan ini pasti menggemparkan golongan konservatif dalam masyarakat. Hakikat bahawa seorang perempuan berani mendedahkan aurat kepada seorang yang bukan muhriminya walaupun dalam novel (terutama novel yang kuat nada Islamnya) tidak dapat tidak menetuskan kegusaran sedikit. Pembaca dapat mengesan sedikit ketegangan di sini—untuk mengelak dicap tidak bermoral atau

menulis pornografi pengarang membuat Faridah Hanom menjelaskan kepada dayangnya bahawa niatnya ialah untuk menguji Shafik Afandi. Sebagai membuktikan niat baiknya itu Faridah Hanom malah menyuruh dayangnya menyentuh pakaian ketatnya dan menunjukkan betapa susah untuk membukanya.

Ketegangan tentang halal dan haram juga terdapat dalam adegan ranjang. Jika pengarang mahu beliau boleh menggambarkan suasana di kamar pengantin sepenuhnya dalam prosa tetapi beliau memilih untuk menggunakan syair. Walaupun adegan di kamar pengantin boleh digambarkan dalam prosa, puisi terutamanya syair mempunyai kelowesan untuk menangani perkara yang sensitif ini dengan cara yang lebih balus. Hakikat bahawa syair asalnya dikarang untuk mengungkapkan pemikiran sufi yang mendalam dan dibekalkan pula dengan perbendaharaan kata agama yang luas bermakna, syair adalah satu genre yang natural untuk menyampaikan atau mengungkapkan pemikiran yang bersifat agama atau separa agama.

Selaras dengan retorika Melayu yang mengungkapkan sesuatu yang sensitif dengan cara yang tidak langsung, pengarang menggunakan lambang dan kiasan untuk menyampaikan amanatnya. Berikut ialah petikan beberapa bait syair yang banyak menggunakan unsur-unsur ini:

Laila dan Majnun telah berjumpa  
Yusof dan Zaleha bertemu rupa  
Maklumlah pembaca saudara dan bapa  
Asyik bertahan baharu berspa.

Faridah berada mengiring mulanya  
Ketudian lentang lama kelamaannya  
Zahirlah nyata sinar tubuhnya  
Impama berlian elok canainya.

Kudrat Tuhan Illahu Ali  
Awan dan mega tersingkap sekali  
Bintang zaharah nampak tajali  
Zahirlah kubah keramat dan wali.

Shafik pun khayal di situ sebenar  
Seluruh anggota rasa menggeletar  
Mengucaplah ianya ya rabbi ya sattar  
Ampunkan dosaku Illahi ya Ghaffar.

Dosa mabuklah Shafik di bahan gelora  
Hilanglah peringatan hilang kira-kira  
Anak kunci kubah dipadukan segera  
Merebutkan sementara Faridah nan cendera

Dirasanya pintu besi khursani  
Shafik menyeru ya Allah ya Rahimani  
Kurniakan rahmat hantbahMu ini  
Masukkan ke syurga jannah adnani.

Malaikat rahmat turun bertiungangan  
Muda yang sabar sampailah angan-angan  
Terbukalah olehnya pintu kayangan  
Lazatnya meliputi tubuh dan tangani.

Masuklah Shafik ke jannah tunnaim  
Menenerima nikmat Illahu Azim  
Lazatnya mesra ya Rabbi ya Rabim  
Seluruh anggota mengucap ya Karim.

Terlalai seketika Shafik di situ  
Meliharkan bersih kubahnya itu  
Alamat permulaan terbuka pintu  
Nampaklah nyata hilanglah mutu.

Faridah nan lena umpama mati  
Tak sedar sekali apa pekerti  
Bila terasa perbuatan menyakati (menyakiti?)  
[Baris yang hilang].

Diperhatikan kakanda menindih tanpa  
Menepuk memalu pinto kubahnya  
Beberapa hendak melepas dirinya  
Lemah dan lembut sendi anggotanya.

(Faridah Hanum: 246-252)

Perhatikan bagaimana pengarang menggunakan lambang-lambang agama untuk menggambarkan perhubungan suami isteri yang intim: bintang zaharah nampak tajali, zahirlah kubah keramat dan wali, Bintang zaharah melambangkan wanita atau alat kewanitaan sementara kubah pula merujuk pada senjata lelaki. Selain kubah, keramat dan wali adalah lambang-lambang agama. Begitu juga dengan nama-nama Allah seperti Ali, Ghafar, Rahman, Rahim, Azim dan Karim. Kehadiran malaikat sekutu Shafik merebut keperawanahan isterinya menyarankan bahawa hubungan kelamin antara suami dan isteri itu adalah satu hubungan yang suci atau sakral.

Berdasarkan perbincangan di atas siapakah pembaca tersirat Faridah Hanom? Daripada bukti-bukti yang dipaparkan jelaslah pembaca tersirat atau khalayak yang menjadi sasaran pengarang rata ratanya adalah golongan muda yang bersikap *anti-establishment*. Mereka juga dapat mengidentifikasi diri dengan Shafik Afandi dari Faridah Hanom terutama idea atau pandangan mereka tentang peranan lelaki dan wanita dalam masyarakat, iaitu berdasarkan kesamarataan dan saling melengkapi antara satu sama lain, perlunya ijihad dengan kembali kepada Quran dan Sunnah dan menolak taklid. Pembaca tersirat novel ini juga adalah Muslim yang liberal yang mempunyai tahap toleransi yang tinggi, yang menghargai bahan-bahan bacaan mengenai seks dan berpendapat seks adalah perkara yang wajar dalam wacana sastera.

## Bibliografi

- A. Wahab Ali. *The Emergence of the Novel in Modern Indonesian and Malaysian Literature: A Comparative Study*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Al Syed Sveikh Ahmad al-Hadi. *Faridah Hanom*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1985.
- Booth, Wayne C. *The Rhetoric of Fiction*. Chicago: University of Chicago Press, 1961.
- Foss, Sonja et al. *Contemporary Perspectives on Rhetoric*. Prospect Height, Ill.: Waveland Press, 1965.
- Gombrich, E. H. *Art and Illusion: A Study in the Psychology of Pictorial Representation*. Princeton: Princeton University Press, 1984.
- Ismail Ibrahim. "Faridah Hanom Novel Saduran". *Derian Majyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.
- Roff, William R. "Kaum Tua-Kaum Muda: Innovation and Reaction Amongst the Malays, 1900-1941". Di dalam Tregonning, K. G. (ed.), *Papers on Malayan History*. Singapura, 1962.
- Tiwon, Sylvia. *Breaking the Spell: Tradition and Indonesian Poets of the 1930's*. Disertasi Ph.D., University of California, Berkeley, 1985.
- Yahaya Ismail. "Ulikayai Faridah Hanom Memerlukan Kajian Semula". *Derian Majyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jun 1968.

# **Syed Syeikh al-Hadi: Peranannya dalam Perkembangan Bahasa Melayu (Era Kolonial 1867–1934)**

*Kamal Shukri Abdullah Nanu*

## **Pendahuluan**

Syed Syeikh Ahmad al-Hadi berketurunan Melayo-Arab dilahirkan pada tahun 1867 di Kampung Hulu, Melaka. Ibunya berketurunan Melayu dan bapanya berketurunan Arab. Beliau berguru akan bahasa Melayu dan Arab dengan bapanya sendiri. Di samping itu, beliau turut berguru dengan Raja Ali Haji, yang berpengaruh tinggi dalam bahasa Melayu, Arab dan agama Islam. Syed Syeikh al-Hadi semasa hidupnya telah menulis, mengelola dan menerbitkan pelbagai karya seperti:

## **Kitab agama dan pengetahuan**

*Al-Tarikh al-Islami* (1922) tentang sejarah perkembangan Islam  
*Tafsir Juz 'Amma* (1927) terjemahan karya Syeikh Muhammad Abdurrahman  
*Tafsiran al-Fatihah* (1928) terjemahan karya Syeikh Muhammad Abdurrahman  
*Alam Perempuan* (1930) terjemahan karya Qasim Amin, Bey, Mesir  
*Ugama Islam dan 'Ikal* (1931)  
*Hudiah Kenangan* (1933) kumpulan empat esai oleh Syeikh Muhammad Abdurrahman dan Za'ba

## **Novel**

*Hikayat Setia Asbek kepada Maashok-nya (Hikayat Faridah Hanom)*  
*Hikayat Taman Chinta Berabi atau Hikayat Mahir Afandi dengan Iqbal Hanom* (1928)  
*Hikayat Anak Dara Ghassan atau Hikayat Hendon dengan Hammad* (1929)  
*Hikayat Chermin Kehidupan* (1929)  
*Hikayat Pembelaan Dalam Rabsia atau Kasih Saudara kepada Sundaranya* (1929)  
*Hikayat Puteri Nurul Iin* (1929)

## **Siri Cerita Mata-Mata Gelap Rokambul**

*Cerita Rokambul dalam Jel dan di Paris*  
*Cerita Rokambul dalam Siberia*  
*Cerita Rokambul dengan Korban Hindi*  
*Cerita Rokambul dengan Malin Kaum Nur*  
*Cerita Rokambul dengan Taman Penglipor Lara*  
*Cerita Rokambul dengan Perbendabaraan Hindi*  
(terjemahan daripada Timur Tengah dan sebelumnya diterbitkan secara bersiri dalam akhbar *Saudara* 1928–1934)

Di samping novel-novelnya, beliau juga menerbitkan majalah bulanan *Al-Ikhwan* pada tahun 1926 yang membincarkan persoalan agama, kemajuan orang Islam dan juga tentang kebebasan wanita serta sejarah Islam. Akhbar ini mulanya diterbitkan pada 16 Ogos 1926 dan dicetak oleh The British Malaya Company, kemudiannya oleh Jelutong Press, Pulau Pinang. Akhbar terakhir ialah pada 16 Disember 1931 (Arkib Negara 1995: 4).



Stariakat percetakan Jelutong Press

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Selepas itu Syed Syeikh al-Hadi telah menerbitkan pula akhbar *Nandar* yang pada mulanya diterbitkan tiga minggu sekali bermula pada 29 September 1928. Akhbar ini lebih panjang hayatnya, iaitu kira-kira 13 tahun. Akhbar ini juga bertulisan jawi dan dicetak oleh Jelutong Press, Pulau Pinang yang dimiliki oleh Syed Syeikh al Hadi sendiri. Akhbar ini diterbitkan secara mingguan (setiap Sabtu) dalam tahun 1928–1932, dua kali seminggu sepanjang tahun-tahun 1932–1941 dan terbitan terakhir ialah dalam tahun 1941 (Arkib Negara 1995: 50). Oleh sebab hayatnya yang panjang akhbar ini dipimpin oleh ramai pengarang, iaitu:

- (i) Mohd. Yunos Abdul Hamid (1928–1931)
- (ii) Abdul Rahim Kajai – penolong pengarang dan kemudiannya menjadi pengarang (1928–1931)
- (iii) Syed Alwi Syed Syeikh al-Hadi (1932)
- (iv) Abdul Wahab Abdullah (1932–1933)
- (v) Syed Syeikh Ahmad al-Hadi (1933–1934) – berhenti kerana meninggal dunia
- (vi) Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Azhari (1934)
- (vii) Syed Alwi Syed Syeikh Ahmad al-Hadi (1934)
- (viii) Mohd. Amin Naian
- (ix) Abdul Majid Sabil (1941)
- (x) Abdullah Hussain

(Arkib Negara 1995: 50)

Akhbar dan majalah berbahasa Melayu sekitar tahun 1876 hingga 1906 ada kira-kira 15 jenis sahaja dan ada yang hidup beberapa tahun sahaja (Li Chuan Siew 1972). Kebanyakannya memuatkan berita dalam dan luar negeri. Cuma akhbar *Chabaya Pulau Pinang* (1900–1906) yang memuatkan berita-berita tentang Turki dan Mesir. *Al-Imam* yang diselenggara bersama di Singapura bermula Julai 1906 oleh Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Azhari, Syeikh Muhammad Salim al-Kalali, dan Haji Abbas Mohd. Taha yang banyak mengupas tentang penyakit masyarakat Melayu, memberi kesedaran dan rangsangan kepada mereka.

Menurut Roff, W. R. (1967), kedua-dua akhbar *Al-Ikbaran* dan *Saudara* yang diterbitkan oleh Syed Syeikh al-Hadi tersebut merupakan akhbar yang paling terkenal, sangat digemari dengan para pembacanya yang begitu luas. Walaupun begitu, kedua-duanya juga tidak sunyi daripada menerima kecaman dan kritikan "alim" dan "ulama" yang dikatakan berfikiran kolot pada ketika itu dalam beberapa isu tertentu.

## Perkembangan Akhbar dan Bahasa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu pada Awal Abad ke-20

Pada akhir abad ke-19 perkembangan bahasa Melayu mulai diberi perhatian, khususnya tentang pengkajian, pemeliharaan, pemupukan dan usaha peningkatan mutu bahasa Melayu. Ini terbukti dengan kelahiran sebuah buku pedoman bahasa Melayu berjudul *Kitab Penimpin Juhur* oleh Muhammad Ibrahim Munsyi pada tahun 1878. Seterusnya pula terbit buku *Kamus Malmudiyah* oleh Syed Mahmud Abdul Kadir pada tahun 1894, sebagai kamus terawal oleh anak tempatan. Akhirnya terbentuk pula sebuah pertubuhan khusus bagi mereka yang cinta akan bahasa Melayu dan ingin mengembangkannya, iaitu "Pakatan bagi Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa Melayu" yang dipimpin oleh Dato' Sri Amar Diraja Abdul Rahman bin Andak sebagai Yang Dipertua dan Encik Abu Bakar Husin sebagai Setiausaha Kehormatnya.

Beberapa majalah dan akhbar berbahasa Melayu (kebanyakannya bertulisan jawi) yang telah diterbitkan pada dasawarsa akhir abad ke-19 dan dasawarsa awal abad ke-20 ialah:

*Nekolah Melayu* (Singapura, Ogos 1888), *Al-Ikhbar* (Pulau Pinang, Ogos 1926), *Bentang Timur* (Singapura, Julai 1894), *Bahuteri* (Pulau Pinang, Januari 1932), *Bulan Melayu* (Johor Bahru, Jun 1930), *Chenderi Mala* (Tanjung Malim, November 1932), *Dewasa* (Pulau Pinang, Oktober 1931), *Dunia Melayu* (Pulau Pinang, Disember 1928), *Idaman Zamani* (Pulau Pinang, Januari 1925), *Jayaban Melayu* (Taiping, 1896), *Jaya* (Johor Bahru, November 1927), *Jawi Peranakan* (Singapura, 1876), *Kanak Kanak* (Singapura, November 1931), *Kenchana* (Kota Bharu, April 1930), *Lembaga Melayu* (Singapura, Ogos 1914), *Lembahan Guru* (Muar, Julai 1926), *Lengkongan Bulan* (Pulau Pinang, April 1900), *Lidah Benar* (Klang, September 1929), *Lidah Teruna* (Muar, Jun 1920), *Majalah al-Kamilah* (Kota Bharu, Januari 1930), *Majalah Guru* (Seremban, November 1924), *Maglis* (Kuala Lumpur, Disember 1931), *Malaya* (Pulau Pinang, Mei 1926), *Masa* (Muar, Januari 1924), *Neracha* (Singapura, Jun 1911), *Panduan Guru*

(Pulau Pinang, Julai 1922), *Panji-Pangi Melayu* (Muar, Julai 1927), *Pemimpin Melayu* (Pulau Pinang, Julai 1933), *Peyumbuh* (Singapura, Mei 1924), *Perkembangan Dnia* (Singapura, Februari 1932), *Sandara* (Pulau Pinang, 29 September 1928–1941), *Semangat Islam* (Pulau Pinang, November 1929), *Sinar Melayu* (Ipoh, Jun 1931), *Sinar Besar* (Melaka, September 1932), *Sinar Melayu* (Pulau Pinang, Januari 1926), *Tanah Melayu* (Singapura, Mac 1933), *Temasek* (Singapura, Mac 1930), *Tetuan Alzada* (Seremban, Disember 1928), *Umsor Melayu* (Singapura, November 1907), *Warta Melayu* (Singapura, Januari 1930), *Warta Melayu* (Singapura, Mac 1898), *Warta Negeri* (Kuala Lumpur, Mei 1929), dan *Warta Penang* (September 1929). (Arkib Negara 1995).

Menurut Zainal Abidin Ahmad (1974) kemunculan majalah dan akhbar berbahasa Melayu tersebut diakui telah membawa pemikiran baharu di samping menimbulkan konflik bentuk dan corak penulisan yang baru juga. Walau bagaimanapun, menurut Roff, andaian bahawa Pulau Pinang dalam tahun-tahun 1920-an telah mengambil peranan Singapura sebagai pusat reformasi pemikiran dan sastera adalah merupakan sumbangan Syed Syeikh al-Hadi (Roff 1967). Selain usaha Syed Syeikh al-Hadi menubuhkan Madrasah al-Mashoor yang begitu ternama di seluruh Tanah Melayu pada ketika itu (1918) dengan penuntututnya termasuk Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Pengurus PAS Perlis, Hj. Abu Bakar Ashaari, akhbar terbitannya *Sandara* juga turut memainkan peranannya yang penting. Melalui *Sandara*, pemikirannya tentang isu semasa terlontar jauh melalui polemik dan surat-surat kepada pengarang yang diterima.

## Literasi di Tanah Melayu (Awal Tahun 1900-an)

Pada masa ini orang Melayu telah ramai yang pandai menulis dan membaca serta cenderung politik. Mereka terdiri daripada kalangan guru-guru sekolah, kakitangan kerajaan, ahli perniagaan dan lain-lain. Mereka ini mungkin membeli atau membaca satu atau tiga majalah berkala sebulan selain membaca salah satu daripada akhbar yang ada

pada ketika itu. Malah mereka yang lebih rendah daripada golongan ini pun banyak yang berminat akan majalah berkala yang ada (Roff 1967). Ini jelas sekali apabila kira-kira 81 keluaran akhbar membanjiri hampir seluruh bandar utama di Tanah Melayu pada ketika itu seperti Kota Bharu, Kuala Pilah, Singapura, Kepala Batas, Muar, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Batu Pahat, Kuala Terengganu, Melaka, Kuala Kangsar, Johor Bahru, Ipoh dan Seremban (Roff 1961).

Banci yang dibuat pada tahun 1947 mendapati peratusan mereka yang dapat menulis dan membaca telah bertambah menjadi 50.2% bagi Tanah Melayu seluruhnya. Bagi Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan Perak peratusnya mencapai 70% (*Malaya, A Report in the 1947 Census of Population*, London, 1949). Kajian juga menunjukkan bahasa dalam tahun 1921, sebahagian daripada 30,000 orang Melayu dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dapat membaca dan menulis dalam bahasa Melayu. Dalam tahun 1931 pula, didapati 48.3% orang Melayu dewasa di bandar dan desa dapat membaca dan menulis (Roff 1967). Ini menunjukkan bahawa di sekitar tahun 1920-an, orang Melayu telah amat biasa dengan buku dan akhbar. Kehadiran *Saudara* oleh Syed Syeikh al-Hadi turut menyemarakkan literasi dalam kalangan bangsa Melayu tanpa mengira siapa audiennya dan juga saiz.

### ***Saudara: Peranan dan Sumbangannya***

Suasana pada akhir tahun 1920-an agak hangat dengan semangat perkauman. Para intelek Melayu pada ketika itu telah mula memikirkan keperluan bagi penubuhan sebuah persatuan yang tidak hanya bercorak sosioekonomi dan politik, tetapi juga kumpulan penulis dan pencinta bahasa Melayu. Akhbar *Majlis* misalnya menehadangkan satu jawatankuasa yang akan berusaha mengumpul perkataan dan ejaan di negeri masing-masing dan kemudiannya mengadakan pertemuan untuk penyelarasian. *Warta Malaya* pula

menyatakan bahawa masanya sudah tiba bagi sebuah "Persekutuan Pengarang di Semenanjung" diwujudkan bagi meningkatkan mutu penulisan.

## **Penubuhan Sahabat Pena**

Hasil desakan bagi mewujudkan sebuah pertubuhan akhirnya lahirlah Sahabat Pena pada 7 April 1934. Gagasan Sahabat Pena ini dilahirkan oleh penulis bernama Ariffin Ishak (dari Kota Kuala Muda, Kedah) melalui ruangan pojok "Pak Dollah" dalam Halaman Kanak-Kanak di dalam akhbar *Saudara* (Roff 1967). Ariffin dalam tulisannya menceadangkan agar sebahagian Halaman Kanak-Kanak tersebut diperuntukkan kepada penulis muda. Walau bagaimanapun, idea tersebut hanya terlaksana pada awal tahun 1934.

Dalam keluaran 17 Januari 1934, dalam Sahabat Pena dalam Halaman Kanak-Kanak, Mohd. Ariffin Ishak (Kota Kuala Muda, Kedah) menjelaskan tentang surat Daud Kassim dari Singapura yang meminta agar dibuat ruangan Sahabat Pena dalam akhbar *Saudara* seperti "sahabat pena di England" yang mempunyai "lencana" dan bayaran ahli sebanyak 24 sen. Surat Daud disiarkan yang menyatakan tujuannya agar wujud rasa persaudaraan antara sesama bangsa, manakala kanak-kanak sekolah pula dapat bertukar-tukar fikiran tentang hal masing-masing. Mereka yang tamat sekolah pula dapat mempertingkatkan mutu bangsa melalui ruangan Sahabat Pena di Halaman Kanak-Kanak yang dicadangkan itu.

Artikel pertama Ishak Ariffin dalam ruangan "Pak Dollah" tersiar dalam *Saudara* 31 Mac 1934 dengan judul "Pak Dollah Melawat Halaman". Ini menggantikan halaman "Pak Kadok" dan bertujuan bagi menambah pengetahuan, cermat jimat, daripada kesihatan badan, rumah tangga dan lain-lain. Ariffin juga menggantikan penulis

Ibrahim Ishak yang meninggal dunia (*Sandara* 31 Mac 1934, Sabtu). Selain itu, terdapat rencana "Fikiran Sehari-Hari oleh Pak Janggut" dan "Menjawab Surat-Surat" oleh Ariffin Ishak.

Dalam keluaran bertarikh 21 Mac 1934 pula, terdapat tulisan Saadon Zubir bertajuk "Kesabaran itu Ibu Pendapatan" yang turut menyentuh pandangan Syeikh Tahir Jalaluddin, John Milton dan "Shorthand Malay". Dalam keluaran 7 Februari 1934 pula, Abdul Majid Salleh al-Latif dari Ipoh menimbulkan isu Persatuan Sahabat Pena bagi Kanak-Kanak Sekolah. Beliau menyokong perkara ini bagi memberi peluang kepada anak-anak yang cerdik agar dapat meluaskan pandangan. Mohamad Khatib pula mengulas dan meminta Ariffin Ishak menjelaskan lagi tentang isu tersebut.

Dalam *Sandara* keluaran 17 Februari 1934, Ariffin Ishak meneadangkan Persekutuan Sahabat Pena Halaman Saudara (*The Pen Friend Halaman Sandara Club*) atau Persatuan Halaman Saudara/*Halaman Sandara Club*. Melalui Sahabat Pena difikirkan bahawa masing-masing dapat bertukar-tukar pengetahuan dan fikiran, misalnya seorang penulis menyatakan tentang persekitaran kediamannya yang tiada banyak rumah Melayu, kecuali Cina belaka, dan orang Melayu di tempatnya hanya bekerja makan gaji dan mereka agak kurang cermat.

Para penulis saling utus mengutus melalui Sahabat Pena Halaman Kanak-Kanak menanyakan tentang tujuan penubuhan Sahabat Pena (Ali Husin, *Sandara* 21 Februari), persoalan yuran Sahabat Pena (24 Februari), menyokong Sahabat Pena (Fikiran Pak Pandir 28 Februari), dan Sambur Seruan Sahabat (Idris Kelantan, 7 Mac). Ariffin Ishak menjawab semua persoalan melalui Halaman Kanak-Kanak tersebut dan membuat tawaran melukis lencana (*Sandara* 10 Mac 1934). Akhirnya dilukis oleh Sahabat Pena Rahman Kelantan yang turut disiarkan dalam *Sandara* 7 April 1934.

## Undang-Undang Sahabat Pena

Terdapat tujuh (7) peraturan atau undang-undang Sahabat Pena dan ini disiarkan oleh Muhammad Khatib dalam *Sundara* 7 April 1934 (keluaran Sabtu):

1. Sahabat Pena akan menggunakan bintang ini di dada tanpa mengira Sahabat Pena itu orang kecil atau besar.
2. Memakai lencana di dada baju sebelah kiri.
3. Sahabat Pena hendaklah senyum dan memberi salam apabila berjumpa.
4. Ahli-ahli hendaklah membaca Halaman Kanak-Kanak, menulis dan "masuk lumrah" apa-apa hadiah dalamnya.
5. Jika ada ahli yang tidak upaya membeli akhbar *Sundara*, ia hendaklah meminjam dan ahli hendaklah memberi pinjaman kepada mereka yang "lalai" hendak membeli.
6. Hendaklah mempelawa ahli menulis dan menghantar karangan dan hantar ke pejabat *Sundara* bagi mengurangkan belanja dan di atas sampul ditulis Sahabat Pena.
7. Mereka yang hendak menjadi ahli hendaklah membayar "wang mula masuk" 30 sen dan tiap-tiap tahun 20 sen.

Bakal ahli diminta mengirim wang 50 sen dan lencana akan dikirim kepada mereka. Dalam keluaran yang sama juga tersiar cerita "Seorang Gadis yang Taat" oleh Din Haji Mahadzir dari Kota Kuala Muda, Kedah. Borang iklan bagi menyertai Sahabat Pena telah disiarkan oleh "Pak Pandir" yang berbunyi:

Saya yang bertandatangan di bawah ini suka menjadi Sahabat Pena Halaman Saudara dan saya suka urus mengutus surat-surat kepada Sahabat Pena yang di lain-lain negeri. Dan bersama ini juga saya hantar 50 sen, iaitu wang permulaan 30 sen dan wang tabungan 20 sen.

Nama \_\_\_\_\_  
Tempat \_\_\_\_\_  
Umur saya \_\_\_\_\_

{Vandette 11 April 1954}

Sahabat Pena dan Penulisan

Melalui ruangan Sahabat Pena dalam *Sandara* terserlah banyak nama abli Sahabat Pena yang giat menulis, memberi rangsangan kepada rakan termasuk para abli dan penulis wanita. Nama-nama Cik Habsah (Ipoh), Asiah Ali (Chemur), Ramlah, Noriah Othman, Azizah dan lain-lain telah diseru oleh "Mak Andih" untuk "melawat ke halaman" tanpa rasa malu atau segan.

Sahabat Pena Tuan Abd. Rahman Alwi turut menulis mengesyorkan kepentingan pelajaran bagi bakal pengajur kemajuan yang disaran agar ada "berdarah kebangsaan", sebab masa mudanya telah ditanam benih jurnalis seperti Yang Mulia Cik Zainun Sulaiman (*Sandara* 14 April 1934). Cik Hafsa (Ipoh) turut menyumbang artikelnya "Perubahan Kaum Ibu dan Zaman Kini".

Ahli Sahabat Pena

Nama ahli baru Sahabat Pena disiarkan dalam ruangan Sahabat Pena tersebut. Sokongan juga diberikan terhadap kaum wanita yang hendak menjadi ahli, di samping mengingatkan tentang etika dan batas pergaularan yang perlu dipatuhi. Sahabat Pena Hafsa yang aktif

menulis turut mengingatkan akan kepentingan menuntut ilmu bagi kaum wanita dalam artikelnya "Kaum Ibu dengan Surat Khabar" (*Saudara* 23 Mei 1934). Hafsa juga menimbulkan isu larangan menuntut ilmu oleh "guru-guru palsu" dan "alim kucing". Keahlian Sahabat Pena begitu menyeluruh dan tersebar hampir ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu sehingga ke Sarawak dan Sabah (Labuan). Sehingga 30 Mei 1934 terdapat 33 ahli Sahabat Pena, iaitu:

1. Singapura	2 orang
2. Negeri Sembilan	2 orang
3. Perak	3 orang
4. Perlis	1 orang
5. Kedah	2 orang
6. Pulau Pinang	4 orang
7. Labuan	1 orang
8. Johor	4 orang
9. Kelantan	6 orang
10. Sarawak	2 orang
11. Terengganu	4 orang
12. Selangor	2 orang

### **Isu Perbincangan oleh Sahabat Pena**

Ariffin Ishak seorang penulis yang aktif dalam salah satu tulisannya "Jangan Salah Sangka" mengingatkan bahawa orang tua janganlah cuba merendah-rendahkan orang muda. Menurutnya orang muda sekarang berbeza daripada zaman dahulu. Mereka yang kurang membaca atau kurang teliti membaca kitab diingatkan janganlah pula cuba "mereka" hadis. Perbutan tersebut sudah tentulah melambatkan kemajuan (*Saudara* 2 Jun 1936).

Yusoff Haji Ahmad, Kota Kuala Muda pula dalam "Sangka-Sangka dan Syak" (*Saudara* 13 Jun 1934) membincangkan isu anak perempuan yang ditegah daripada "tulis-menulis". Pada pandangan-nya ini tentulah mensia-sikan apa yang telah dipelajarinya. Akibat nya jika anak perempuan itu menerima surat maka terpaksalah diusung ke sana sini sebab tidak dapat menyainnya, dan akhirnya jarinya dipegang orang lain untuk mengambil capnya.

Seterusnya, Mohamad Khatib pula telah mencadangkan penubuhan "kutubkhanah" (*Saudara* 8 Ogos 1934) dan undang-undang kutubkhanah tersebut dicadangkan oleh sababat bernama Hamidun (*Saudara* 5 September 1934). Pada ketika ini ahli Sahabat Pena sudah berjumlah 133 orang.

Selain itu, Sababat Pena juga cuba dikaitkan dengan isu "kongsi gelap" oleh beberapa pihak. Tetapi Tuan Abd. Rahman Alwi mempertahankan Sahabat Pena. Menurutnya kerana tidak berpersatu-anlah punca umat Melayu jahatam.

Dalam *Saudara* keluaran 15 September 1934, dinyatakan bahawa Persaudaraan Sahabat Pena diketuai oleh Ariffin Ishak, Mohamad Khatib dan Daud Kassim. Tujuannya ialah untuk merangsang dan membangkitkan perasaan bangsa Melayu "yang ada dendki-mendengki" kepada tolong-menolong, bersatu fikiran, perniagaan dan lain-lain ke arah kemajuan. Ariffin Ishak juga mengatakan bahawa tidak berapa lama lagi bolehlah pula didirikan *association* seperti "The Perak Malay Association" atau "The Selangor Malay Association", untuk mempertahankan hak-hak bangsa Melayu daripada dirampas (mereka yang mengaku diri mereka Malayan).

## **Penubuhan PASPAM**

Sahabat Pena bukanlah sebuah pertubuhan pengarang dalam erti kata sebenarnya, tetapi lebih merupakan badan yang mempunyai ciri sebuah badan pergerakan kebangsaan. Syed Alwi al-Hadi melihatnya sebagai badan yang dapat menggembung dari menolong orang Melayu melalui bahasa dan kebudayaan untuk menjadi masyarakat yang mempunyai keyakinan diri, tabah dan maju (Ahmat Adam 1994).

Pada 11 November 1934 Sahabat Pena telah mengadakan persidangannya yang pertama di Taiping, Perak dengan dihadiri oleh ahli dari seluruh pelosok tanah air. Keahlian yang bertambah akhirnya mendorong pemimpinnya mendaftarkannya sebagai sebuah pertubuhan yang sah. Maka pada 20 Mei 1935 wujudlah Persaudaraan Sahabat Pena Malaya atau PASPAM secara rasminya. Yang Dipertuaanya S. M. Zainal Abidin menyifatkan PASPAM sebagai "Persatuan Persuratan Melayu" yang mempunyai cita-cita untuk menjalin silaturrahim dan kerjasama dalam kalangan ahlinya, menyemai sifat gemar membaca dan berminat dalam bahasa dan kesusastraan Melayu, dan juga untuk menubuhkan sebuah perpustakaan Melayu. Daripada PASPAM terpancar semangat "**Hidup Bahasa! Hiduplah Bangsa!**".

Pertubuhan dan slogan ini bersesuaian sebagai peringatan penting bagi orang Melayu mempertahankan identiti Melayu melalui kemuliaan bahasanya sebab pada tahun-tahun 1930-an masyarakat Melayu berasa kedinginan mereka tercabar dan tergugat oleh tuntutan kaum imigran yang cuba manafikan orang Melayu sebagai peribumi yang mempusakai negeri ini seperti yang dinyatakan oleh Lim Ching Yan, seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang pada 6 Februari 1931 yang menimbulkan kemarahan orang Melayu pada ketika itu (Ahmat Adam 1994). Isu ini turut disentuh oleh akhbar

terbitan Syed Syeikh al Hadi, *Al-Ikbiran* (16 Februari 1931), dan Sandar akhbar Majlis serta *Majalah Guru* (Oktober 1931).

Kesedaran dan semangat yang dipupuk akhirnya membawa kepada tuntutan agar bahasa Melayu diberi taraf dan nilai ekonomi yang lebih tinggi. Para pejuang bahasa menuntut agar bahasa Melayu dijadikan syarat wajib lulus bagi semua (termasuk orang asing) yang ingin berkhidmat dengan kerajaan, sekalipun pada ketika itu kaum bukan Melayu menganggap mempelajari bahasa Melayu yang tidak mungkin berguna pada masa depannya hanya membuang masa sahaja. Tan Cheng Lock sendiri mengesyorkan agar bahasa Inggeris sahaja yang digunakan sebagai bahasa umum sebab bahasa Melayu dikatakan tidak lengkap langsung dan tidak sesuai terutama bagi orang bukan Melayu (Almat Adam 1994).

Orang Melayu juga ada yang berfikiran begitu, termasuk Jabatan Tanah dan Kerja Raya Johor, dan Kerajaan Johor yang ditegur dan dikecam oleh pengarang akhbar (*Warta Melayu* 2 Julai 1934) sebab meneuakan bahasa Melayu sedangkan kebanyakannya ahli Mesyuarat tidak semuanya memahami bahasa Inggeris. Menurut pengarang *Warta Melayu* tiada orang Melayu yang betul fikirannya akan mengesyorkan seperti itu, yang akan mengakibatkan kehilangan bahasa Melayu, bahasa nenek moyangnya, yang pada suatu ketika begitu gemilang di wilayah timur ini (*Warta Melayu* 2 Julai 1934).

Kesedaran daripada penubuhan Sahabat Pena dan PASPAM disusuli kemudiannya dengan lebih banyak lagi penubuhan persatuan dan badan-badan bahasa yang lain seperti Angkatan Sasterawan 50, Lembaga Bahasa Melayu Singapura, Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung Tanah Melayu dan badan-badan bahasa lain di peringkat negeri. Penubuhan badan-badan bahasa tersebut juga semata-mata untuk meningkatkan mutu penulisan, memajukan dan memperkembangkan bahasa dan kesusastraan Melayu dalam

kalangan masyarakat. Di samping itu juga, untuk menyatukan para penulis dan peminat bahasa dan sastera Melayu ke dalam satu ikatan supaya dapat bersama-sama memperjuangkan kepentingan dan hak-hak orang Melayu melalui bidang bahasa dan kesusasteraan. Dengan cara ini perjuangan mereka akan lebih berkesan. Tujuan tersebut samalah seperti yang dihasratkan lebih awal oleh PASPAM.

Dalam *Sandara* keluaran 18 Ogos 1935 dicatatkan dengan jelas tujuan PASPAM, iaitu untuk memupuk semangat kerjasama dan berbaik sesama bangsa, gemar membaca dan mencintai bahasa Melayu dan kesusasteraan, dan mewujudkan perpustakaan Melayu. Keahlian pada masa itu ialah 1,500 orang dan 90% terdiri daripada kalangan guru dan kakitangan kerajaan. Perkara ini dijelaskan dalam setiap mesyuarat cawangan PASPAM, tujuan dan peraturannya. Misalnya dalam mesyuarat PASPAM Cawangan Selama, Perak, ahli disaran agar rajin membaca akhbar terutamanya *Sandara*, berlatih mengarang dan mengadakan tempat membaca buku di Selama. Keahlian Sahabat Pena kemudiannya menceapai lebih dua ribu orang dari seluruh negeri.

Pada 4 Ogos 1935, PASPAM telah mengadakan Persidangan Kedua PASPAM Malaya di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Presidennya S. M. Zainal Abidin telah menegaskan dalam pertemuan ini bahawa PASPAM bukanlah kongsi gelap atau komunis seperti anggapan atau tohmah sesetengah pihak (*Sandara* 18 Ogos 1935). Malah pihak polis cawangan khas telah pun mengecualikan pendaftarannya pada 20 Mei 1935 selepas menyօal siasat para pemimpinnya (Roff 1967).

Persidangan Ketiga PASPAM telah diadakan di Pulau Pinang dalam tahun 1936, keempat di Singapura (1937), di Ipoh (1938) dan Seremban (1939). Hasrat untuk mewujudkan perpustakaan Melayu akhirnya berhasil dengan pembukaan Perpustakaan Melayu di Pulau

Pinang, di Ibu Pejabat PASPAM. Keahlian PASPAM terus meningkat mencapai hampir 10,000 orang pada kira-kira pertengahan tahun 1937. Walau bagaimanapun, krisis dan polemik serta perubahan pimpinan kemudiannya telah membawa kepada kemerosotan keahlian PASPAM. Sekalipun begitu, jurnal bulanan *P-ISPAM* yang diedarkan percuma berjaya diterbitkan, manakala cawangan Sahabat Pena di Johor Bahru berjaya menubuhkan Lembaga Bahasa yang menganjurkan pertandingan menulis dan menerbitkan siri tahunannya 'Taman PASPAM' (Roff 1967).

## **Penutup**

Merujuk perkembangan akbar pada dasawarsa awal 1900, jelaslah akbar *Sandana* oleh Syed Syeikh al-Hadi merupakan akbar yang paling terkemuka sehingga Pulau Pinang dikatakan berupaya mengambil alih peranan Singapura sebagai pusat reformasi pemikiran dan bahasa serta kesusasteraan Melayu. Halaman Sahabat Pena dalam ruangan Kanak-Kanaknya relab menjadi pencetus kepada kelahiran para penulis baru bagi meniup idea-idea baru yang akhirnya melahirkan sebuah pertubuhan besar, Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) sebagai pemangkin kepada kewujudan kesedaran dan semangat cinta akan bahasa dan sastera Melayu. Melalui usaha awal utus mengutus surat, artikel dan aktiviti lainnya, secara langsung dan tidak langsung aktiviti perkembangan bahasa Melayu telah berkembang dan tersebar ke seluruh pelosok Tanah Melayu pada ketika itu. Ini jelas daripada keahlian Sahabat Pena dan seterusnya PASPAM yang tersebar dari Semenanjung Tanah Melayu hingga ke Borneo, dari Kangar di Perlis sehingga ke Kuching di Sarawak. Saudara dan Sahabat Pena telah membawa era baru dalam pemikiran dan penulisan khususnya dalam kalangan penulis muda, dan seperti yang dihasratkan oleh Syed Syeikh Ahmad al-Hadi, "membantu

bangsa Melayu melalui bahasa dan kebudayaan ke arah yakin diri dan menjadi ahli masyarakat Melayu Muslim yang moden".

## Bibliografi

- Ahmat Adam. *Itin Bahasa dan Pembentukan Bangsa*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1994.
- Abdullah Hussain dan Khalid Hussain (penyusun). *Pendiri Zul'be dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
- Arkib Negara Malaysia. *Katalog Nama Khabar dan Majalah BM*. Kuala Lumpur: Arkib Negara, 1995.
- Jihary Abadi, Azran Rabeman dan Amida Abdul Hami. *Nari Sejarah Kesasterian Melayu-Indonesia (Tradisi dan Modern)*. Kuala Lumpur: Adabi Publishing Sdn. Bhd., 1984.
- Li Chuan Siu. *Iktisar Sejarah Pengaruh dan Kesasterian Melayu Baru 1830-1945*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1972.
- Manu Sikana. *Teras Sasteri Melayu Atas*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1982.
- Mohd. Safar Hashim. *Akhbar dan Knasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Melayu Agak 1896*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996.
- Roff, William R. *The Origin of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University Malaya Press & Yale University Press, 1967.
- \_\_\_\_\_. *Guides to Malay Periodical 1876-1941*. Singapura: Eastern Universities Press Ltd., 1961.
- Talib Samat. *Dalam Sekitar Dunia Sasteri dan Permasalahananya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- \_\_\_\_\_. *Sirif al-Hadi: Sasterawan Progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

## Akhbar, Majalah, Laporan dan Lain-Lain

- Sandara*, 17 Januari 1934.
- Sandara*, 7 Februari 1934.
- Sandara*, 17 Februari 1934.
- Sandara*, 10 Mac 1934.
- Sandara*, 7 April 1934.
- Sandara*, 11 April 1934.
- Sandara*, 14 April 1934.
- Sandara*, 21 Februari 1934.

*Nurul Syikhs al-Hadi: Peranannya dalam perkembangan bahasa Melayu*

*Sandara*, 18 Ogos 1935.

*Sandara*, 16 Februari 1934.

*Al-Ikbaran*, 16 Februari 1934.

*Magakib Cina*, Oktober 1934.

*Warta Melayu*, 2 Julai 1934.

## **Penyumbang**

---

### **Abdul Rahman Haji Ismail**

Profesor Madya dalam bidang Sejarah China dan Malaysia di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

### **Fadhlullah Jamil**

Bekas Profesor Madya dalam bidang Sejarah Islam dan Timur Tengah Moden di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

### **Shaharom TM Sulaiman**

Pensyarah Pengajian Maklumat, Perkembangan Pembacaan dan Sains Perpustakaan di Fakulti Pengajian Maklumat, Universiti Teknologi MARA

### **Talib Samat**

Pensyarah Kesusastraan Melayu Moden di Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris

### **Sarji Kasim**


Bekas pelajar sarjana dalam bidang Kesusastraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

### **Abdul Rahman Yusof**

Ketua Bahagian Kesusastraan Moden, Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Kamal Shukri Abdullah Sani**

Pegawai Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia



## Indeks

---

- Abdullah Munsyi, 13, 26  
Ahmad Rashid Talu, 84, 96, 115  
*Al-Din*, 39  
*Al-Ikhtilaf*, 3, 9, 16, 18, 19, 27, 30, 42,  
45, 80, 88, 94, 105, 136, 137, 148  
*Al-Lorani*, 3, 6, 14, 15, 16, 22, 38, 42, 64,  
69, 77, 78, 80, 101, 102, 105  
*Al-Manar*, 38, 43, 101  
Bidaah, 5, 15, 37, 43, 48  
Cerita-cerita Rokambul, 94, 95, 135  
*Close reading*, 123  
Emansipasi wanita, 84, 90, 105, 107,  
114, 115, 116, 126  
Feminisme, 90, 105  
Feudalisme, 51  
*Ulikayat Faridah Hanum*, 16, 46, 53, 58,  
81, 82, 83, 84, 87, 88, 95, 105,  
107, 108, 109, 110, 111, 115, 118,  
119, 120, 121, 122, 123, 124, 125  
*Islah*, 11, 16, 37, 38, 41, 42  
*Ijtihad*, 38  
Jelutong Press, 3, 80, 81, 88, 90, 93, 94,  
96, 118  
Kaum Muda, 38, 42, 69, 102  
Kaum Tua, 3, 6, 45, 58, 102  
Kelab Rasuciyyah, 11, 41, 60  
Khurafat, 5, 38, 43, 48  
Kolonialisme, 66, 112  
Kritikan retorik, 122  
Liberalisasi Barat, 7  
Liberalisme, 115

- Madrasah al Mashhoor, 3, 15, 79, 80, 96, 104  
Muhammad Iqbal, 5, 67, 68, 69  
  
Nasionalis agama, 116  
Nasionalisme, 96  
Negeri Negeri Selat, 1, 66, 73, 79, 102  
*Neraka*, 14, 42  
Novel saduran, 119, 121  
  
Pan Islamisme, 102  
PASPAM, 147, 148, 149, 150  
Pembaca tersirat, 123, 132  
Pembaharuan Islam, 3  
Penulis sebenar, 122  
Penulis tersirat, 122  
  
Qasim Amin, 52, 54, 99, 105  
  
Raja Ali Haji, 2, 11, 40, 134  
Riba, 52  
  
Salabat Pena, 141, 150  
  
*Safiq*, 38, 54  
Sisterawan, 73, 95  
*Saudara*, 3, 9, 10, 21, 42, 45, 80, 94, 105, 136, 137, 139, 140, 141, 142, 143, 144, 146, 148, 149, 150  
Sinktisme, 49  
Syair, 7, 130  
Syed Jamaluddin al Afghani, 66, 99, 100, 101  
Syed Muhammad Rashid Ridha, 43, 99, 101  
Syekh Muhammad Abdulk, 3, 5, 13, 41, 43, 45, 46, 52, 59, 62, 63, 64, 66, 76, 77, 78, 99, 101, 102, 105, 119  
Syekh Tahir Jalaluddin, 10, 13, 14, 38, 39, 42, 44, 64, 101, 137  
  
Taqlid, 48  
Tarekat Naqshabandiyah, 41, 48, 60  
  
Zalbu, 14, 26, 28, 29, 90, 119

